

**FAKTOR MEMPENGARUHI
GELAGAT KETIDAKPATUHAN CUKAI
DI KALANGAN PENGIMPORT DI MALAYSIA:
PERANAN RASUAH SEBAGAI PEMBOLEHUBAH PERANTARA**

WAN MAZLAN WAN MAT

**DOKTOR PENTADBIRAN PERNIAGAAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

**FAKTOR MEMPENGARUHI
GELAGAT KETIDAKPATUHAN CUKAI
DI KALANGAN PENGIMPORT DI MALAYSIA:
PERANAN RASUAH SEBAGAI PEMBOLEHUBAH PERANTARA**

Oleh

WAN MAZLAN WAN MAT

Desertasi ini diserahkan kepada
Sekolah Siswazah Perniagaan Othman Yeop Abdullah
bagi memenuhi syarat ijazah Doktor Pentadbiran Perniagaan
Universiti Utara Malaysia



OTHMAN YEOP ABDULLAH GRADUATE SCHOOL OF BUSINESS
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

PERAKUAN KERJA TESIS / DISERTASI
(Certification of thesis / dissertation)

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(We, the undersigned, certify that)

WAN MAZLAN WAN MAT

calon untuk Ijazah DOCTOR OF BUSINESS ADMINISTRATION
(candidate for the degree of)

telah mengemukakan tesis / disertasi yang bertajuk:
(has presented his/her thesis / dissertation of the following title):

FAKTOR MEMPENGARUHI GELAGAT KETIDAKPATUHAN CUKAI
DI KALANGAN PENGIMPORT DI MALAYSIA : PERANAN RASUAH
SEBAGAI PEMBOLEHUBAH PERANTARA

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis / disertasi.
(as it appears on the title page and front cover of the thesis / dissertation).

Bahawa tesis/disertasi tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada:

05 Mei 2015.

(That the said thesis/dissertation is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on:

05 May 2015).

Pengerusi Viva
(Chairman for Viva)

Prof. Dr. Wan Nordin Wan Hussin

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Luar
(External Examiner)

Prof. Datin Dr. Norsiah Ahmad

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Dalam
(Internal Examiner)

Assoc. Prof. Dr. Chek bin Derashid

Tandatangan
(Signature)

Tarikh: 05 May 2015
(Date)

Nama Pelajar
(Name of Student) : Wan Mazlan Wan Mat

Tajuk Tesis / Disertasi
(Title of the Thesis / Dissertation) : Faktor Mempengaruhi Gelagat Ketidakpatuhan Cukai di Kalangan Pengimport di Malaysia : Peranan Rasuah Sebagai Pembolehubah Perantara

Program Pengajian
(Programme of Study) : Doctor of Business Administration

Nama Penyelia/Penyelia-penyelia
(Name of Supervisor/Supervisors) : Assoc. Prof. Dr. Zainol bin Bidin



Tandatangan
(Signature)

KEBENARAN MENGGUNA (*PERMISSION TO USE*)

Dalam membentangkan desertasi ini, bagi memenuhi syarat sepenuhnya untuk ijazah lanjutan Universiti Utara Malaysia, saya bersetuju bahawa Perpustakaan Universiti boleh secara bebas membenarkan sesiapa saja untuk memeriksa. Saya juga bersetuju bahawa penyelia saya atau, jika ketiadaan beliau Dekan Penyelidikan dan Pasca Siswazah, diberi kebenaran untuk membuat salinan desertasi ini dalam sebarang bentuk, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, bagi tujuan kesarjanaan. Adalah dimaklumkan bahawa sebarang penyalinan atau penerbitan atau kegunaan desertasi ini sama ada sepenuhnya atau sebahagian daripadanya bagi tujuan keuntungan kewangan, tidak dibenarkan kecuali setelah mendapat kebenaran secara bertulis. Juga dimaklumkan bahawa pengiktirafan harus diberi kepada saya dan Universiti Utara Malaysia dalam sebarang kegunaan sarjana terhadap sebarang petikan daripada desertasi saya.

Sebarang permohonan untuk salinan atau mengguna mana-mana bahan dalam desertasi ini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, hendaklah dialamatkan kepada:

**Dekan
Sekolah Siswazah Lanjutan Othman Yeop Abdullah
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok Kedah Darul Aman**

In presenting this dissertation in full fulfilment of the requirements for a postgraduate degree from Universiti Utara Malaysia, I agree that the University Library may make it freely available for inspection. I further agree that permission for copying of this dissertation in any manner, in whole or in part, for scholarly purpose may be granted by my supervisor or, in his absence, by the Dean. It is understood that any copying or publication or use of this dissertation or parts thereof for financial gain shall not be allowed without my written permission. It is also understood that due recognition shall be given to me and to Universiti Utara Malaysia for any scholarly use which may be made of any material from my dissertation.

Request for permission to copy or to make other use of materials in this thesis, in whole or in part, should be addressed as above.

ABSTRAK

Walaupun pelbagai program telah dijalankan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) bagi meningkatkan pungutan cukai import, namun bukti statistik masih menunjukkan peningkatan ketidakpatuhan cukai di kalangan pengimport. Dengan bertambahnya ketidakpatuhan cukai, hasil cukai yang dipungut adalah lebih rendah daripada cukai sebenar. Terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada ketidakpatuhan cukai, tetapi sebahagian besar kajian terdahulu tidak memberi penerangan yang jelas mengapa pengimport melakukan ketidakpatuhan cukai. Sehingga kini, kajian yang membincangkan aspek ketidakpatuhan cukai import di Malaysia sukar ditemui. Oleh itu, kajian ini merupakan langkah pertama untuk menyiasat faktor-faktor penentu yang mempengaruhi ketidakpatuhan cukai import di Malaysia. Dalam usaha untuk menentukan faktor yang berkaitan, kajian ini menggunakan model sendiri kewangan sebagai asas kajian. Beberapa pembolehubah berkaitan dengan sosiologi dan psikologi turut diambil kira. Objektif pertama kajian adalah untuk menentukan pengaruh pengetahuan cukai, kerumitan sistem cukai, agen penghantaran, undang-undang cukai, penguatkuasaan, dan rasuah terhadap ketidakpatuhan cukai. Objektif kedua pula adalah untuk menentukan peranan perantara rasuah terhadap faktor-faktor di atas dalam mempengaruhi ketidakpatuhan cukai import. Untuk mencapai kedua-dua objektif ini, data kajian dipungut melalui soal selidik terhadap 151 responden terpilih yang terbukti melakukan ketidakpatuhan cukai import. Keputusan ujian regresi berganda menunjukkan model yang diuji mempunyai padanan yang sesuai apabila 65% varian (R-Square) ketidakpatuhan cukai dapat dijelaskan oleh pembolehubah bebas. Ini menunjukkan model yang digunakan dalam kajian ini adalah sesuai dan dapat meramalkan ketidakpatuhan cukai import. Kajian ini mendapati bahawa pembolehubah bebas iaitu pengetahuan cukai, agen penghantaran, undang-undang cukai, penguatkuasaan, dan rasuah menjadi penentu penting ketidakpatuhan cukai import. Kajian ini juga mendapati rasuah memberi kesan perantara penuh terhadap undang-undang cukai dan memberi kesan perantara separa terhadap agen penghantaran dan penguatkuasaan dalam hubungan terhadap ketidakpatuhan cukai. Hasil kajian ini menyediakan maklumat berguna kepada JKDM bagi membangunkan strategi untuk meningkatkan kepatuhan sukarela pada masa akan datang. Di samping itu, kajian ini juga menyumbang kepada literatur mengenai ketidakpatuhan cukai dengan menguji kesesuaian model sendiri kewangan dan rasuah sebagai pembolehubah dalam konteks cukai tidak langsung.

Kata kunci: cukai import, agen penghantaran, undang-undang cukai, rasuah, penguatkuasaan.

ABSTRACT

Despite various programmes organized by Royal Malaysian Customs Department (RMCD) to increase the collection of imported tax, prior statistical evidence indicates the increase of tax noncompliance among importers. Due to the increase of tax noncompliance, tax revenue collected is less than the expected actual tax. Indeed, a number of factors may contribute for tax noncompliance, but most of the literature does not provide adequate explanations of why importers evade taxes. Until now, import tax noncompliance in Malaysia is rarely found in the literature. Therefore, this study attempts to investigate the determining factors that could influence import tax noncompliance among importers in Malaysia. In order to determine the factors, this study applied financial self-interest model as the underlying model. Several factors relating to the sociology and psychology were incorporated in the theory. The first objective of the study was to determine the influence of knowledge of tax, complexity of tax system, forwarding agents, tax laws, enforcement, and corruption toward tax noncompliance. The second objective was to determine the mediating effect of corruption on the above factors toward tax noncompliance. To achieve both objectives, the study utilized the data gathered via questionnaire from 151 respondents who were proven engaged in import tax noncompliance. Multiple regression results revealed that the model tested were found to have a good fit when 65% of the variance (R-Square) in the tax noncompliance can be explained by the independent variables. This shows that the model used in the study is suitable to predict the import tax noncompliance. The independent variables found to influence import tax noncompliance knowledge of tax, forwarding agents, tax laws, enforcement, and corruption. The present study also found that corruption fully mediated tax laws, and partially mediated forwarding agents and enforcement toward tax noncompliance. The findings can provide some insights to the RMCD in developing strategies to facilitate more voluntary compliance in the future. The study also contributes to the tax noncompliance literature by testing the applicability of the financial self-interest model and corruption as variables in the context of the indirect tax.

Keywords: import tax, forwarding agent, tax law, corruption, enforcement.

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah, dengan rahmat Allah S.W.T tercapai juga impian untuk menyudahkan disertasi ini. Sesungguhnya, kejayaan ini membawa makna yang amat besar kepada diri saya tentang erti bimbingan, kerjasama, komitmen dan bantuan yang diberi kepada saya. Terima kasih tidak terhingga kepada Prof. Madya Dr. Zainol bin Bidin yang banyak meluangkan masa tanpa ada rasa jemu untuk membimbing dan memberi galakan kepada saya dalam usaha menyiapkan disertasi ini. Tanpa bantuan Prof. belum tentu disertasi ini dapat disiapkan. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan di Jabatan Kastam, terutamanya kepada Datuk Mohamed bin Jaafar, mantan Timbalan Pengarah Kastam, Bahagian Pengurusan Pematuhan, Ibupejabat Kastam Diraja Malaysia yang memudahkan urusan soal selidik dilakukan. Buat isteri tersayang Murni Zakaria, dan anak-anak Wan Munira, Wan Muzani, Wan Munisya dan Wan Munifa ucapan terima kasih tidak terhingga kerana tanpa jemu bersabar dan memberi ruang masa yang amat berharga bagi menyiapkan disertasi ini. Sokongan kalian semua amat dihargai.

KANDUNGAN

	Halaman
KEBENARAN MENGGUNA	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi

BAB 1: PENGENALAN

1.0	Latar Belakang	1
1.1	Penyataan Masalah	10
1.2	Soalan Kajian	12
1.3	Objektif Kajian	13
1.4	Sumbangan Kajian	13
1.5	Skop Kajian	14

BAB 2: SISTEM PENTADBIRAN CUKAI BARANGAN IMPORT

2.0	Pengenalan	16
2.1	Sejarah Pentadbiran Cukai Barangan Import	16
2.2	Pengimportan	18
2.2.1	Tempat Pendaratan (Pengimportan)	20
2.2.2	Jenis-jenis Cukai Barangan Import	21
2.2.2.1	Duti Import	21
2.2.2.2	Duti Eksais	22
2.2.2.3	Cukai Jualan	23
2.2.3	Pengikraran	24
2.2.4	Penjenisan Barangan	25

2.2.5	Nilai Barangan Import	25
2.2.5.1	Kaedah Nilai Transaksi	26
2.2.5.2	Kaedah Nilai Barangan Import Yang Sama	26
2.2.5.3	Kaedah Nilai Barangan Import Yang Serupa	27
2.2.5.4	Kaedah Nilai Tolakan	27
2.2.5.5	Kaedah Nilai Campuran	27
2.2.5.6	Kaedah Anjal	28
2.2.6	Taksiran Dan Pelepasan Import	28
2.3	Rumusan	28

BAB 3: ULASAN KARYA

3.0	Pengenalan	30
3.1	Pematuhan dan Ketidapatuhan Cukai	30
3.2	Model Kendiri Kewangan	37
3.3	Pembangunan Hipotesis	43
3.3.1	Pengetahuan Cukai	44
3.3.2	Kerumitan Sistem Cukai	50
3.3.3	Agen Penghantaran	55
3.3.4	Undang-undang Cukai dan Penguatkuasaan	59
3.3.5	Rasuah	67
3.4	Rumusan	71

BAB 4: METODOLOGI KAJIAN

4.0	Pengenalan	72
4.1	Kerangka Konseptual	72
4.2	Ukuran Pembolehubah	75
4.2.1	Pembolehubah Bersandar	75
4.2.2	Pembolehubah Bebas	77
4.2.2.1	Pengetahuan Cukai	77
4.2.2.2	Kerumitan Sistem Cukai	78

4.2.2.3	Agen Penghantaran	79
4.2.2.4	Undang-undang	79
4.2.2.5	Penguatkuasaan	80
4.2.2.6	Rasuah	81
4.3	Reka Bentuk Kajian	82
4.3.1	Populasi	82
4.3.2	Pengumpulan Data	83
4.3.3	Instrumen Kajian	84
4.3.4	Saiz Sampel	85
4.3.5	Teknik Pensampelan	85
4.4	Analisis Kebolehpercayaan	85
4.5	Analisis Kesahan	87
4.6	Analisis Regresi Berganda	90
4.7	Kajian Rintis	92
4.8	Keputusan Kajian Rintis	94
4.9	Rumusan	96
BAB 5: PENEMUAN KAJIAN		
5.0	Pengenalan	97
5.1	Profil Sampel	97
5.2	Ujian Maklum Balas Bias	101
5.3	Analisis Kebolehpercayaan	102
5.4	Analisis Kesahan	104
5.4.1	Hasil Ujian Matriks Faktor Pengetahuan Cukai	105
5.4.2	Hasil Ujian Matriks Faktor Kerumitan Sistem Cukai	105
5.4.3	Hasil Ujian Matriks Faktor Agen Penghantaran	106
5.4.4	Hasil Ujian Matriks Faktor Undang-undang	106
5.4.5	Hasil Ujian Matriks Faktor Penguatkuasaan	107
5.4.6	Hasil Ujian Matriks Faktor Rasuah	108
5.4.7	Hasil Ujian Matriks Ketidapatuhan Cukai	108
5.5	Analisis Statistik Deskriptif	109

5.6	Saringan Data dan Keputusan Andaian-andaian Multivariat	110
5.7	Analisis Regresi Berganda	114
5.7.1	Pengetahuan Cukai Mempunyai Hubungan Dengan Ketidakpatuhan Cukai	115
5.7.2	Kerumitan Sistem Cukai Mempunyai Hubungan Dengan Ketidakpatuhan Cukai	116
5.7.3	Agen Penghantaran Mempunyai Hubungan Dengan Ketidakpatuhan Cukai	116
5.7.4	Undang-undang Mempunyai Hubungan Dengan Ketidakpatuhan Cukai	116
5.7.5	Penguatkuasaan Mempunyai Hubungan Dengan Ketidakpatuhan Cukai	117
5.7.6	Rasuah Mempunyai Hubungan Dengan Ketidakpatuhan Cukai	117
5.8	Peranan Pembolehubah Perantara	118
5.8.1	Pengetahuan Cukai Mempunyai Hubungan Dengan Ketidakpatuhan Cukai Melalui Rasuah	123
5.8.2	Kerumitan Sistem Cukai Mempunyai Hubungan Dengan Ketidakpatuhan Cukai Melalui Rasuah	123
5.8.3	Agen Penghantaran Mempunyai Hubungan Dengan Ketidakpatuhan Cukai Melalui Rasuah	124
5.8.4	Undang-undang Mempunyai Hubungan Dengan Ketidakpatuhan Cukai Melalui Rasuah	124
5.8.5	Penguatkuasaan Mempunyai Hubungan Dengan Ketidakpatuhan Cukai Melalui Rasuah	125
5.9	Ringkasan Keputusan Hipotesis	125
5.10	Rumusan	126

BAB 6: PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

6.0	Pengenalan	128
6.1	Ringkasan Kajian	128
6.2	Keputusandan Objektif Kajian	130
6.2.1	Objektif Pertama: Mengenalpasti Faktor Yang Mempengaruhi Ketidakpatuhan Cukai Di Kalangan Pengimport Di Malaysia	131
6.2.1.1	Pengetahuan Cukai	131

6.2.1.2	Kerumitan Sistem Cukai	132
6.2.1.3	Agen Penghantaran	132
6.2.1.4	Undang-Undang	133
6.2.1.5	Penguatkuasaan	134
6.2.1.6	Rasuah	136
6.2.2	Objektif Kedua: Menentukan Faktor yang Menyumbang Kepada Ketidapatuhan Cukai Melalui Rasuah	136
6.2.2.1	Agen Penghantaran	137
6.2.2.2	Undang-Undang	138
6.2.2.3	Penguatkuasaan	139
6.3	Implikasi Terhadap Teori	139
6.4	Model Ketidapatuhan Cukai Import	141
6.5	Implikasi Terhadap Pembuat Dasar	143
6.5.1	Pengetahuan Cukai	143
6.5.2	Agen Penghantaran	144
6.5.3	Undang-Undang	145
6.5.4	Penguatkuasaan	145
6.5.5	Rasuah	146
6.6	Cadangan Kajian Lanjutan	147
	RUJUKAN	149-168
	Lampiran A1-A7	169-182
	Lampiran B1-B7	183-196
	Lampiran C1-C7	197-203
	Lampiran D1-D7	204-209
	Lampiran E1-E8	210-218

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1	Jenis Cukai dan Jumlah Pungutan Hasil JKDM Tahun 2010 hingga hingga 2012	2
Jadual 1.2	Penemuan Auditan Pasca Import Tahun 2010 hingga 2012	3
Jadual 4.1	Hasil Ujian Kebolehpercayaan	94
Jadual 4.2	Hasil Analisis Faktor	95
Jadual 5.1	Bilangan Responden yang Mengembalikan Soal Selidik Mengikut Negeri	98
Jadual 5.2	Statistik Deskriptif bagi Taburan Kekerapan Berganda	100
Jadual 5.4	Ringkasan Keputusan Ujian Kebolehpercayaan	103
Jadual 5.5	Ringkasan Keputusan Analisis Faktor	104
Jadual 5.6	Statistik Deskriptif bagi Setiap Pembolehubah	109
Jadual 5.7	Keputusan Analisis Kepencongan dan Kurtosis	111
Jadual 5.8	Hubungan Kolerasi Antara Pembolehubah	113
Jadual 5.9	Analisis Regresi Berganda bagi Model Faktor yang Mempengaruhi Ketidapatuhan Cukai	114
Jadual 5.10	Pekali Analisis Regresi Berganda bagi Model Faktor yang Mempengaruhi Ketidapatuhan Cukai	115
Jadual 5.11	Analisis Regresi Berganda bagi Model Faktor yang Mempengaruhi Ketidapatuhan Cukai (Tanpa Perantara)	119
Jadual 5.12	Pekali Analisis Regresi Berganda Pembolehubah Bebas Atas Pembolehubah Ketidapatuhan Cukai	119
Jadual 5.13	Analisis Regresi Berganda Pembolehubah Bebas Atas Pembolehubah Perantara	120
Jadual 5.14	Pekali Analisis Regresi Berganda Pembolehubah Bebas Atas Pembolehubah Perantara	120
Jadual 5.15	Pekali Analisis Regresi Berganda Pembolehubah Bebas (Beserta Perantara) Atas Pembolehubah Ketidapatuhan Cukai	121
Jadual 5.16	Ringkasan Hasil Ujian Analisis Regresi Berganda	122
Jadual 5.17	Ringkasan Keputusan Ujian Hipotesis	126

SENARAI RAJAH

Rajah 3.1	Model Kendiri Kewangan	40
Rajah 3.2	Model Peluasan Kendiri Kewangan	42
Rajah 4.1	Kerangka Ketidapatuhan Cukai Import	74
Rajah 6.2	Model Ketidapatuhan Cukai Import	142

BAB 1

Pengenalan

1.0 Latar Belakang

Cukai merupakan sumber utama hasil negara, dan dibelanjakan bagi memastikan kerajaan berupaya memenuhi kehendak polisi ekonomi dan penyediaan perkhidmatan yang berkaitan pembangunan dan kesejahteraan rakyat. Di Malaysia, hasil kerajaan diperolehi dari tiga sumber utama yang dikenali sebagai cukai langsung, cukai tidak langsung, dan hasil bukan cukai. Cukai langsung adalah cukai yang secara langsung dikenakan kepada individu atau syarikat tanpa ada peluang untuk dipindahkan kepada entiti lain. Cukai langsung yang ditadbir oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) terdiri dari cukai pendapatan, cukai keuntungan, duti setem, cukai petroleum dan beberapa lagi cukai yang berkaitan. Sementara cukai tidak langsung yang juga dikenali sebagai cukai kepenggunaan dikawal selia oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) seperti cukai jualan, cukai perkhidmatan, duti eksais, levi keuntungan luar biasa, duti eksport dan duti import.

Pungutan cukai tidak langsung bagi tahun 2010, 2011 dan 2012 (seperti di Jadual 1.1) menampakkan peningkatan dari tahun ke tahun. Dalam tahun 2010 sejumlah RM28.322 bilion hasil cukai telah berjaya dipungut. Ianya meningkat kepada RM30.287 bilion dan RM32.316 bilion masing-masing dalam tahun 2011 dan 2012. Penyumbang utama hasil kastam adalah hasil cukai tempatan (seperti cukai perkhidmatan, cukai jualan dan duti eksais) yang menyumbang lebih kurang 60 peratus dari pungutan keseluruhan. Ini diikuti cukai ke atas barangan import dengan

sumbangan lebih kurang 28 peratus sementara selebihnya lain-lain hasil seperti levi keuntungan luar biasa dan cukai barangan eksport.

Jadual 1.1

Jenis Cukai dan Jumlah Pungutan Hasil JKDM Tahun 2010 hingga 2012.

Jenis Cukai	Pungutan Hasil		
	Tahun		
	2012	2011	2010
	RM (Bilion)	RM (Bilion)	RM (Bilion)
Cukai Tempatan:			
Cukai Jualan	5.36	4.99	4.89
Cukai Perkhidmatan	5.58	4.98	3.92
Duti Eksais	8.41	8.33	9.35
Jumlah	19.35	18.31	18.16
Cukai Barangan Import:			
Cukai Jualan	4.13	3.58	3.28
Duti Import	2.28	2.02	1.97
Duti Eksais	3.77	3.11	2.42
Jumlah	10.18	8.71	7.67
Lain-Lain:			
Duti Eksport	1.97	2.09	1.81
Levi Keuntungan Luar Biasa	0.39	0.76	0.29
Levi Kenderaan & lain-lain	0.44	0.32	0.39
Jumlah	2.78	3.17	2.49
Jumlah Besar	32.31	30.29	28.32

Sumber: Laporan Pungutan Hasil JKDM Tahun 2010 hingga 2012

Walaupun pungutan cukai ke atas barangan import menunjukkan peningkatan lebih dari 13 peratus setahun, namun Laporan tahunan JKDM tahun 2010, 2011 dan 2012 (seperti di Jadual 1.2) mendedahkan lebih satu pertiga dari pengimport telah dibuktikan membayar cukai kurang dari amaun yang sepatutnya dibayar. Menurut laporan ini, hampir 32 peratus pengimport yang di audit dalam tahun 2010 telah dibuktikan melakukan ketidakpatuhan cukai, dan meningkat kepada hampir 37 peratus dalam tahun 2011. Kedua-dua pengauditan tahun 2010 dan 2011 ini telah berjaya mengesan cukai yang kurang dibayar masing-masing RM33.46 juta dan RM31.69 juta. Sementara pengauditan dalam tahun 2012 pula mendapati peratusan ketidakpatuhan mencecah hampir 46 peratus yang melibatkan cukai kurang bayar berjumlah RM58.92 juta.

Jadual 1.2

Penemuan Auditan Pasca Import Tahun 2010 hingga 2012.

Tahun	Bil Pengimport Diaudit	Bil Pengimport Tidak Patuh	% Bil Pengimport Tidak Patuh	Amaun Cukai / Duti Kurang Bayar (RM Juta)
2010	678	215	31.71%	33.46
2011	683	252	36.90%	31.69
2012	746	342	45.84%	58.92
Jumlah	2,107	809	38.40%	124.09

Sumber: Laporan Tahunan JKDM Tahun 2010 hingga 2012.

Penemuan ini membuktikan bahawa peratus ketidakpatuhan cukai di kalangan pengimport di Malaysia meningkat dari tahun ke tahun, dan memberi gambaran terdapat ketidakpatuhan cukai di kalangan pengimport di Malaysia. Keadaan ini membimbangkan dan boleh memberi impak yang besar kepada pungutan hasil

kerajaan. Perkara ini sememangnya disedari, malahan pengurusan tertinggi JKDM sebagaimana yang dilaporkan oleh Bernama pada 13 April 2011 pernah membuat pengakuan bahawa dianggarkan lebih kurang RM2.2 bilion setahun cukai ke atas barangan import gagal dipungut oleh JKDM.

Walau apapun sebab yang mendorong pengimport tidak patuh, perbuatan ini tidak boleh dibiarkan berterusan memandangkan lama kelamaan ia pasti memberi impak negatif kepada pungutan hasil negara. Sesungguhnya, banyak pihak yang selama ini telah mendapat keuntungan yang berlipat ganda daripada perbuatan ketidakpatuhan cukai ini. Sebahagian dari ketidakpatuhan cukai berkemungkinan dilakukan secara terancang oleh pihak yang mempunyai kepentingan atau mereka yang terlibat secara langsung dengan proses pelepasan barangan import.

Biarpun tidak ada data yang tepat untuk menganggarkan keuntungan yang dikaut oleh pihak yang terlibat ini, namun amaun cukai yang gagal dipungut oleh kerajaan agak besar jumlahnya. Di sini timbul persoalan mengapa amaun kurang bayar (*tax gap*) atau peratusan ketidakpatuhan cukai di kalangan pengimport yang telah diaudit agak besar. Sedangkan mereka tahu bahawa pengelakan cukai merupakan suatu kesalahan jenayah di sisi undang-undang percukaian. Dalam konteks JKDM, ketidakpatuhan cukai ini melibatkan kegagalan pengimport mengikrarkan nilai import sebenar, kadar cukai barangan silap atau salah, dan lain-lain perkara yang berkaitan dengan kurang bayar cukai kepada kerajaan dengan tujuan mengurangkan beban cukai.

Sudah terbukti pengelakan cukai dilihat telah menjadi amalan di beberapa negara. Seumpamanya di beberapa negara membangun yang menunjukkan hampir sebahagian

daripada cukai kerajaan yang sepatutnya dipungut telah gagal dikesan oleh pihak berkuasa cukai susulan dari ketidakpatuhan cukai ataupun perbuatan rasuah di kalangan pegawai berkaitan (Mann, 2004; Parayno, 1999).

Amerika Syarikat yang merupakan sebuah negara maju turut menghadapi permasalahan ketidakpatuhan cukai, di mana dianggarkan lebih kurang 17 peratus cukai pendapatan sebenar gagal dipungut oleh agensi cukainya (Slemrod & Yitzhaki, 2000). Penemuan ini seiring dengan kajian Mann (2004) yang mendapati dalam tahun 2003 Pentadbiran Hasil Guatemala menganggarkan dua pertiga dari pungutan cukai sebenar telah diseleweng. Sementara Togler (2003d) mendedahkan amalan rasuah yang berleluasa di Amerika Latin telah mendorong berlakunya pengelakan cukai. Penemuan ini disokong oleh Mookherjee dan Png (1995) yang membuat kajian di India yang mendapati 76 peratus dari pegawai audit cukai mengambil rasuah, dan 68 peratus dari pembayar cukai telah memberi rasuah bertujuan untuk mengurangkan bayaran cukai kepada kerajaan.

Perkara yang sama turut berlaku di Malaysia, di mana masyarakat pernah dikejutkan dengan pendedahan berkaitan dengan penglibatan segelintir pegawai JKDM dengan amalan negatif yang melibatkan pengikraran dan pembayaran cukai barangan import di bawah nilai sebenar. Menurut laporan Utusan Malaysia pada 11 April 2011, hasil serbuan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ke atas 84 agen penghantaran dan 25 premis JKDM di seluruh Negara, beberapa orang pegawai kanan Kastam telah ditangkap bagi membantu siasatan berkaitan dengan pengikraran cukai kastam di bawah nilai sebenar dan perlakuan jenayah rasuah. Selain dari itu, beberapa pendakwaan telah dikenakan ke atas pegawai kastam berkaitan dengan tuduhan

menerima rasuah sebagai dorongan untuk tidak bertindak ke atas individu yang terlibat dengan pengelakan cukai.

Susulan penemuan audit dan pengakuan pengurusan tertinggi JKDM, telah menimbulkan persoalan adakah jumlah cukai yang dibayar selama ini oleh pengimport tidak menggambar cukai sebenar yang sepatutnya dibayar. Di samping itu, adakah faktor ketidaktelusan pegawai JKDM juga merupakan salah satu penyebab kepada berlakunya ketidakpatuhan cukai di kalangan pengimport. Oleh itu, kajian lanjut perlu dilakukan bagi mencari punca yang mendorong ketidakpatuhan ini. Seterusnya langkah terbaik perlu dirangka dan dilaksanakan bagi mengelakkan ketidakpatuhan ini dari berterusan atau setidak-tidaknya meminimumkan peratus ketidakpatuhan cukai di kalangan pengimport.

Sehubungan dengan itu, kajian ketidakpatuhan cukai ini memberi fokus kepada cukai tidak langsung yang melibatkan barangan import dengan alasan:

- i. Terdapat lebih 20,000 pengimport yang aktif diseluruh Malaysia. Mengambil kira bilangan pengimport yang diaudit dan bilangan keseluruhan pengimport menggambarkan hanya lebih kurang 4 peratus sahaja pengimport telah diaudit dalam setiap tahun.
- ii. Jika peratusan ketidakpatuhan cukai dan amaun kertirisan cukai itu diterjemahkan kepada bilangan pengimport yang belum diaudit, sudah tentu amat besar amaun cukai yang gagal dipungut oleh kerajaan.

- iii. Jika ketidakpatuhan cukai dibiarkan berterusan tanpa dicari punca dan jalan penyelesaiannya, cukai yang sepatutnya dipungut oleh kerajaan setiap tahun tiris begitu sahaja.

Sesungguhnya sebaik mana sekalipun sistem percukaian ataupun peruntukan perundangan bagi memastikan cukai sebenar dipungut, namun kutipan cukai masih bergantung kepada kesediaan pembayar cukai untuk membayar, dan ketelusan pegawai pelaksana dalam menjalankan tugasannya. Hakikat dan kenyataan perlu diterima bahawa tidak semua orang (pembayar cukai) suka kepada cukai yang kena dibayar, dan ditambah pula dengan ketidaktelusan pegawai dalam menjalankan tugas meningkatkan lagi alasan betapa rumitnya pihak berkuasa cukai untuk melaksana dan memungut cukai. Walau apa pun alasan, kegagalan memenuhi tanggungjawab sebagaimana yang dikehendaki oleh perundangan cukai jelas menunjukkan pembayar cukai telah melakukan perbuatan ketidakpatuhan cukai.

Menyedari hakikat ini, menjadi satu tanggungjawab kepada JKDM memastikan cukai tidak langsung dipungut dengan jumlah yang tepat dan benar selaras dengan peruntukan perundangan yang ditetapkan. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, beberapa perundangan berkaitan dengan cukai tidak langsung seperti Akta Kastam 1967, Akta Eksais 1967, Akta Cukai Jualan 1972, dan beberapa peraturan berkaitan telah diwartakan. Kesemua akta dan peraturan ini dengan jelas menyenaraikan kehendak yang mesti dipatuhi dan hukuman atau denda yang akan dipikul oleh pengimport dan pegawai kastam yang terlibat atau bersekongkol dengan perbuatan pengelakan cukai.

Walaupun pengelakan cukai dengan jumlah yang kecil tidak dilihat sebagai jenayah yang serius, namun pelakuan ini menyumbang kepada kebocoran hasil Negara yang secara tidak langsung memberi impak negatif kepada dana kerajaan, khususnya peruntukan untuk membiayai kemudahan awam (Tanzi, 2000). Dengan peningkatan pengelakan cukai atau persepsi pegawai pelaksana terlibat dengan rasuah pelarian cukai akan mengurangkan kesediaan pembayar cukai untuk patuh kepada perundangan cukai. Ini menunjukkan pengelakan cukai bukan sahaja mengurangkan kecekapan sistem percukaian malahan turut memberi impak kepada ketidakcekapan ekonomi secara keseluruhannya (Tanzi, 2000).

Masalah pengelakan cukai diberi perhatian serius oleh JKDM, memandangkan ianya berlaku secara berterusan dalam pelbagai kaedah sama ada dirancang ataupun tidak. Oleh itu, pindaan ke atas undang-undang, memberi kesedaran kepada pengimport dan agen penghantaran, serta mempertingkatkan kredibiliti pegawai bagi memastikan ketirisan hasil tidak berterusan dan pungutan cukai dapat dimaksimumkan. Namun, masih ada pengimport yang tidak mahu membayar cukai sebenar.

Walaupun polisi cukai yang dirangka bertujuan memastikan pungutan cukai lebih berkesan dan meminimumkan kos pungutan kepada kerajaan ataupun kos pembayaran kepada pembayar cukai, namun pengelakan cukai menjadi penghalang kepada pungutan sebenar hasil negara. Kegagalan ini bukan sahaja menunjukkan terdapat kelemahan dalam penguatkuasaan undang-undang, malahan ada segelintir masyarakat tanpa segan silu mengaitkan kelemahan ini berpunca dari amalan negatif segelintir pegawai dalam menjalankan tugas.

Sesungguhnya undang-undang yang ditadbir urus JKDM amat jelas, dan dengan tegas memperuntukkan pelaku pengelakan cukai dan orang yang bersekongkol boleh dipenjarakan jika terbukti terlibat dengan ketidakpatuhan cukai. Tetapi malangnya peruntukan ini tidak digunakan sepenuhnya sehinggakan pengimport dan orang yang terlibat merasakan tidak ada apa yang perlu ditakuti dengan perbuatan pengelakan cukai. Malahan, dengan rakusnya telah mengambil kesempatan ini untuk kepentingan diri sendiri.

Diakui beratus-ratus penulisan dan kajian mengenai pematuhan dan ketidakpatuhan cukai, tetapi amat jarang kajian dan penulisan mengenai ketidakpatuhan cukai yang melibatkan cukai tidak langsung khususnya ke atas barangan import. Apa yang diperkatakan mengenai pematuhan dan ketidakpatuhan cukai selama ini sebenarnya berasaskan kajian yang dibuat ke atas pematuhan dan ketidakpatuhan cukai langsung seperti cukai pendapatan dan cukai keuntungan korporat.

Mengambil kira penemuan ke atas kajian cukai pendapatan, ramai pengkaji merumuskan beberapa faktor yang mendorong berlakunya ketidakpatuhan cukai. Antara faktor-faktor tersebut termasuklah pengetahuan cukai, pengauditan oleh pihak berkuasa cukai, pengaruh dari agen percukaian atau rakan-rakan, meluasnya peluang untuk menyeleweng, ketidaktegasan pihak berkuasa cukai, dan ketidaktelusan pegawai cukai telah mendorong ketidakpatuhan cukai. Namun begitu sama ada faktor di atas memberi impak yang sama ke atas pematuhan dan ketidakpatuhan cukai tidak langsung terutamanya cukai ke atas barangan import masih menjadi tanda tanya dan tidak dijawab sepenuhnya.

1.1 Pernyataan Masalah

Pelbagai usaha telah dilakukan bagi meningkatkan tahap pematuhan cukai di kalangan pengimport, namun ia tidak menunjukkan perkembangan positif malahan membuktikan tahap ketidakpatuhan cukai makin meningkat dari tahun ke tahun. Laporan tahunan 2010 hingga 2012 oleh Bahagian Pengurusan Pematuhan, Ibu pejabat JKDM melaporkan lebih dari satu pertiga pengimport yang telah diaudit (rujuk Jadual 1.2) terbukti telah melakukan pengelakan cukai. Penemuan ini seiring dengan pengesahan oleh pengurusan tertinggi JKDM yang menganggarkan lebih kurang RM2.2 bilion setahun cukai ke atas barangan import gagal dipungut oleh JKDM.

Penahanan segelintir pegawai JKDM di seluruh negara dalam tahun 2011 oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan berkaitan dengan perlakuan rasuah cukai ke atas barangan import turut meningkatkan lagi persepsi bahawa rasuah memainkan peranan dalam ketirisan pungutan hasil kastam. Malahan, beberapa pendakwaan telah dikenakan ke atas pegawai kastam berkaitan dengan tuduhan menerima rasuah sebagai dorongan untuk tidak bertindak ke atas individu yang terlibat dengan pengelakan cukai. Penemuan dan pendedahan ini melibatkan hasil kerugian yang besar kepada kerajaan apabila sejumlah hasil cukai yang sepatutnya dipungut lenyap begitu sahaja, sehinggakan menimbulkan pelbagai persoalan antaranya;

- i. Adakah bilangan pengimport yang tidak mematuhi perundangan cukai akan bertambah di tahun mendatang,

- ii. Adakah masih ramai pengimport yang mempunyai tahap ketidakpatuhan cukai yang tinggi, dan
- iii. Adakah pengimport merasuahkan pegawai cukai untuk mengurangkan bayaran cukai bagi tujuan kepentingan diri sendiri.

Dengan meningkatnya bilangan pengimport yang terbukti melakukan pengelakan cukai, dan besarnya anggaran ketirisan hasil sudah tentu memberi impak yang amat besar kepada pungutan hasil negara.

Sebahagian besar kajian berkaitan gelagat ketidakpatuhan cukai tertumpu pada cukai langsung, sementara kajian berkaitan gelagat ketidakpatuhan cukai tidak langsung agak berkurangan. Salah satu model yang berkaitan dengan kajian pematuhan cukai dikenali sebagai model sendiri kewangan (*financial self-interest model*) yang dibangunkan oleh Becker (1968), dan diperluaskan oleh Fischer (1992) melalui model sendiri kewangan (*financial self-interest model*). Melalui model ini, 14 faktor telah di kenalpasti mempengaruhi gelagat pematuhan cukai. Antara faktor tersebut termasuklah pengetahuan cukai, kerumitan sistem cukai, pengaruh luar, dan moral cukai.

Tetapi kajian di atas tidak menerangkan pengaruh rasuah dan masalah gelagat ketidakpatuhan cukai tidak langsung yang melibatkan cukai import. Malahan, sehingga kini masih kurang bukti empirikal ataupun kerangka sistematik yang menerangkan gelagat ketidakpatuhan cukai tidak langsung. Adalah amat penting mengetahui faktor yang mendorong berlakunya ketidakpatuhan cukai. Dalam masa yang sama menentukan adakah rasuah memainkan peranan dalam mempengaruhi lain-

lain faktor terhadap ketidakpatuhan cukai. Oleh itu, satu kajian empirikal bagi memenuhi ruang yang dianggap perlu dilakukan dengan mengemukakan kerangka yang mengkaji gelagat ketidakpatuhan cukai ini. Namun, dalam persekitaran cukai tidak langsung, penggunaan model ini sebagai asas untuk menyiasat gelagat ketidakpatuhan dalam kalangan pembayar cukai agak sukar dan jarang ditemui. Tetapi, memandangkan kedua-dua cukai langsung dan cukai barangan import ini menggunakan sistem taksiran sendiri dalam membuat pengiklanan dan pembayaran cukai, maka penggunaan model sendiri kewangan dalam kajian ini amat sesuai sekali.

1.2 Soalan Kajian

Ketidakpatuhan cukai sememangnya berlaku di kalangan pengimport di Malaysia, dan jalan terbaik untuk mengurangkan permasalahan ini adalah dengan memahami gelagat dan punca ketidakpatuhan ini. Oleh itu, pengurusan JKDM perlu tahu apakah punca sebenar yang menyumbang kepada ketidakpatuhan ini dan dalam masa yang sama memperkenalkan polisi atau dasar yang boleh mempengaruhi pengimpot kelandasan yang sepatutnya. Menyedari hakikat ini, kajian akan merungkai persoalan yang dibangkitkan, antaranya;

- i. Apakah faktor–faktor yang mempengaruhi gelagat ketidakpatuhan cukai di kalangan pengimport di Malaysia.
- ii. Adakah faktor rasuah mempunyai pengaruh perantara terhadap gelagat ketidakpatuhan cukai di kalangan pengimport di Malaysia.

1.3 Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian dilakukan bertujuan mencari dan mendapat gambaran gelagat ketidakpatuhan cukai di kalangan pengimport di Malaysia berteraskan dua objektif utama, iaitu:

- i. Menenal pasti faktor yang mempengaruhi gelagat ketidakpatuhan cukai di kalangan pengimport di Malaysia.
- ii. Menentukan sama ada faktor rasuah mempunyai pengaruh perantara terhadap gelagat ketidakpatuhan cukai di kalangan pengimport di Malaysia.

1.4 Sumbangan Kajian

Sebahagian besar kajian berkaitan pematuhan cukai sama ada di Malaysia atau luar Negara lebih tertumpu kepada cukai langsung. Sementara kajian mengenai cukai tidak langsung terutamanya bagi mengenalpasti faktor yang mendorong gelagat ketidakpatuhan cukai di kalangan pengimport masih kurang. Sehubungan dengan itu, untuk memahaminya memerlukan satu kajian untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mendorong kepada gelagat ketidakpatuhan ini. Hasil penemuan kajian ini dijangkakan boleh memberi maklumat yang berguna kepada JKDM berkaitan dengan gelagat ketidakpatuhan cukai di kalangan pengimport.

Kajian ini mengaplikasi model sendiri kewangan (*financial self-interest*) (Becker, 1968) sebagai asas dalam mengenalpasti faktor yang mendorong ketidakpatuhan cukai di persekitaran cukai tidak langsung yang melibatkan pengimportan barangan.

Sesungguhnya sukar ditemui kajian yang mengaplikasikan model ini dalam persekitaran cukai tidak langsung khususnya di Malaysia. Kajian ini boleh dianggap berada dalam kelompok terawal yang mengaplikasikan model ini dalam kajian yang melibatkan persekitaran cukai tidak langsung terutamanya yang berkaitan cukai import di Malaysia.

Bagi menyesuaikan dengan persekitaran dan proses pengimportan di Malaysia satu pembolehubah baru iaitu perbuatan rasuah di antara pengimport dengan pegawai pelaksana turut diuji. Di samping itu, kajian juga melihat hubungan tidak langsung antara pembolehubah terhadap ketidakpatuhan cukai melalui rasuah. Pembolehubah baru ini bukan sahaja belum diuji sepenuhnya dalam konteks pengimportan di Malaysia malahan dalam persekitaran cukai tidak langsung pun jarang ditemui.

Dengan mengenalpasti punca di atas, diharapkan kajian ini dapat menyediakan lebih pemahaman mengenai gelagat ketidakpatuhan yang mendorong ketidakpatuhan cukai dikalangan pengimport. Seterusnya boleh dijadikan panduan dalam merangka strategi yang lebih berkesan bagi mempertingkatkan tahap pematuhan cukai, yang secara tidak langsung boleh menyumbang kepada peningkatan hasil kerajaan.

1.5 Skop Kajian

Jumlah pengimport sebenar yang aktif di seluruh Malaysia dalam tempoh 3 tahun kebelakangan ini melebihi 20,000, dan adalah tidak mungkin kajian ini dapat merangkumi keseluruhan pengimport memandangkan kedudukan mereka berselerak di seluruh Malaysia dan masa yang terhad. Oleh itu, kajian ini dilakukan ke atas pengimport terpilih yang terbukti telah melakukan ketidakpatuhan cukai import yang

dikesan dalam tahun 2012 oleh Bahagian Pengurusan Pematuhan, JKDM seluruh Malaysia. Selain dari itu kajian juga terbatas kepada ketidakpatuhan cukai yang melibatkan kegagalan memenuhi kehendak Akta Kastam, 1967 dan Peraturan-Peraturan Kastam (Kaedah Penilaian) 1999 berkaitan dengan nilai kastam, kadar cukai serta lain-lain perkara yang berkaitan dengan barangan import. Pengimport yang dipilih untuk kajian ini, diwakili oleh pegawai syarikat terdiri dari pengurusan syarikat atau pegawai yang diamanahkan bagi menguruskan pengimportan serta pembayaran duti dan cukai yang berkaitan.

BAB 2

SISTEM PENTADBIRAN CUKAI BARANGAN IMPORT

2.0 Pengenalan

Secara umumnya bab ini memberi penerangan berkaitan dengan sejarah dan sistem pentadbiran cukai barangan import di Malaysia. Penerangan ini meliputi jenis-jenis, kadar cukai dan kaedah pengiraan cukai yang dikenakan kepada barangan import, cara pengimportan, dan tempat sah pengimportan.

2.1 Sejarah Pentadbiran Cukai Barangan Import

Sistem pentadbiran cukai barangan import di Malaysia telah pun wujud sejak zaman Kesultanan Melaka lagi, dan terus berkembang seiring dengan kehendak semasa. Mulai tahun 1826 selaras dengan kewujudan Negeri-Negeri Selat yang terdiri dari Singapura, Pulau Pinang, dan Melaka, pentadbiran cukai di Tanah Melayu telah dikawal selia oleh seorang Gabenor yang bertanggungjawab sepenuhnya kepada pentadbir Syarikat Hindia Timur. Meskipun wujud pentadbiran baru di negeri-negeri selat, namun tanggungjawab pungutan cukai diberikan kepada pemajak yang menawarkan harga yang lebih tinggi tertakluk kepada syarat yang ditetapkan. Seiring dengan pengenalan Sistem Residen di beberapa Negeri Melayu pada awal tahun 1870, kuasa pemungut cukai seperti pungutan cukai eksport timah, cukai pertanian, dan cukai import candu dipikul sepenuhnya oleh Jabatan Kastam.

Bagi merealisasikan tanggungjawab ini, pejabat-pejabat Kastam di negeri Melayu ditempatkan di muara-muara sungai dan sempadan antara negeri. Tetapi, memandangkan pentadbiran kastam tidak ditadbir secara berpusat menyebabkan wujudnya ketidakseragaman tarif barangan. Sebagai penyelesaian "*The Customs Regulation Enactment*" telah dikuatkuasakan dalam tahun 1908. Melalui enakmen ini, jadual-jadual cukai import dan eksport diseragamkan di seluruh Negeri Melayu Bersekutu. Dengan penyeragaman ini, segala peraturan kastam di antara negeri-negeri telah diselaraskan termasuk pemansuhan cukai kastam ke atas pergerakan barangan antara negeri-negeri Melayu Bersekutu.

Susulan pembubaran Malayan Union dan terbentuknya Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948 perkhidmatan kastam dikenali sebagai Jabatan Kastam dan Eksais. Serentak dengan terbentuknya Persekutuan Malaysia dalam tahun 1963 telah menyatukan perkhidmatan kastam di Tanah Melayu dengan Sabah dan Sarawak. Dengan penyatuan ini juga Akta Kastam telah dikuatkuasakan pada tahun 1967. Seiring dengan peranan dan bebanan tugas yang semakin meningkat, pejabat JKDM ditempatkan di semua pintu masuk Negara bagi memastikan semua cukai ke atas barangan import dipungut, dan mengawal kemasukan barang larangan yang boleh menjejaskan keselamatan dan kepentingan Negara.

2.2 Pengimportan

Dalam konteks perundangan kastam (Akta Kastam 1967), import diertikan sebagai membawa atau menyebabkan barangan dibawa masuk ke dalam Malaysia melalui darat, laut atau udara oleh pengimport atau pemunya yang mempunyai kepentingan benefisial ke atas barangan import. Pengimportan semestinya melalui proses yang telah ditetapkan seperti tafsiran masa, tempat pengimportan, dokumen-dokumen yang digunakan dan arahan kerja tempatan. Selain dari menguatkuasakan perundangan dan peraturan yang ditadbir oleh Kastam, JKDM turut menguatkuasakan undang-undang dan peraturan agensi kerajaan lain semasa proses pelepasan barangan import. Ianya bertujuan mengelakkan barangan larangan dibawa masuk tanpa kebenaran ke Malaysia, seperti barangan lambakan yang disenaraikan oleh Kementerian Perdagangan dan Industri Antarabangsa.

Berkuatkuasa 1 Januari 2000 beberapa pindaan dan penambahan kepada Akta Kastam 1967 bertujuan membawa sistem kastam Malaysia selaras dengan amalan antarabangsa sebagaimana yang ditetapkan oleh Pertubuhan Perdagangan Dunia (*World Trade Organization*) (*WTO*). Dalam usaha memastikan kehendak WTO berjalan lancar, Peraturan-Peraturan Kastam (Kaedah Penilaian) 1999 telah dikuatkuasakan bertujuan untuk memberi garis panduan dalam menentukan nilai kastam barang-barang import agar mematuhi prinsip-prinsip objektiviti, keadilan dan keseragaman.

Pengimport diberi kepercayaan untuk membuat pengikraran sendiri nilai barangan import, dan menentukan jumlah cukai yang kena dibayar. Namun begitu, pengimport dipertanggungjawabkan atas ketepatan nilai kastam termasuk menyimpan semua maklumat dan bukti dalam menentukan nilai kastam yang telah diikrarkan. Jika ada keraguan ke atas nilai yang diikrarkan, pengimport dimestikan mengemukakan keterangan lanjut (termasuk dokumen tambahan atau bukti-bukti lain) kepada pegawai JKDM untuk semakan dan pengesahan. Sehubungan dengan keperluan ini, Seksyen 100A, Akta Kastam 1967 dengan tegas mengkehendaki pengimport menyimpan kesemua dokumen dan rekod-rekod yang berhubungkait dengan barangan import dalam tempoh 6 tahun selepas tarikh pengimportan.

Dengan memenuhi kehendak WTO menjadikan setiap penilaian kastam lebih telus, seragam dan konsisten serta diterima pakai oleh semua Negara ahli WTO. Serentak dengan pindaan ini meletakkan perkhidmatan Kastam Malaysia lebih rasional serta memberikan lebih kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan kepada pegawai JKDM dengan lebih berakauntabiliti. Susulan dengan pindaan ini beberapa penetapan baru telah dirangka termasuklah:

- i. Penggunaan "nilai transaksi" sebagai asas penentuan nilai barangan import, dengan mengambilkira kos sebenar barangan seperti harga barangan, insuran dan lain-lain kos yang berkaitan dengan pengimportan.
- ii. Mewujudkan peraturan tempat asal barangan bagi mengenalpasti Negara asal barangan, dan menentukan kelayakan kadar tarif keutamaan.

- iii. Memberi hak kepada pengimport untuk membuat semakan kepada penilaian semula yang dibuat oleh pegawai kastam terhadap barangan importnya.
- iv. Memberi hak kepada pengimport untuk membuat pindaan kepada pengikraran import yang telah dikemukakan, jika mereka mendapati terdapat kesilapan dalam pengikraran yang telah dikemukakan.
- v. Kastam mempunyai hak untuk meminta pengimport menyediakan maklumat yang relevan bagi klasifikasi, penilaian kastam, dan menjalankan ujian ke atas barangan import.

2.2.1 Tempat Pendaratan (Pengimportan)

Setiap pengimportan sama ada melalui jalan laut, darat, atau udara hanya dibenarkan di tempat-tempat pendaratan sah seperti yang tersenarai dalam Jadual 1, Peraturan-Peraturan Kastam 1977. Sebarang pemunggaran barang-barang di mana-mana tempat selain daripada tempat yang diwartakan dianggap telah melakukan perbuatan menyeludup. Antara pelabuhan yang diwartakan sebagai tempat pendaratan adalah Pelabuhan Kelang, Pelabuhan Pasir Gudang, Pelabuhan Kuantan, Pelabuhan Pulau Pinang, Pelabuhan Kucing, Pelabuhan Kota Kinabalu, dan lain-lain pelabuhan kecil.

Pintu masuk sempadan melalui jalan raya yang diwartakan sebagai pintu masuk sah adalah Padang Besar, Bukit Kayu Hitam, dan beberapa lagi pintu masuk di Perak,

Kelantan, Johor, Sabah dan Sarawak. Sementara lapangan terbang (LT) yang diwartakan sebagai pintu masuk adalah seperti LT Kuala Lumpur dan LT Bayan Lepas.

2.2.2 Jenis – Jenis Cukai Barangan Import

Terdapat 3 jenis cukai yang dikenakan atas barangan import sebagaimana yang ditetapkan di bawah Perintah Duti Kastam 1996, Perintah Duti Eksais 2004, dan Perintah Cukai Jualan 1972, iaitu duti import, duti eksais dan cukai jualan.

2.2.2.1 Duti Import

Duti import adalah salah satu jenis cukai yang dikenakan kepada barangan import. Kadar duti import yang dikenakan berasaskan sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual 1, Perintah Duti Kastam 1996. Barangan dari Negara ASEAN yang terlibat dengan Skim Tarif Keutamaan Sama Rata (*Common Effective Preferential Tariffs* atau *CEPT*) dan Negara yang terikat dengan peraturan perdagangan bebas dua hala (seperti Jepun, China, dan India) kadarnya adalah lebih rendah berbanding kadar biasa. Duti import dikira berasaskan nilai barangan import yang telah diterima, sama ada berasaskan nilai transaksi, nilai transaksi barangan sama atau serupa, atau lain-lain kaedah sebagaimana yang digariskan di bawah Perintah-Perintah Kastam (kaedah penilaian) 1999. Contoh pengiraan duti import (andaian 30 peratus) adalah seperti berikut.

Contoh pengiraan duti import

Nilai Kastam	RM 5,000.00
Kadar Duti Import	30%
Duti Import	$RM\ 5,000.00 \times 30\% = RM\ 1,500.00$

2.2.2.2 Duti Eksais

Duti eksais dikenakan kepada barang-barang tertentu yang diimport. Mengikut struktur sekarang hanya 5 jenis barangan yang tertakluk kepada duti eksais iaitu kenderaan bermotor, minuman keras, rokok, daun terup dan mah-jong. Kesemua barangan ini dikenakan duti eksais di antara 10 peratus hingga 105 peratus. Duti eksais dikira berasaskan gabungan nilai barangan dan duti import (jika berkaitan) yang dikenakan ke atas barangan berkenaan. Contoh pengiraan duti eksais (andaian kadar duti import 30 peratus, dan duti eksais 100 peratus) adalah seperti berikut.

Contoh pengiraan duti eksais

Nilai Kastam	RM 5,000
Kadar Duti Import	30%
Kadar Duti Eksais	100%
Duti Import	$RM\ 5,000 \times 30\% = RM\ 1,500$
Duti Eksais	$(RM\ 5,000.00 + RM\ 1,500) \times 100\% = RM\ 6,500$

2.2.2.3 Cukai jualan

Cukai jualan dikenakan kepada semua barangan import yang tersenarai di bawah Perintah Cukai Jualan 1977. Terdapat 3 kadar cukai jualan yang dikenakan kepada barangan import; 5 peratus, 10 peratus dan 20 peratus. Cukai jualan ke atas barangan import dikira berasaskan gabungan nilai barangan import, duti import dan duti eksais barangan berkenaan. Contoh pengiraan cukai jualan barangan import (andaian kadar duti import 30 peratus, duti eksais 100 peratus, dan cukai jualan 10 peratus) adalah seperti berikut.

Contoh pengiraan cukai jualan

Nilai Kastam	RM 5,000
Kadar Duti Import	30%
Kadar Duti Eksais	100%
Kadar Cukai Jualan	10%
Duti Import	$RM\ 5,000 \times 30\% = RM\ 1,500$
Duti Eksais	$(RM\ 5,000 + RM\ 1,500) \times 100\% = RM\ 6,500$
Cukai Jualan	$(RM\ 5,000 + RM\ 1,500 + RM\ 6,500) \times 10\% = RM\ 1,300$

2.2.3 Pengikraran

Semua barangan import mesti diikrar secara bertulis dalam Borang Kastam No. 1. Mengikut Seksyen 78 Akta Kastam 1967, pengikraran hendaklah dilengkapkan dengan sempurna serta memberikan maklumat yang benar berkaitan, antaranya;

- i. Ukuran barangan seperti berat, kuantiti dan jenis barang-barang dinyatakan dengan jelas dan tepat.
- ii. Mengikrar nilai barangan dengan jelas dan tepat sebagaimana yang ditetapkan oleh Peraturan-Peraturan Kastam (Kaedah Penilaian) 1999.
- iii. Mengikrar kod penjenisan serta kadar cukai ke atas barangan berkaitan sebagaimana yang digariskan di bawah Perintah Duti Kastam 1996.
- iv. Mengikrar dan mengemukakan sijil pengesahan asal barangan yang dikeluarkan oleh pihak berwajib Negara pengeksporth.
- v. Mengemukakan permit import (jika perlu) sebelum pengimportan dibenarkan.

Borang pengikraran yang telah diisi sempurna hendaklah dikemukakan secara dalam talian melalui Sistem Maklumat Kastam (SMK) kepada pejabat kastam di tempat barangan akan diimport untuk proses semakan. Semakan ke atas setiap pengikraran dijalankan oleh pegawai kastam melalui pengesahan dokumen dan pemeriksaan

fizikal. Tetapi, pemeriksaan fizikal hanya dilakukan secara terpilih dengan memberi tumpuan terhadap pengikraran import yang berisiko tinggi.

2.2.4 Penjenisan Barangan

Semua barangan import mesti diikrar dengan tepat mengikut nombor penjenisan dan kadar cukai yang ditetapkan oleh Perintah Duti Kastam 1996. Sebarang pertikaian mengenai penjenisan barangan import boleh dirujuk dengan pejabat kastam berhampiran, dengan menyertakan bersama barangan beserta maklumat berkaitan seperti komposisi bahan mentah, kegunaan barangan, dan beberapa lagi maklumat bagi tujuan penentuan kod penjenisan dan kadar cukai. Kegagalan menentukan kod penjenisan dan kadar cukai sebenar barangan import akan menyebabkan berlakunya lebihan atau kekurangan cukai dibayar kepada JKDM.

2.2.5 Nilai Barangan Import

Jumlah sebenar cukai barangan import yang kena dibayar bergantung sepenuhnya kepada nilai dan peratusan kadaran cukai. Secara asasnya nilai barangan import ditentukan berdasarkan nilai transaksi atau nilai sebenar yang sepatutnya dibayar atau kena dibayar oleh pengimport. Jika nilai transaksi barang-barang yang diimport tidak dapat ditentukan, nilai kastam ditentukan berdasarkan kaedah lain sebagaimana yang diperuntukkan dalam Peraturan-Peraturan Kastam (Kaedah Penilaian) 1999, yang ditentukan melalui beberapa kaedah yang mesti dituruti antaranya:

2.2.5.1 Kaedah Nilai Transaksi

Melalui kaedah ini, nilai barangan import ditentukan berasaskan kepada nilai sebenar atau harga yang dibayar atau kena dibayar untuk barangan tersebut ketika barangan itu dijual untuk dieksport ke negara Malaysia. Nilai ini termasuklah semua perbelanjaan (seperti harga barangan, kos pembungkusan, komisen, tambang pengangkutan, kos insuran barangan, dan royalti) yang ditanggung oleh pembeli. Jika didapati pembeli (pengimport) dan penjual (pengekспорт) mempunyai kepentingan hak milik di antara satu sama lain, pegawai kastam berhak mendapat maklumat lanjut dalam bentuk bertulis, termasuk dokumen atau lain-lain bukti, yang boleh menunjukkan nilai yang diikrar bebas dari pengaruh di atas. Apabila nilai transaksi tidak dapat diterima sebagai nilai import lain-lain kaedah penilaian hendaklah diaplikasikan secara turutan sehingga nilai kastam dapat diputuskan.

2.2.5.2 Kaedah Nilai Barangan Import Yang Sama

Dalam menggunakan kaedah nilai transaksi barang yang sama, nilai import hendaklah berdasarkan nilai transaksi barang yang sama yang diimport dari negara yang sama dan mempunyai spesifikasi serta kegunaan yang sama pada masa, tahap dagangan dan kuantiti yang lebih kurang sama seperti barangan yang dinilai. Sekiranya terdapat lebih daripada satu nilai transaksi barang yang sama, nilai terendah hendaklah digunakan untuk menentukan nilai barangan import.

2.2.5.3 Kaedah Nilai Barangan Import Yang Serupa

Dalam menggunakan kaedah nilai transaksi barang yang serupa, nilai import hendaklah berdasarkan nilai transaksi barang yang serupa yang mempunyai fungsi yang sama dan boleh ditukar ganti dengan barangan import yang hendak dinilai (Contoh barangan serupa: Tiub kenderaan yang mempunyai saiz dan kualiti yang sama tetapi dikilangkan oleh dua pengilang dengan jenama berbeza).

2.2.5.4 Kaedah Nilai Tolakan

Jika nilai import masih belum dapat ditentukan, kaedah nilai tolakan perlu digunakan. Mengikut kaedah ini, nilai barangan yang dinilai atau barangan sama atau barangan serupa hendaklah diselaraskan dengan menolak kos-kos yang terlibat dengan penjualan barangan import seperti komisen, perbelanjaan am, kos pengangkutan dan insuran, serta duti dan cukai kastam yang dibayar di Malaysia. Amaun yang dihasilkan selepas ditolak pelarasan dijadikan sebagai nilai import bagi maksud pengiraan duti dan cukai kena bayar ke atas barangan import berkaitan.

2.2.5.5 Kaedah Nilai Campuran

Sekiranya nilai import masih belum dapat ditentukan melalui kaedah nilai tolakan, maka nilai kastam hendaklah berdasarkan kaedah nilai campuran. Melalui kaedah ini, nilai import ditentu berdasarkan campuran semua kos berkaitan dengan bahan yang digunakan, perbelanjaan am dan lain-lain kos yang terlibat secara langsung

atau tidak langsung dalam pengeluaran barangan import terbabit, kos pemasaran, kos pengangkutan, kos insuran yang ditanggung dalam penjualan barangan ke Malaysia.

2.2.5.6 Kaedah Anjal

Jika nilai import masih belum dapat ditentukan, kaedah ini akan digunakan. Melalui kaedah ini, nilai import ditentukan dengan cara munasabah berasaskan kepada data-data yang diperolehi dalam Malaysia.

2.2.6 Taksiran Dan Pelepasan Import

Dalam usaha untuk mendapatkan pelepasan barangan import, pengikraran import beserta dokumen sokongan perlu dikemukakan oleh agen pengimport yang juga dikenali sebagai agen penghantaran kepejabat kastam tempat barangan diimport. Di antara dokumen sokongan terdiri dari invois pembelian, senarai barangan, sijil negara asal barangan, bil pengangkutan, sijil insuran, lesen atau permit, kelulusan pengecualian (jika berkaitan), permit kelulusan, rekod pembayaran. Barangan import hanya boleh dilepaskan daripada kawalan Kastam selepas cukai dibayar serta kelulusan daripada pegawai Kastam.

2.3 Rumusan

Seiring dengan perubahan dan peredaran masa perkhidmatan kastam telah berubah, terutamanya dalam memenuhi kehendak semasa perdagangan antarabangsa serta

bagi memastikan cukai sebenar dipungut dalam tempoh masa yang ditetapkan. Menyedari hakikat ini pelbagai langkah telah dilakukan oleh kerajaan dan JKDM khususnya termasuklah meminda perundangan dan peraturan kastam selaras dengan kehendak WTO. Pindaan ini menggariskan peraturan dan kaedah penentuan nilai import bagi memudahkan pengimport membuat pengiraan cukai ke atas barangan import seterusnya melancarkan pergerakan barangan. Dengan pindaan ini, jelas menggambarkan bahawa prinsip ketelusan, keadilan dan keseragaman diberi keutamaan. Namun begitu pengimport perlu menanggung risiko sekiranya gagal memenuhi kehendak yang ditetapkan.

BAB 3

ULASAN KARYA

3.0 Pengenalan

Bab ini mengenengahkan ulasan dari karya-karya terdahulu berkaitan dengan pematuhan dan ketidakpatuhan cukai serta teori sendiri kewangan yang menjadi asas kepada kajian ini. Secara umumnya bab ini mengenalpasti pembolehubah–pembolehubah yang mendorong kepada ketidakpatuhan cukai seperti pengetahuan cukai, kerumitan sistem cukai, pengaruh dari luar, rasuah dan beberapa lagi pembolehubah yang berkaitan. Pembolehubah–pembolehubah ini telah dibincang dengan lebih mendalam, dan berdasarkan kepada perbincangan ini model dan hipotesis ketidakpatuhan cukai di kalangan pengimport di Malaysia telah dibangunkan.

3.1 Pematuhan dan Ketidakpatuhan Cukai

Pembayaran cukai menjadi tanggungjawab setiap individu atau organisasi sebagaimana yang ditetapkan oleh perundangan cukai, namun kehendak ini tidak dipatuhi memandangkan sebahagian besar dari mereka tidak suka membayar cukai kepada kerajaan. Bukannya menjadi perkara mudah untuk meyakinkan pembayar cukai supaya mematuhi kehendak perundangan cukai. Oleh itu, kerajaan sebagai pihak yang mempunyai kepentingan dalam pungutan cukai bertanggungjawab memastikan setiap warga negara mematuhi kehendak perundangan cukai tanpa mengambilkira status sosial mereka (Kirchler, Hoelz & Wahl, 2008).

Menurut Andreani, Erard dan Feinstein (1998), pematuhan cukai didefinisikan sebagai kesanggupan pembayar cukai untuk taat kepada perundangan cukai bagi mendapatkan keseimbangan ekonomi Negara. Singh (2003) pula mendefinisikannya sebagai tindakan seseorang mengemukakan penyata cukai, mengikrarkan semua pendapatan bercukai dengan tepat, dan membayar semua cukai kena dibayar dalam tempoh yang ditetapkan tanpa menunggu tindakan susulan dari pihak berkuasa cukai. Pematuhan dilakukan secara sukarela ataupun secara paksa (Kirchler, 2007). Pematuhan secara sukarela dilakukan berasaskan kepercayaan dan kesediaan pembayar cukai untuk patuh kepada perundangan dan peraturan yang ditetapkan. Sementara pematuhan secara paksa berlaku apabila pihak berkuasa cukai perlu menggunakan pendekatan penguatkuasaan undang-undang, auditan dan penalti dikenakan kepada pembayar cukai yang gagal mematuhi perundangan cukai.

Dalam perspektif yang lebih luas pematuhan cukai memerlukan kejujuran, pengetahuan cukai yang mencukupi dan kebolehan untuk menggunakan ilmu yang ada, ketepatan masa, ketepatan amaun cukai, dan dokumen yang berkaitan cukai mencukupi untuk melengkapkan penyata cukai. Bukan itu sahaja, pematuhan cukai juga berkait rapat dengan keupayaan dan kesediaan pembayar cukai untuk patuh kepada undang-undang cukai yang merangkumi etika, persekitaran perundangan, dan lain-lain faktor setempat pada masa dan tempat yang berkaitan.

Dalam konteks pentadbiran cukai, pematuhan termasuklah pendaftaran dan pemakluman status sebagai pembayar cukai, mengemukakan penyata cukai dan membuat bayaran dalam tempoh yang ditetapkan (Ming Ling, Normala & Meera, 2003). Sementara Allingham dan Sandmo, (1972) pula berpendapat pematuhan cukai bukan sahaja berkaitan dengan isu pelaporan pendapatan sebenar sahaja, tetapi turut berkaitan dengan ketidaktentuan pembayar cukai dalam usaha mengoptimumkan pendapatannya. Pembayar cukai akan mendapat manfaat pengelakan cukai sekiranya perbuatannya tidak dapat dikesan oleh pihak berkuasa cukai, dan sebaliknya akan menanggung beban penalti yang tinggi jika perbuatannya dapat dikesan.

Ketidakpatuhan cukai didefinisikan sebagai kegagalan pembayar cukai memenuhi tanggungjawabnya sebagai pembayar cukai. Ianya berlaku secara bertentangan dengan kehendak undang-undang dan peraturan cukai yang menyebabkan cukai dibayar lebih rendah dari amaun sebenar (Kasipillai, Aripin & Amran, 2003). Sementara itu, Kirchler (2007) mendefinisikannya sebagai kegagalan pembayar cukai melaporkan pendapatan sebenar, tuntutan rebat dan amaun sebenar cukai kena dibayar kepada pihak berkuasa cukai pada masa yang ditetapkan.

Berkaitan dengan cukai kastam, ketidakpatuhan cukai dilakukan dengan cara mengemukakan pengikraran palsu, perbuatan rasuah ataupun penyeludupan. Ketidakpatuhan cukai melalui pengikraran palsu berlaku apabila pengimport gagal mengikrarkan keseluruhan nilai, kuantiti, cukai dan fakta sebenar barangan import,

atau pengimport mengikrar pengecualian cukai ke atas barangan import yang tidak layak mendapat pengecualian. Menurut Fisman & Wei (2004), yang mengkaji perbezaan di antara laporan pengeksportan dari Hong Kong ke China dengan laporan pengimportan ke China dari Hong Kong mendapati pelarian cukai kastam berlaku melalui pengikraran barangan di bawah nilai sebenar, pengikraran barangan di bawah kuantiti sebenar, dan mengikrar barangan yang berkadar cukai tinggi sebagai barangan berkadar cukai rendah.

Ketidakpatuhan cukai berlaku secara sengaja atau tidak sengaja. Ketidakpatuhan secara sengaja berlaku apabila pembayar cukai dengan niat mengelak dari membayar cukai sebenar atau melakukan penipuan cukai (Weigel, 1987). Dalam persekitaran pengimportan barangan, pengelakan cukai secara sengaja berlaku apabila pengimport secara sedar telah mengemukakan maklumat palsu berkaitan dengan barangan seperti kuantiti, kadar cukai, dan nilai barangan dalam pengikraran import bagi tujuan mengelakkan dari membayar cukai sebenar.

Memandangkan kadar cukai mempunyai hubungkait dengan amaun cukai kena dibayar, terdapat pengimport mengambil kesempatan di atas kerumitan atau kekaburan dalam penentuan kod tariff dan kadar cukai barangan import. Ditambah pula dengan rekod kod tarif yang tidak dikemaskini selepas pindaan dilakukan (Tarar, 2010), akan menambahkan lagi peluang pengimport secara sengaja mengikrarkan barangan berkadar cukai tinggi kepada kadar yang lebih rendah. Lebih mendukacitakan kerumitan ini telah memberi peluang yang lebih terbuka

kepada pengimport untuk kepentingan sendiri terutamanya apabila terdapat pegawai cukai yang tidak berintegriti sehinggakan mendorong pengimport lebih bersedia menawarkan habuan atau rasuah untuk mengelakkan mereka dari membayar cukai sebenar (Dutt, 2009; Fisman & Wei, 2004).

Ketidakpatuhan cukai secara tidak sengaja pula berlaku apabila pembayar cukai tidak menyedari wujudnya sesuatu peraturan atau kesilapan dalam membuat tafsiran ke atas perundangan cukai atau kesilapan dalam pengiraan cukai kena dibayar atau apa-apa lagi kesilapan yang dilakukan secara tidak sengaja. Dalam persekitaran pengimportan barangan, kesilapan secara tidak sengaja seringkali berlaku disebabkan oleh kesilapan pengiraan, dan tidak menyedari terdapat pindaan ke atas kadar cukai barangan. Dalam kata lain, pembayar cukai yang gagal membayar cukai sebenar sama ada secara sengaja ataupun tidak sengaja merupakan golongan yang telah melanggar undang-undang percukaian.

Berasaskan kepada definisi di atas, kajian ini merumuskan ketidakpatuhan cukai ke atas barangan import sebagai kegagalan pengimport memenuhi kehendak Akta Kastam 1967 (Akta Kastam) dan peraturan-peraturan yang berkaitan. Menurut Seksyen 78 dan Seksyen 79 Akta Kastam, pengimport dikehendaki membuat pengikliran import dengan menyatakan secara jelas dan benar spesifikasi barangan import seperti kuantiti atau ukuran, kadar cukai, nilai, dan amaun cukai kena dibayar. Kegagalan pengimport memenuhi kehendak di atas boleh disabitkan dengan kesalahan di bawah seksyen 133 Akta yang sama yang memperuntukan

denda tidak melebihi RM500,000.00 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

Beberapa kajian terdahulu berkaitan dengan cukai langsung telah membuktikan gelagat pembayar cukai dipengaruhi oleh pelbagai faktor yang di kenalpasti sebagai faktor ekonomi, sosial dan psikologi (Devos, 2007; Kirchler, 2007). Di antara faktor ini termasuklah kefahaman sistem dan undang-undang percukaian (Palil, 2005), penguatkuasaan (Frey & Fred, 2002), hukuman seperti penalti (Allingham & Sandmo, 1972), serta kadar cukai, penalti dan kebarangkalian dikesan oleh pihak berkuasa cukai (Allingham & Sandmo, 1972).

Dalam konteks pengimportan di Malaysia, pengimport sendiri atau agen penghantarannya membuat taksiran cukai ke atas barangan importnya. Sementara pegawai cukai terlibat dalam aktiviti pengauditan. Sebarang penemuan yang melibatkan pengelakan cukai, kesilapan pengiraan atau sebagainya dipertanggungjawabkan kepada pengimport. Di Malaysia, sistem pelepasan barangan import secara taksiran sendiri selaras dengan kehendak *World Trade Organization* (WTO) ini mula dikuatkuasakan pada 1 Januari 2000. Bagi merealisasikan kehendak ini peraturan mengenai penilaian barangan import telah dikuatkuasakan melalui Peraturan-Peraturan Kastam (Kaedah Penilaian) 1999. Di bawah sistem ini pengimport atau agen penghantarannya seharusnya lebih mengetahui dan memahami proses pelepasan barangan import terutamanya dalam penentuan nilai barangan, kadar cukai, pengiraan cukai, dan pembayaran cukai.

Pengimport perlu mempelajari dan memahami perundangan cukai, serta meningkatkan tahap pengetahuannya berkaitan dengan pelepasan barangan import bagi memastikan kehendak yang ditetapkan dipatuhi. Walaupun menjadi tanggungjawab pembayar cukai meningkatkan tahap pengetahuan cukainya, namun JKDM perlu memastikan pengimport dan agen penghantarannya didedahkan dengan maklumat terkini perundangan dan peraturan berkaitan proses pelepasan barangan import. Pendedahan ini dilakukan dengan mempamerkan setiap pindaan atau maklumat terkini berkaitan dengan pengimportan di papan kenyataan di tempat pengistiharan import bagi memudahkan pengimport atau agennya membuat rujukan. Dalam masa yang sama turut menyediakan tempat pertanyaan untuk memudahkan pengimport dan agennya mendapat penerangan lanjut jika masih kurang faham dengan maklumat yang dipamerkan.

Amalan pengikraran import sebegini telah lama diamalkan di Negara-negara Eropah, Jepun, dan lain-lain Negara maju. Selain bagi memastikan keseragaman penentuan nilai import di antara Negara yang menandatangani deklarasi WTO dan melicinkan proses aliran perniagaan antarabangsa, sistem ini juga bertujuan mengurangkan beban penyemakan dan penaksiran barangan import serta menggalakkan pematuhan secara sukarela di kalangan pengimport.

Tetapi, sistem taksir sendiri ini mempunyai beberapa kelemahan, seperti perlaksanaannya memerlukan kos yang amat tinggi dan kualiti penaksiran cukai makin menurun. Penurunan kualiti berlaku apabila pengimport di beri peluang

sepenuhnya membuat pengikraran dan pegawai cukai hanya membuat pemeriksaan sekiranya ada keraguan. Melalui pengikraran ini telah memberi ruang kepada pembayar cukai untuk memesong maklumat berkaitan nilai sebenar barangan import bagi tujuan mengurangkan atau mengelak dari membayar cukai sebenar.

3.2 Model Kendiri Kewangan

Pelbagai kajian telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu untuk mengenalpasti sikap, gelagat dan faktor yang mempengaruhi pembayar cukai dalam membuat keputusan pematuhan cukai. Salah satu model dan teori yang dianggap perintis dalam kajian pematuhan cukai dikenali sebagai model kendiri kewangan yang dibangunkan oleh Becker (1968) dan dikembangkan oleh beberapa pengkaji antaranya Allingham dan Sandmo (1972), dan Fischer (1992). Sementara lain-lain model terdiri dari model sosiologi / psikologi yang dibangunkan oleh Ajzan dan Fishbein (1975).

Mengikut model ini, setiap keputusan rasional yang dibuat oleh seseorang individu berasaskan prinsip kepentingan diri bagi memenuhi kepuasan fizikal. Ianya bertujuan untuk memaksimumkan jangkaan manfaat pematuhan dan keuntungan yang akan diterimanya dari pelarian cukai yang telah dilakukan dengan mengambilkira kerugian yang perlu ditanggung atau risiko yang mungkin dihadapinya. Untuk memaksimumkan manfaatnya, pembayar cukai memilih jalan yang lebih berisiko dengan cara mengelak dari membayar kesemua cukai atau sebahagian dari cukai kena dibayar.

Pengauditan merupakan salah satu mekanisme penguatkuasaan bagi memastikan pembayar cukai membayar cukai sebenar. Pengauditan yang dijalankan ini menjadi ingatan kepada pembayar cukai supaya mengikrar serta membayar cukai sebenar. Oleh itu, kurangnya kerja-kerja pengauditan atau kurangnya kemungkinan pengauditan yang akan dijalankan oleh pihak berkuasa menyebabkan pembayar cukai menjadi tidak bertanggungjawab (Eisenhauer, 2008). Malahan, mereka akan mengulangi perbuatan pelarian cukai dengan alasan perbuatan pelarian cukai mereka tidak akan dapat dikesan oleh pihak berkuasa cukai.

Pembayar cukai akan mengikrar dan membayar cukai sebenar sekiranya kebarangkalian dikesan melalui pengauditan adalah tinggi (Allingham & Sandmo, 1972). Ianya disebabkan pembayar cukai amat bimbang perbuatan pelarian cukai dapat dikesan oleh kerajaan. Jika perbuatan pelarian dapat dikesan, maka pembayar cukai akan menanggung beban penalti atau denda yang dikenakan (Togler, 2007). Ini menunjukkan kebimbangan pelarian cukai dapat dikesan oleh pihak berkuasa cukai mempengaruhi tahap gelagat kepatuhan cukai (Bergman, 1998), serta meningkatkan tahap pematuhan cukai (Sour, 2001) dan menukar gelagat pematuhan pembayar cukai dari bersikap negatif kepada positif (Butler, 1993). Malahan peningkatan ke atas risiko pengesanan yang kecil sekalipun turut memberi impak yang amat besar kepada pematuhan cukai (Carnes & Englebrecht, 1995).

Hukuman yang dikenakan seperti penalti atau denda juga memainkan peranan dalam jangkakan ketidakpatuhan cukai. Undang-undang yang menetapkan hukuman


yang berat keatas pelaku kesalahan, menyebabkan pembayar cukai mengelak dari melakukan sesuatu kesalahan. Peruntukan ini juga merupakan peringatan dan amaran kepada lain-lain pembayar cukai agar mematuhi kehendak yang ditetapkan (Kaplan et. al, 1997). Ini menunjukkan pengenaan hukuman yang lebih berat atau penalti yang lebih tinggi menyebabkan perbuatan pengelakan cukai menjadi lebih berisiko kepada pembayar cukai. Seterusnya, secara tidak langsung boleh mendorong pembayar cukai menjauhi perbuatan pengelakan cukai (Andreoni et. al, 1998), dan mendorong pembayar cukai lebih bersikap positif kepada pematuhan cukai (Wenzel 2004).

Hasil dari penemuan di atas, dapat dirumuskan bahawa kekerapan kerja-kerja pengauditan oleh pegawai cukai dan amaun penalti yang dikenakan mempunyai hubungan yang signifikan dengan pematuhan cukai (Loo, 2009). Malahan, pengenaan penalti akan memberi impak yang lebih besar kepada pematuhan cukai jika kekerapan kerja-kerja pengauditan dipertingkatkan oleh pihak berkuasa cukai (Alm, Sanchez, & Juan De, 1995).

Kadar cukai juga merupakan elemen terpenting dalam menentukan jumlah cukai kena dibayar. Tingginya kadar cukai menyebabkan cukai kena dibayar menjadi tinggi. Oleh itu, tinggi atau rendahnya kadar cukai boleh mempengaruhi tahap pematuhan pembayar cukai. Tetapi, mengurangkan kadar cukai bukan satu-satunya polisi yang berpotensi mengurangkan berlakunya pengelakan cukai (Clotfelter,

1983), memandangkan terbukti peningkatan kadar cukai juga akan meningkatkan gelagat pematuhan (Kirchler et.al, 2008).

Secara umumnya model sendiri kewangan (rujuk Rajah 3.1) merumuskan peningkatan kemungkinan penyelewengan cukai dapat dikesan oleh pihak berkuasa cukai dan penalti atau denda yang mungkin dikenakan beserta peningkatan kadar cukai akan mendorong pembayar cukai ke arah pematuhan.



Sumber: Becker (1968)


Rajah 3.1: *Model Kendiri Kewangan*

Walaupun bukti empirikal menyokong bahawa faktor auditan dan hukuman, kadar cukai, dan struktur penalti mempengaruhi gelagat pematuhan cukai. Namun, terbukti ada beberapa faktor lain turut mempengaruhi gelagat pematuhan cukai, malahan ada pembayar cukai yang tidak menghiraukan balasan material sebaliknya sanggup berkorban dan mengenyepikan kelazatan (*denial of pleasure*) demi mempertahankan prinsip moral berkenaan (Kamil, 2002). Keputusan untuk mematuhi perundangan oleh pembayar cukai sebenar didorong oleh beberapa faktor, antaranya pendapatan,

gelagat, interaksi dengan persekitaran (Smith & Kinsey, 1987), dan kesukaran memahami kehendak yang ditetapkan apabila berlaku perubahan polisi dan undang-undang cukai (Alm, 1983).

Model ini tidak mengambilkira faktor bukan ekonomi dan norma sosial (Bobeck, D., Robert, R., & Sweany, J. 2007). Oleh itu bagi memastikan keberkesanan model ini, beberapa pengkaji telah mendedahkan peranan sosiologi dan psikologi yang mempengaruhi gelagat pematuhan cukai (Fischer, 1993; Jackson & Millron, 1986). Jackson & Milliron (1986) yang menganalisis karya pematuhan telah mengenalpasti 14 faktor (umur, jantina, pelajaran, tahap pendapatan, sumber pendapatan, pekerjaan, pengaruh keluarga atau rakan, etika, keadilan, kerumitan, hubungan dengan pihak berkuasa, kemungkinan di kesan, dan kadar cukai) yang mempengaruhi gelagat pematuhan pembayar cukai.

Berdasarkan analisis, Fischer (1992) telah meluaskan model yang dirintis oleh Becker kepada Model Peluasan Kendiri Kewangan (*Financial Self-Interest Expanded Model*) dengan mengkategorikan empat faktor yang mempengaruhi gelagat pematuhan cukai iaitu demografi, peluang untuk melakukan pelarian cukai, sikap dan persepsi, dan struktur cukai. Menurutnya lagi, terdapat tiga kategori pemboleh ubah secara langsung dan satu kategori pemboleh ubah tidak langsung yang mempengaruhi pematuhan cukai (rujuk rajah 3.2).



Sumber: Fischer (1992)

Rajah 3.2: *Model Peluasan Kendiri Kewangan*

Kategori pertama adalah peluang melakukan ketidakpatuhan cukai yang merangkumi pembolehubah tahap pendapatan, sumber pendapatan dan pekerjaan. Selain dari mempengaruhi kelakuan pematuhan, faktor di bawah kategori ini turut mempengaruhi lain-lain pembolehubah kepada pematuhan seperti sikap dan persepsi pembayar cukai. Kategori kedua adalah sikap dan persepsi yang melibatkan pembolehubah yang sering dijadikan bahan kajian seperti moral cukai, keadilan sistem percukaian dan pengaruh dari luar. Kategori ketiga adalah struktur percukaian yang melibatkan pembolehubah kerumitan sistem cukai, kadar cukai, dan kebarangkalian dikesan dan penalti yang akan dikenakan. Ketiga-tiga kategori ini mempunyai hubungan secara langsung dengan pematuhan cukai. Sementara kategori terakhir adalah demografi yang melibatkan pembolehubah seperti umur, jantina dan pengetahuan cukai.

Oleh itu, model sendiri kewangan yang dijadikan sandaran untuk kajian ini telah disesuaikan dengan persekitaran import di Malaysia. Dengan penyesuaian ini, terdapat enam pembolehubah terdiri dari pengetahuan cukai, kerumitan sistem cukai, agen penghantaran, undang-undang cukai, penguatkuasaan, dan rasuah diuji bagi menentukan faktor yang mendorong ketidakpatuhan cukai di kalangan pengimport di Malaysia.

3.3 Pembangunan Hipotesis

Model sendiri kewangan yang diperluaskan oleh Fisher (1992) merupakan model tunggal yang menggabungkan faktor ekonomi, sosial dan psikologi yang menyediakan kerangka konseptual yang lebih praktikal untuk memahami gelagat pematuhan cukai (Chan, Troutman & O'Bryan, 2000). Tetapi, memandangkan tiada model tunggal yang boleh mengambilkira semua faktor yang mempengaruhi keputusan pematuhan cukai (Alm, 1999), model asal perlu diluaskan dengan menggabungkan dengan lain-lain faktor (Chan et al., 2000). Oleh itu, faktor yang mungkin lebih relevan untuk menerangkan gelagat pematuhan dan ketidakpatuhan cukai di kalangan pengimport di Malaysia telah dikemukakan.

Berdasarkan tinjauan dan perbincangan terhadap model sendiri kewangan, didapati bahawa model gelagat ketidakpatuhan cukai di kalangan pengimport sememangnya dapat dibina berasaskan kepada model sedia ada dalam bidang percukaian. Namun, penyesuaian seiring dengan kehendak persekitaran yang berkaitan dengan pelepasan barangan import perlu dilakukan. Sehubungan dengan itu,

pembolehubah–pembolehubah yang telah dikenalpasti untuk diuji adalah faktor pengetahuan cukai, agen penghantaran, kerumitan sistem cukai, undang-undang cukai, penguatkuasaan dan rasuah. Selain dari itu, pemboleh ubah rasuah turut diuji untuk mengenalpasti peranannya sebagai pembolehubah perantara dalam mempengaruhi hubungan diantara lain–lain pembolehubah dengan ketidakpatuhan cukai di kalangan pengimport di Malaysia.

3.3.1 Pengetahuan Cukai

Model atau standard pematuhan cukai mengandaikan pembayar cukai telah dimaklum atau sedia maklum semua aspek proses pelaporan cukai (Andreoni, 1998). Pengetahuan dan pemahaman undang-undang percukaian akan membantu pembayar cukai memahami dan mematuhi peraturan seperti melaporkan pendapatan dengan tepat dan benar melalui penyata cukai dalam tempoh yang ditetapkan (Loo, 2009). Penguasaan ini secara tidak langsung akan meningkatkan keupayaan dan keyakinan pembayar cukai dalam melaksanakan tanggungjawab percukaian secara sukarela (Mohani, 2001). Menurut Eriksen dan Fallen (1996) yang membuat kajian berkaitan dengan hubungkait di antara pengetahuan cukai dan jenayah percukaian mendapati peningkatan pengetahuan cukai akan mempengaruhi sikap dan gelagat pembayar cukai menjadi lebih patuh kepada peraturan cukai (Kasipillai et al., 2003).

Penemuan ini selari dengan kajian oleh Sing (2003) dan yang mendapati pengetahuan cukai mempunyai kaitan dengan keupayaan pembayar cukai memahami serta mematuhi perundangan dan peraturan cukai. Dengan pemahaman ini mendorong pembayar cukai lebih bersedia untuk mematuhi segala perundangan yang ditetapkan, menyedarkan mereka tentang hukuman, dan akibat yang perlu ditanggung jika melakukan pengelakan cukai.

Eriksen dan Fallen (1996) berpandangan kejayaan mencegah berlakunya pengelakan cukai adalah dengan cara menyediakan lebih banyak pengetahuan cukai kepada pelbagai lapisan masyarakat bagi mempertingkatkan etika cukai dan persepsi individu terhadap keadilan sistem cukai. Ketidakhahaman dengan kehendak yang ditetapkan memungkinkan berlakunya tersalah ikrar yang menyebabkan cukai terkurang dibayar serta dikenakan penalti atau denda oleh pihak berkuasa cukai.

Dalam konteks pembayaran cukai ke atas barangan import, pengimport perlu didedahkan dengan semua maklumat perkastaman terutamanya yang melibatkan proses pelepasan barangan, seperti kadar cukai dan penentuan nilai impot. Ketidakhahaman dengan perundangan dan peraturan cukai, akan menimbulkan pelbagai ketidaktentuan yang menjadi rintangan kepada kepatuhan cukai. Oleh itu, meningkatkan kesedaran dan pengetahuan cukai adalah penting untuk memastikan pembayar cukai lebih memahami dan mematuhi perundangan cukai, serta meningkatkan pematuhan cukai (Kirchler, 2008)

Kurangnya pengetahuan cukai menyebabkan sesetengah pembayar cukai merasakan maklumat percukaian begitu rumit dan susah untuk difahami. Sehingga menyebabkan berlakunya ketidakfahaman dengan tafsiran undang-undang cukai yang mendorong pembayar cukai gagal membayar cukai sebenar (Hasseldine & Li, 1994). Kekurangan pengetahuan cukai juga mendorong pembayar cukai melakukan ketidakpatuhan cukai secara tidak sengaja (Ahmad et al., 2007), serta lebih bersikap negatif kepada cukai (Lewis, 1982). Ini menunjukkan kefahaman pengetahuan cukai secara positifnya mempunyai hubungan langsung dengan gelagat pembayaran cukai (Eriksen & Fallen, 1996), dan peningkatan tahap pematuhan cukai (Kasipillai et al., 2003).

Mendidik atau menyedarkan pengimport merupakan mekanisme terbaik dalam menyalurkan maklumat percukaian, yang mana secara positif boleh mempengaruhi tahap pematuhan cukai. Namun pengetahuan yang dimiliki bukan sahaja digunakan sebagai mekanisme pematuhan cukai, tetapi turut memberi peluang kepada pembayar cukai untuk manfaatnya seperti menyeleweng yang menyebabkan berlakunya pengurangan tahap pematuhan cukai (Chan, 2000). Menurut Richardson dan Sawyer (2001), pengetahuan cukai juga termasuk dengan ilmu berkaitan dengan mencari peluang untuk melakukan pengelakan cukai. Dengan pengetahuan ini telah meningkatkan keupayaan pembayar cukai untuk mentafsir dan mengeksploitasi setiap ruang dan kelemahan perundangan untuk kepentingannya.

Oleh itu, setiap ruang dan kelemahan dalam proses pelepasan import akan digunakan sepenuhnya oleh pengimport bagi tujuan mengurangkan bayaran cukai. Sebagai contoh, terdapat barangan import yang seakan sama tetapi dikenakan cukai dengan kadar yang berbeza. Perbezaan ini merupakan ruang terbaik baginya untuk mengikrar barangan berkadar tinggi dengan kadar yang lebih rendah. Pengikraran barangan import dengan kadar yang lebih rendah dari yang sepatutnya secara tidak langsung menyebabkan cukai yang dibayar menjadi lebih rendah berbanding dengan nilai cukai sebenar. Di sini jelas menunjukkan pengetahuan cukai yang dimiliki oleh pengimport terutamanya berkaitan dengan pengetahuan untuk melakukan pengelakan cukai, turut mendorong berlakunya ketidakpatuhan cukai. Senario ini selari dengan kajian Lou dan Ho, (2005) yang mengesahkan wujud hubungan negatif di antara tahap pengetahuan dengan kepatuhan cukai.

Sebagai kesimpulan, pengetahuan pembayar cukai memberi impak yang bercampur-campur kepada pematuhan cukai. Terdapat kajian yang mendedahkan pengetahuan cukai secara positifnya mempunyai hubungan dengan peningkatan pematuhan cukai (Ahmad et al., 2007; Kassipillai et al., 2003a), dan ada yang mendedahkan wujud hubungan negatif di antara pengetahuan cukai dengan kepatuhan cukai (Lou & Ho, 2005). Tetapi, sejauhmana pengetahuan cukai dalam mempengaruhi ketidakpatuhan cukai di kalangan pengimport di Malaysia jarang ditemui dan belum terjawab sepenuhnya. Oleh itu, bagi mencari bukti empirikal terhadap pengaruh pengetahuan cukai kepada ketidakpatuhan cukai, hipotesis berikut diuji:

H1a Pengetahuan cukai mempunyai hubungan dengan ketidakpatuhan cukai.

Kurangnya pengetahuan cukai menyebabkan sesetengah pembayar cukai merasakan undang-undang cukai begitu rumit dan susah untuk difahami sehinggakan boleh mendorong mereka mengelak dari membayar cukai sebenar atau melakukan kesalahan yang tidak disengajakan. Kurangnya pengetahuan berkaitan pelepasan barangan import telah meletakkan pengimport yang jujur sebagai mangsa kepada pegawai berintegriti rendah dan agen penghantaran yang sentiasa mengambil kesempatan untuk kepentingan sendiri.

Antara kesempatan yang diambil oleh pegawai yang tidak jujur termasuklah; secara sengaja melewati pelepasan barangan import tanpa sebab, dan pelepasan hanya dilakukan selepas rasuah ditawarkan kepada mereka (Hors, 2001). Teknik melewati pelepasan dilakukan dengan tidak mempedulikan pengikraran yang dikemukakan oleh pengimport yang tidak bersedia memberikan wang habuan. Lebih teruk lagi, pengimport yang tidak memenuhi keinginan pegawai dikehendaki menunjukkan dokumen yang sukar dikemukakan, atau menghantar kargo untuk pemeriksaan lanjut atau lain-lain tindakan yang tidak perlu bagi menyukarkan lagi proses pelepasan (Hors, 2001).

Susulan permasalahan yang dihadapi ini telah mendorong pengimport mencari jalan mudah untuk mengelakkan tindakan yang mungkin diambil kepadanya. Antara jalan tersebut termasuklah bersedia menawarkan habuan kepada pegawai cukai sebagai

dorongan dan tukaran untuk mengelakkan barangan mereka ditahan dalam tempoh yang lama, serta mengelak dari membayar cukai sebenar (Dutt, 2008; Fisman & Wei, 2004).

Tingginya tahap pengetahuan cukai juga kadang-kadang turut mendorong berlakunya ketidakpatuhan cukai melalui rasuah. Demi memenuhi kepentingan diri, pengimport yang mengetahui akibat yang perlu ditanggung jika dikesan melakukan pengelakan cukai akan lebih bersedia menyogok pegawai cukai agar perbuatannya itu tidak diambil tindakan. Senario ini adalah seiring dengan penemuan kajian oleh Mookherjee dan Ping (1995) yang mendapati 76% pegawai audit cukai mengambil rasuah untuk melindungi perbuatan ketidakpatuhan cukai. Perkara ini berlaku apabila pengimport telah menyogok pegawai cukai agar tidak mengambil tindakan ke atas pengelakan cukai yang telah dikesan oleh pegawai audit.

Tetapi, sejauhmana pengetahuan cukai melalui perantara rasuah dalam mempengaruhi ketidakpatuhan cukai di kalangan pengimport di Malaysia jarang ditemui dan belum terjawab sepenuhnya. Oleh itu, bagi mencari bukti empirical, hipotesis berikut diuji:

H1b Pengetahuan cukai mempunyai hubungan dengan ketidakpatuhan cukai melalui rasuah.

3.3.2 Kerumitan Sistem Cukai

Sistem percukaian di sesebuah Negara digubal bagi memastikan hasil cukai sebenar dapat dipungut dalam tempoh yang ditetapkan. Tetapi, jika tahap pematuhan di kalangan pembayar cukai masih rendah, sistem itu dianggap gagal. Menurut Fischer (1992), kerumitan sistem cukai merupakan salah satu faktor yang menentukan kepatuhan dan keberkesanan struktur sistem cukai. Kerumitan meletakkan pematuhan cukai lebih berisiko ekoran berkemungkinan terdapat pembayar cukai yang belum memahami sepenuhnya tanggungjawab mereka atau ada pembayar cukai mengambil kesempatan ke atas kerumitan ini.

Pengelakan cukai mungkin meningkat susulan bertambahnya kerumitan, sehinggakan terdapat pembayar cukai memilih jalan keluar daripada sistem cukai dengan hanya mengikrar sebahagian atau sama sekali tidak mengikrarkan pendapatannya (Erard & Ho, 2001). Menurut Goedde (1988), antara faktor yang menyumbang kepada kerumitan termasuklah kekaburan peraturan cukai, kesukaran membuat pengiraan cukai, pindaan undang-undang cukai, butiran dalam undang-undang, dan format borang cukai yang mengelirukan. Kekaburan peraturan cukai boleh mengelirukan pembayar cukai dalam menentukan beban cukai sebenar yang boleh menyebabkan cukai terlebih atau terkurang bayar. Kerumitan ini mengecewakan pembayar cukai sehinggakan melahirkan persepsi ketidakadilan yang membawa kepada peningkatan ketidakpatuhan cukai (Mikesell & Birskyte, 2007).

Kerumitan dalam proses pengikraran import juga boleh mengurangkan kesediaan pembayar cukai mematuhi kehendak yang ditetapkan. Pihak berkuasa cukai boleh mengandaikan proses pengikraran import amat mudah untuk di sempurnakan tetapi mungkin tidak bagi pembayar cukai. Dalam setiap proses pelepasan import memerlukan setiap barangan dilengkapi dengan kod barangan yang kadangkala kadangkala mengelirukan pengimport. Oleh itu, pihak berkuasa cukai perlu menyediakan proses pengikraran cukai yang lebih mudah dan difahami pembayar cukai. Proses pengikraran yang lebih mudah akan menggalakan serta meningkatkan pematuhan sukarela (Mohani, 2001).

Barangan yang diimport ke Malaysia dikenakan cukai dengan kadaran berbeza. Terdapat barangan seakan sama, tetapi dikenakan cukai dengan kadar berbeza. Kadar cukai mempunyai hubungkait dengan amaun cukai. Oleh itu, kesilapan dalam menentukan kadar cukai akan memberi impak kepada jumlah cukai dibayar. Tetapi bagi sesetengah pengimport, kekeliruan ini telah mendorong mereka untuk mengistiharkan barangan importnya dengan kadar yang lebih rendah yang membawa kepada ketidakpatuhan cukai (Javorcik & Narciso, 2008). Oleh itu, kadar cukai yang seragam antara barangan akan mengurangkan insentif dan peluang penyelewengan cukai melalui penipuan klasifikasi barangan berkadar tinggi kepada kadar yang rendah (Panagariya, 1986), seterusnya mengurangkan penyelewengan cukai secara keseluruhannya (Gatti, 1999).

Kekerapan pindaan ke atas undang-undang dan peraturan cukai turut menimbulkan ketidaktentuan kepada pembayar cukai, sehingga meletakkannya sebagai salah satu faktor penting yang menyumbang kepada kerumitan perundangan cukai (Goedde, 1988). Kekerapan pindaan undang-undang percukaian akan menyulitkan keadaan dan menyebabkan pembayar cukai menjadi keliru (Mohd-Hanefah, 1996). Perubahan dan pindaan peraturan menyebabkan peraturan sedia ada menjadi tidak relevan, sehinggakan boleh menimbulkan pelbagai ketidaktentuan kepada sesetengah pembayar cukai. Ketidaktentuan ini boleh mempengaruhi pembayar cukai supaya membuat tafsiran mengikut kefahaman mereka sendiri, sekaligus memungkinkan berlaku kesilapan dan peningkatan ketidakpatuhan secara tidak sengaja (Choong & Lai, 2008).

Sebagai kesimpulan dapat dirumuskan bahawa peraturan yang rumit boleh menimbulkan kekeliruan kepada sebahagian pembayar cukai. Malahan boleh mendorong pembayar cukai tidak mematuhi kehendak perundangan yang ditetapkan. Senario ini jelas menunjukkan kerumitan sistem cukai mempunyai hubungan yang signifikan dengan pematuhan cukai, dan menjadi salah satu faktor terpenting menyumbang kepada pengelakan cukai (Kate Krause, 2000). Tetapi, sejauh mana kerumitan memberi impak dan pengaruh kepada gelagat ketidakpatuhan cukai import di Malaysia masih belum jelas. Oleh itu, hipotesis di bawah diuji:

H2a Kerumitan sistem cukai mempunyai hubungan dengan ketidakpatuhan cukai.

Kekaburan dan kerumitan undang-undang terutamanya dalam keadaan penguatkuasaan yang longgar menyebabkan peranan dan fungsi pegawai menjadi tidak jelas, serta meletakkan pegawai lebih berkuasa (McLinden, 2005). Seinggakan berlakunya gelagat penyalahgunaan kuasa yang membawa kepada berlakunya perbuatan rasuah (Pashev, 2005). Menurut Keen (2003), kerumitan ini akan menggalakkan berlakunya perbuatan rasuah dikalangan pegawai cukai, dimana dengan kuasa yang ada beserta kerumitan ini digunakan untuk mengugut pengimport dengan permintaan habuan sebagai tukaran dengan perkhidmatan yang akan diberikan (Ades & Di Tella, 1999). Peluang ini digunakan sepenuhnya oleh pengimport yang sememangnya bersedia untuk melakukan pelarian cukai, dan akan memberi habuan sebagaimana sebagaimana yang diminta sebagai dorongan dan tukaran untuk mengelakkan mereka dari membayar cukai sebenar (Dutt, 2008; Fisman & Wei, 2004). Sistuisi ini menunjukkan pengimport sanggup membuat bayaran tidak rasmi kepada pegawai cukai secara berterusan selagi pembayaran ini memberi manfaat kepadanya.

Kerumitan ini juga akan meningkatkan lagi godaan pemberian rasuah oleh pengimport sebagai jalan pintas untuk menjimatkan masa, dan mengurangkan ketidaktentuan berapa banyak cukai perlu dibayar. Menurut Keen (2003), pemberian rasuah kepada pegawai cukai di pintu masuk negara akan mengelakkan

kelewatan pelepasan barangan. Sebarang kelewatan akan memberi kesan yang amat besar kepadanya seperti terpaksa menanggung kos tambahan penyewaan gudang serta kelewatan membekal barangan kepada pembelinya.

Sebagai kesimpulan, sistem cukai yang sukar difahami atau terlalu rumit boleh menimbulkan kekeliruan kepada sebahagian pembayar cukai. Malahan boleh mendorong pembayar cukai memilih jalan keluar daripada sistem cukai, dengan hanya mengikrar sebahagian atau sama sekali tidak mengikrarkan barangan importnya demi manfaat diri sendiri.

Ketiadaan atau kegagalan mengawal sistem dan prosedur bukan sahaja mengakibatkan sistem itu tidak berfungsi dengan baik, bahkan membuka ruang dan peluang kepada perlakuan rasuah, salahguna kuasa, penyelewengan dan kelemahan dalam pengurusan. Lebih mendukacitakan kerumitan yang timbul ini telah diambil kesempatan oleh pengimport untuk tujuan manfaat dan kepentingan diri sendiri. Keadaan ini akan menyebabkan ketirisan, serta kerugian dari segi pungutan hasil kepada kerajaan. Walau bagaimanapun sejauh mana hubungan kerumitan sistem cukai dengan ketidakpatuhan cukai di kalangan pengimport di Malaysia melalui rasuah masih belum jelas. Oleh itu, hipotesis di bawah diuji:

H2b Kerumitan sistem cukai mempunyai hubungan dengan ketidakpatuhan cukai melalui rasuah

3.3.3 Agen Penghantaran

Pengaruh dari luar yang melibatkan elemen kemanusiaan terutamanya dari kumpulan rujukan seperti pakar rujuk merupakan salah satu faktor bukan ekonomi yang mempunyai hubung kait dengan tahap pematuhan cukai individu atau organisasi perniagaan. Hubungan rangkaian kemanusiaan dan persatuan membantu membentuk persepsi, norma, dan sikap seseorang individu yang akhirnya mempengaruhi tindak balas kepada sesuatu tindakan (Smith & Kinsey, 1987). Walaupun kajian mengenai pengaruh kumpulan ini terhad, namun Teori Tingkahlaku Dirancang (TTD) dibangunkan oleh Ajzen dan Fishbein (1980) merumuskan pengaruh kumpulan rujukan memainkan peranan yang penting dalam menentukan niat dan gelagat individu.

Individu yang menjadi ahli kumpulan akan berusaha untuk mengekalkan keahliannya dengan mengikuti gelagat kumpulan yang sedia ada sebagai rujukan sesuatu perkara termasuklah mendorong berlakunya pematuhan atau pengelakan cukai (Wallschutzky, 1984; Weigel, 1987). Di sini menunjukkan pengaruh dari luar memainkan peranan yang penting dalam menentukan niat dan gelagat individu dalam membuat sesuatu keputusan (Ajzen & Fishbein, 1980). Walaupun terdapat kajian berkaitan pematuhan cukai tidak mengambilkira pembolehubah (pengaruh agen) ini dalam penentuan pematuhan cukai (Mohani, 2001; Sandmo, 2005). Tetapi, jelas telah terbukti agen memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi seseorang

pengimport dalam membuat keputusan pematuhan terutamanya yang melibatkan aspek kewangan dan pematuhan cukai.

Dalam konteks pengimportan barangan, agen penghantaran diperakukan oleh JKDM sebagai orang yang berkelayakan untuk menyediakan perkhidmatan percukaian kastam. Secara umumnya peranan agen penghantaran meliputi; sebagai penasihat cukai kepada pengimport, dan penghubung antara pengimport dengan JKDM. Mereka ini memainkan peranan penting dalam membantu pengimport menguruskan proses pelepasan barangan import dan pembayaran cukai, serta menyediakan penyata cukai, nasihat percukaian, dan nasihat risiko. Ini menunjukkan agen memainkan peranan yang penting dalam memastikan kepatuhan cukai (Hite, 2003).

Tetapi sebagai penasihat cukai kehendak pengimport perlu difahami. Walaupun pengimport tidak memaklumkan secara nyata berkaitan dengan pengurangan cukai, namun mereka sememangnya berharap agen mampu membantu mereka dalam meminimumkan tanggungan cukai. Sebarang cadangan atau pandangan yang dikemukakan terasuklah berkaitan dengan meminimumkan bayaran cukai selalunya akan diterima oleh pengimport. Agen yang mampu mengeksploitasi keaburan undang-undang dan peraturan cukai, akan menggunakannya bagi manfaat kepada pelanggannya (Spilker, Worsham & Prawitt, 1999). Sebagai contoh, agen akan mencari alternatif agar dapat mengikrarkan kadar cukai yang lebih rendah, bagi mengurangkan amaun cukai kena dibayar.

Sekiranya pengimport merujuk kepada penasihat yang mempunyai tahap ketidakpatuhan cukai yang tinggi, lagi banyak pengikraran tidak benar akan berlaku (Hasseldine, 1994). Dan begitulah sebaliknya jika merujuk kepada penasihat yang mempunyai tahap ketidakpatuhan cukai yang rendah. Dalam konteks ini, pematuhan atau ketidakpatuhan cukai oleh pembayar cukai akan berlaku apabila kumpulan yang dijadikan rujukan oleh individu tersebut membenarkan berlakunya pematuhan atau ketidakpatuhan cukai (Wallschutzky, 1984; Weigel, et.al., 1987).

Diakui agen memainkan peranan yang penting dalam membantu pematuhan cukai, tetapi beberapa kajian mengesahkan bahawa agen juga turut membantu pembayar cukai dalam mengurangkan tanggungan cukai dengan mengeksploitasi sebarang keaburan perundangan cukai dan ketidaktentuan kod cukai (Togler, 2003). Menurut Murphy (2004), dapatan empirikal terdahulu mengesahkan agen memainkan peranan dalam mempertingkatkan pematuhan cukai dan ketidakpatuhan cukai. Menurutnyanya lagi pematuhan meningkat apabila agen memberi nasihat berkaitan kehendak perundangan (Duncan, 1989). Dalam masa yang sama agen turut mengambil kesempatan ke atas sebarang kelemahan atau ketidaktentuan perundangan dengan menggalakkan ketidakpatuhan cukai. Dapatan kajian lain turut mengesahkan bahawa berlakunya ketidakpatuhan cukai adalah lebih tinggi melalui pengikraran yang disediakan oleh agen cukai berbanding yang disediakan sendiri oleh pembayar cukai (Hite & Hasseldine, 2003).

Walaupun diketahui gelagat ketidakpatuhan cukai dipengaruhi oleh beberapa faktor, tetapi faktor agen yang terlibat secara langsung dalam proses pelepasan barangan import hampir tidak disentuh langsung dalam kajian ketidakpatuhan cukai di Malaysia. Sehubungan dengan itu hipotesis berikut diuji bagi mengetahui sejauh mana agen penghantaran mempengaruhi ketidakpatuhan cukai.

H3a Agen Penghantaran mempunyai hubungan dengan ketidakpatuhan cukai.

Sebagai orang yang paling dekat dengan pegawai kastam dan amat mahir dalam proses pelepasan ini, agen penghantaran menjadi perantara di antara pengimport dan pegawai kastam. Bagi memenuhi hasrat pengimport yang sentiasa mencari ruang untuk mengurangkan bayaran cukai atau mempermudah pelepasan barangan import dari kawalan pihak berkuasa, agen akan mengemukakan cadangan kepada pegawai cukai. Dalam situasi sebegini tawar menawar mungkin berlaku sekiranya melibatkan amaun cukai yang besar. Keputusan dibuat setelah kedua-dua pihak bersetuju dan mendapat manfaat yang dikehendaki. Dalam hal ini pengimport akan memberi habuan kepada pegawai cukai dengan tujuan untuk memperolehi manfaat penjimatan masa pelepasan barangan, dan beban cukai dapat dikurangkan (Long & Caudill, 1987). Tetapi, adakah agen penghantaran mempunyai hubungan dengan ketidakpatuhan cukai dalam persekitaran pengimportan barangan di Malaysia melalui rasuah belum dapat disahkan. Oleh itu, bagi mencari bukti empirikal hipotesis berikut diuji:

H3b Agen Penghantaran mempunyai hubungan dengan ketidakpatuhan cukai melalui rasuah.

3.3.4 Undang-undang Cukai dan Penguatkuasaan

Peruntukkan undang-undang sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta Kastam 1967, serta peraturan yang berkaitan diwujudkan sebagai garis panduan kepada pegawai kastam dan pengimport. Undang-undang yang digubal ini merangkumi keseluruhannya dan muktamad (Kamil et al, 2006). Dengan perundangan ini, pegawai kastam diperuntukkan kuasa dan batasan dalam memastikan proses pengimportan termasuk pembayaran cukai dipatuhi pengimport. Sehubungan itu, pegawai bertanggungjawab untuk mengambil tindakan ke atas pengimport termasuk tahan dagangan sekiranya kehendak yang ditetapkan tidak dipatuhi.

Melalui peruntukkan undang-undang ini pengimport dikehendaki mematuhi garis panduan yang ditetapkan seperti penentuan barang larangan import, penentuan kadar cukai, penentuan nilai barangan import, dan pengiraan amaun cukai kena dibayar. Menurut seksyen 78 dan seksyen 79 Akta Kastam, pengimport dikehendaki membuat pengikraran sebenarnya berkaitan dengan barangan seperti kuantiti dan ukuran, nilai, kadar cukai, dan Negara asal barangan.

Kegagalan memenuhi kehendak yang ditetapkan membolehkan pengimport disabitkan dengan kesalahan di bawah seksyen 133 Akta yang sama yang memperuntukan denda tidak melebihi RM500,000.00 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau

kedua-duanya sekali. Peruntukan undang-undang di atas jelas menunjukkan bahawa pengimport terpaksa menanggung beban yang amat berat jika terbukti telah melakukan perbuatan ketidakpatuhan cukai.

Mengikut teori cegahan jenayah yang diperkenalkan oleh Allingham dan Sandmo (1972), setiap keputusan rasional yang dibuat oleh seseorang individu berasaskan prinsip kepentingan diri bertujuan untuk memaksimumkan manfaat dari perbuatan pelarian cukai dengan mengambilkira kerugian yang mungkin ditanggung. Oleh itu, pembayar cukai akan mengelakkan dari melakukan pelarian cukai jika mereka mendapati undang-undang memperuntukan hukuman yang berat ke atas pelaku pengelakan cukai. Undang-undang yang digubal bukan sahaja sebagai penentu hukuman kepada pelaku yang terbukti melakukan kesalahan, tetapi juga sebagai instrumen pengawalan bagi memastikan pembayar cukai memenuhi tanggungjawab sebagaimana yang ditetapkan (Devos, 2007). Dalam masa yang sama menjadi ingatan kepada lain-lain pengimport tentang beban yang perlu dipikul jika melakukan ketidakpatuhan cukai.

Hukuman atau penalti yang dikenakan juga memainkan peranan dalam jangkauan ketidakpatuhan cukai. Lebih tinggi penalti yang dikenakan boleh mendorong pembayar cukai menjauhi perbuatan pengelakan cukai. Ini menunjukkan penetapan hukuman yang berat akan membentuk gelagat pembayaran cukai (Andreoni, Erard & Feinstein 1998; Fischer, Wartick & Mark 1992). Dengan itu, dapat dirumuskan

bahawa peruntukkan undang-undang memberi impak positif kepada pematuhan cukai (Alm. 1995).

Di antara mekanisme yang boleh diambil oleh pihak berkuasa cukai bagi mengurangkan perbuatan pengelakan cukai termasuklah menjalankan kerja-kerja pengauditan, mengenakan hukuman seperti penalti atau denda kepada pembayar cukai yang terbukti melakukan ketidakpatuhan cukai. Untuk lebih tegas lagi hadapkan mereka ini ke muka pengadilan untuk dikenakan hukuman yang lebih setimpal dengan kesalahan yang telah dilakukan. Pembayar cukai akan mengikrarkan penyata cukai dengan benar sekiranya kemungkinan dikesan melalui kerja-kerja pengauditan adalah tinggi (Allingham & Sandmo, 1972), dan melakukan pengelakan cukai apabila kemungkinan pengauditan yang akan dijalankan oleh pihak berkuasa adalah rendah (Eisenhauer, 2008).

Kemungkinan pengesanan melalui audit percukaian juga menjadi ingatan atau amaran kepada pembayar cukai supaya melaporkan penyata cukai sebenar. Pelaporan yang benar ini akan membawa kepada peningkatan tahap pematuhan cukai (Sour, 2001), dan menukar gelagat pematuhan pembayar cukai dari bersikap negatif kepada positif (Butler, 1993). Penemuan ini selari dengan kajian Ali, Cecil, dan Knoblett (2001), Eisenhauer (2008), Trivedi, Shehata dan Mestelman (2004), dan Verboon dan van Dijeke (2007) yang mendapati bahawa tahap pematuhan cukai adalah tinggi apabila pengauditan dijalankan.

Pengalaman diaudit oleh pihak berkuasa cukai turut memberi kesan positif kepada pematuhan (Dubin, 2004; Jackson & Jaouen, 1989; Shanmugan, 2003). Pengalaman ini mendorong pembayar cukai supaya lebih berwaspada dalam penyediaan penyata cukai dan pembayaran bagi mengelakkan dikenakan penalti (Allingham & Sandmo, 1972). Ini menunjukkan kebimbangan dikesan oleh pihak berkuasa cukai mempengaruhi tahap gelagat kepatuhan cukai (Bergman, 1998), dan peningkatan ke atas risiko pengesanan yang kecil sekalipun memberi kesan yang amat besar kepada pematuhan cukai (Carnes & Englebrecht, 1995).

Kekerapan tindakan penguatkuasaan akan mendorong pembayar cukai untuk lebih patuh kepada perundangan cukai. Kurangnya tindak balas dari pihak berkuasa cukai menjadi salah satu punca pembayar cukai menjadi tidak bertanggungjawab. Menurut William (2001), 528 pembayar cukai yang pernah didakwa kerana gagal mengemukakan penyata cukai kepada *Australia Taxation Office*, telah menyerahkan penyata cukai di tahun berikutnya, tetapi bilangannya menurun di tahun seterusnya apabila ancaman tindakan perundangan berkurangan. Ini menunjukkan peningkatan aktiviti penguatkuasaan memberi impak positif kepada peningkatan tahap pematuhan.

Pengenaan penalti juga memainkan peranan dalam jangkaan ketidakpatuhan cukai. Lebih tinggi penalti yang dikenakan menyebabkan pelarian cukai menjadi lebih berisiko sehingga mendorong pembayar cukai menjauhi perbuatan pengelakan

cukai. Ini menunjukkan pengenaan penalti mempunyai hubungan negatif dengan pengelakan cukai (Gordon, 1990; Marelli & Martina, 1988).

Walaupun tindakan penguatkuasaan seperti pengauditan, pengenaan penalti, dan tindakan mahkamah akan meningkatkan tahap pematuhan cukai, tetapi, beberapa kajian lain mendedahkan peningkatan kerja-kerja penguatkuasaan yang terlalu kasar berpotensi menurunkan tahap pematuhan pembayar cukai (Slemrod, 2001; Young, 1994). Tindakan seperti penahanan dan sekatan kepada pembayar cukai belum tentu membawa mereka mematuhi setiap perundangan yang ditetapkan (Tittle & Logan, 1973). Tindakan seperti di atas hanya sesuai dilakukan kepada pembayar cukai yang didapati degil, melawan, dan sering mengulangi perbuatan ketidakpatuhan cukai (Braithwaite, 2003).

Pembayar cukai mengharapkan pegawai cukai lebih telus, beramanah, serta menghormati pembayar cukai sebagai individu atau kumpulan (Tyler & Lind, 1992). Jika pembayar cukai dilayan dengan penuh kecurigaan, akan meletakkan pembayar cukai lebih tertekan (Spicer & Lundsted, 1976), sehingga menyebabkan pembayar cukai berkelakuan secara bertentangan dengan kehendak perundangan (Fehr & Rokenbach 2003). Kelakuan pegawai cukai yang tidak munasabah semasa menjalankan tugas penguatkuasaan ini juga akan menghakis keinginan pembayar cukai untuk patuh kepada perundangan cukai (Kagan & Scholz, 1984; Torgler, 2003d; Murphy, 2004). Kelakuan di atas akan mendorong berlakunya

ketidakpatuhan secara berpanjangan (Brehm & Brehm 1981; Murphy & Harris 2007).

Pengenaan penalti juga mempunyai hubungan positif dengan pengelakan cukai (Virmani, 1989), serta meningkatkan lagi pengelakan cukai (Baldry, 1987). Menurut Kircler (2007), peningkatan amaun penalti akan memberi kesan yang tidak dikehendaki, dan akhirnya menyebabkan lagi banyak berlakunya pengelakan cukai. Penemuan ini selari dengan penemuan Ali, Cecil, dan Knoblett (2001) ke atas analisis gelagat kepatuhan pembayar cukai Amerika antara tahun 1980 dan 1995, yang mendapati peningkatan kadar penalti di antara 5 peratus hingga 30 peratus tidak memberi impak kepada pematuhan cukai. Keadaan ini berlaku disebabkan, pembayar cukai akan memilih untuk tidak mematuhi perundangan cukai, selagi manfaat kewangan dari pengelakan cukai lebih besar dari kos yang perlu ditanggung jika mereka didenda atau dikenakan penalti (Devos, 2005).

Walaupun tindakan penguatkuasaan berperanan dalam mempengaruhi gelagat pematuhan cukai, meningkatkan tahap pematuhan cukai (Sour, 2001), menukar gelagat pembayar cukai dari bersikap negatif kepada bersikap positif kepada pematuhan cukai (Butler, 1993). Tetapi, ada kajian yang mendedahkan peningkatan kerja-kerja pengauditan dan peningkatan penalti memberi impak yang lemah serta meningkatkan lagi pengelakan cukai (Baldry, 1987). Namun, sejauh mana undang-undang dan penguatkuasaan memberi impak kepada ketidakpatuhan cukai di kalangan pengimport di Malaysia masih tidak jelas. Oleh itu, hipotesis di bawah

diuji bagi menilai sejauh mana undang-undang dan penguatkuasaan boleh mempengaruhi ketidakpatuhan cukai di kalangan pengimport.

H4a Undang-undang cukai mempunyai hubungan dengan ketidakpatuhan cukai.

H5a Penguatkuasaan mempunyai hubungan dengan ketidakpatuhan cukai

Peruntukkan undang-undang diwujudkan sebagai garis panduan kepada pegawai cukai dan pembayar cukai. Melalui perundangan ini, dinyatakan dengan jelas perkara yang mesti dipatuhi oleh pembayar cukai, termasuk hukuman yang dikenakan jika terbukti melakukan ketidakpatuhan cukai. Menyedari beratnya hukuman ini telah mendorong pembayar cukai menawarkan rasuah untuk mempengaruhi kata putus pegawai awam ke atas sesuatu tindakan yang tidak sepatutnya dilakukan (Bardhan, 2006; Mele, 2009). Tindakan ini termasuklah bertujuan mengelakkan pembayar cukai yang melakukan ketidakpatuhan cukai dari dikenakan hukuman (Mookherjee & Ping, 1995). Pengimport turut menawarkan habuan bertujuan mempengaruhi pegawai cukai agar mengenyepikan perundangan yang ditetapkan bagi menghalalkan transaksi yang salah pengikraran, salah klasifikasi kod cukai, dan nilai import di bawah nilai sebenar (Parayno, 1999; Fisman & Wei, 2004).

Biarpun tindakan penguatkuasaan boleh mempengaruhi kepatuhan cukai, namun perlaksanaan penguatkuasaan oleh sesetengah pegawai boleh mendorong

berlakunya ketidakpatuhan cukai. Keadaan ini berlaku apabila pengimport telah menyogok pegawai yang diketahuinya bertindak secara tidak telus dalam penguatkuasaan demi kepentingan peribadinya (Braguinsky, 1996; Habib & Zurawick, 2002). Antara tindakannya meminta bayaran secara paksaan atau memeras ugut firma perniagaan secara tidak wajar (Mele, 2009) bagi menghindari denda dan penalti, serta mengelakkan bil cukai meningkat (Nielsen & Ballas, 2000).

Perbuatan rasuah ini akan terus berkembang selagi penguatkuasaan undang-undang tidak mempunyai ketelusan (Braguinsky, 1996; Habib & Zurawicki, 2002). Menurut Mookherjee dan Png (1995) yang membuat kajian di India yang mendapati 68 peratus dari pembayar cukai telah memberi rasuah, dan 76 peratus dari pegawai audit cukai mengambil rasuah bertujuan untuk mengurangkan bayaran cukai kepada kerajaan. Amalan rasuah ini berlaku apabila pengelakan cukai oleh pengimport berjaya dikesan oleh pegawai audit, dan pengimport kemudiannya lebih bersedia untuk menawarkan habuan kepada pegawai cukai bagi mengelakkan perbuatan pengelakan cukainya dikenakan tindakan. Perbuatan rasuah oleh pegawai audit cukai juga memberi kesan negatif yang amat besar kepada pungutan cukai (Dos Santos, 1995).

Bagi sesetengah pengimport mereka tidak merasa takut dengan penemuan pegawai audit, malahan ruang pertemuan ini merupakan peluang baginya untuk menawarkan rasuah bagi mengelakkan tindakan penguatkuasaan diambil ke atasnya. Terbukti bahawa perbuatan rasuah sememangnya berlaku dalam perkhidmatan kastam

(Rose-Akerman, 1997). Pandangan ini disahkan oleh Parayno (1999) yang mendedahkan perkara yang sama turut berlaku di Filipina bertujuan menghalalkan transaksi yang salah. Sehubungan itu dapat dirumuskan bahawa perbuatan rasuah serta undang-undang dan penguatkuasaan undang-undang mempunyai hubungan yang kukuh di antara satu sama lain dalam mempengaruhi ketidakpatuhan cukai (Tanzi, 2000; dan Fjeldstad & Tugodden, 2003).

Tetapi sejauh mana undang-undang dan penguatkuasaan memberi impak kepada ketidakpatuhan cukai melalui rasuah di kalangan pengimport di Malaysia masih tidak jelas. Oleh itu, hipotesis di bawah diuji,

H4b Undang-undang cukai mempunyai hubungan dengan ketidakpatuhan cukai melalui rasuah.

H5b Penguatkuasaan mempunyai hubungan dengan ketidakpatuhan cukai melalui rasuah.

3.3.5 Rasuah

Perbuatan rasuah bukanlah perkara yang baru malahan telah berlaku sejak berzaman. Kesannya amat besar dan boleh menjejaskan pertumbuhan ekonomi (Ampratwum, 2008; de la Croix & Delavallade, 2009). Menurut Imam dan Jacobs (2007), pendapatan per kapita, keterbukaan perniagaan, inflasi dan rasuah adalah penentu terpenting pungutan cukai. Penemuan ini selari dengan kajian Gupta

(2007) dan Bird (2004), yang mendapati perbuatan rasuah merupakan salah satu faktor yang signifikan dalam penentuan prestasi pungutan hasil Negara.

Rasuah ini berlaku melalui pemberian tunai atau lain-lain bentuk pemberian seperti harta benda, barangan atau perkhidmatan (Tarar, 2010). Pemberian ini dilakukan kepada pegawai awam yang menyalahguna kuasa dan kepercayaan awam untuk keuntungan peribadi (Zimring & Johnson, 2005; Todaro & Smith, 2003). Dalam dunia sekarang rasuah dikenali dalam pelbagai sebutan seperti sogokan, suapan, wang saku, duit kopi, dan bawah meja. Menurut Gray dan Kaufmann, (1998), rasuah di sektor awam merupakan halangan yang perlu dihadapi dalam proses pembangunan Negara mereka. Di sini menunjukkan pegawai awam yang terlibat dengan aktiviti rasuah, dan salah guna kuasa telah menafikan hak-hak pihak lain atau memberi hak sesuatu kepada orang yang tidak sepatutnya mendapat hak berkenaan, demi keuntungan peribadi (Habib & Zurawick, 2002; Aguilera & Vadera, 2008).

Dalam konteks percukaian import, rasuah cukai dan permasalahan fraud kastam merupakan masalah utama yang dihadapi oleh Negara Mali dan Senegal (Stasavage & Daubree, 1998). Pelakuan rasuah atau rasuah cukai dilihat sebagai suatu kesempatan yang diambil oleh pengimport dan pegawai ke atas kelemahan pihak berkuasa cukai. Peluang berlakunya rasuah cukai akan lebih terbuka apabila ada terlalu banyak peraturan berbentuk halangan perniagaan atau yang boleh memperlambatkan pergerakan barangan (Rose-Ackerman, 1997). Selalunya rasuah

cukai berlaku dalam situasi menang–menang antara pengimport dengan pegawai cukai, dan merupakan salah satu transaksi perniagaan tidak rasmi yang membawa pengimport mendapat manfaat yang lebih besar.

Rasuah cukai dalam perkhidmatan kastam berlaku dengan cara ugutan dari pegawai atau ditawarkan oleh peniaga (Rose-Akerman, 1997). Rasuah cukai secara ugutan berlaku apabila pegawai cukai secara paksa meminta habuan dari pengimport bertujuan mengelakkan pengimport dari dikenakan; tindakan undang-undang (Bardhan, 2006), bayaran cukai tambahan (Nielsen & Ballas, 2000), sekatan barangan (Rose-Ackerman, 1997), serta denda dan penalti (Mele, 2009). Rasuah cukai secara paksaan oleh pegawai cukai boleh menjadi rasuah yang lebih serius berbanding dengan rasuah yang ditawarkan oleh firma (Nielsen, 2003). Walaupun tahap setiap paksaan berbeza, namun pembayaran secara tidak rasmi ini melemahkan fungsi institusi awam (Shleifer & Vishny, 2003).

Transaksi rasuah cara kedua pula berlaku apabila peniaga menawarkan rasuah untuk mempengaruhi kata putus pegawai ke atas sesuatu tindakan yang tidak sepatutnya dilakukan (Mele, 2009). Pengimport sanggup memberi rasuah kepada pegawai cukai sebagai pertukaran untuk mengurangkan beban cukai ke atas barangan import (Fisman & Wei, 2004), mengelakkan dikenakan tindakan undang-undang (Bardhan, 2006), melicinkan urusan pelepasan barangan, dan menjimatkan masa yang terlibat dalam pengauditan cukai. Sebagai contoh, pengimport bersedia memberi habuan lebih dari 25 peratus dari nilai cukai ditaksir, jika pegawai cukai

boleh menurunkan sebanyak 50 peratus cukai yang ditaksirkan. Oleh itu, pengimport bersaiz besar akan mengambil kesempatan ini (dengan mengeksploitasi kelemahan dalam undang-undang cukai) untuk berunding secara tidak rasmi dengan pegawai cukai bagi memastikan bayaran cukai dapat dikurangkan.

Kaedah pembayaran ini tidak terbatas kepada wang tunai sahaja, malahan dalam pelbagai bentuk perkhidmatan. Dalam keadaan tertentu bagi mengelakkan rasuah cukai ini dihidu oleh pihak berkuasa cukai, kedua-dua pihak kadang-kadang berurusan di luar kawasan mereka. Apabila amalan bayaran tidak rasmi oleh pengimport kepada pegawai cukai makin menjadi-jadi, menyebabkan cukai sebenar gagal dipungut (Tanzi, 1998), dan mengakibatkan hasil cukai kerajaan berkurangan (Fisman & Stevenson, 2002). Keadaan yang berlaku ini, secara tidak langsung membawa kepada pengurangan kadar pematuhan cukai secara keseluruhannya (Uslaner, 2010).

Sebagai rumusan, didapati rasuah dan ketidakpatuhan cukai mempunyai hubungan positif yang kukuh di antara satu sama lain. Terbukti bahawa Negara yang mempunyai kadar rasuah yang tinggi telah mengurangkan kepatuhan cukai (Tanzi & Davoodi, 1997). Tetapi, sejauh mana pengaruh rasuah kepada ketidakpatuhan cukai di kalangan pengimport di Malaysia belum terjawab sepenuhnya, sehubungan dengan itu hipotesis berikut diuji.

H6: Rasuah mempunyai hubungan dengan ketidakpatuhan cukai.

3.4 Rumusan

Model sendiri kewangan yang dibangunkan oleh Becker (1968) dan diperluaskan oleh Fisher (1992) menggabungkan faktor ekonomi, sosial dan psikologi adalah kerangka konseptual yang lebih praktikal untuk memahami gelagat pematuhan cukai di kalangan pembayar cukai langsung. Model ini yang telah dijadikan rujukan dalam kajian serta siasatan oleh ramai pengkaji telah terbukti keberkesanannya dalam mengenalpasti faktor yang mendorong ketidakpatuhan cukai di kalangan pembayar cukai.

Kajian ini mengaplikasikan model sendiri kewangan sebagai sandaran. Namun begitu hanya lima pembolehubah yang telah dikemukakan dalam model asal dan model peluasan diuji. Disamping itu pembolehubah rasuah telah dikemukakan bagi disesuaikan dengan persekitaran pengimportan di Malaysia dengan jangkaan memberi pengaruh yang signifikan sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada ketidakpatuhan cukai di kalangan pengimport.

BAB 4

METODOLOGI KAJIAN

4.0 Pengenalan

Kajian ketidakpatuhan cukai di kalangan pengimport ini secara prinsipnya berdasarkan model sendiri kewangan. Melalui model ini kerangka teori dibangunkan bagi memahami dan mencari apakah punca sebenar yang menyumbang kepada ketidakpatuhan ini. Berdasarkan model kerangka ini, pembolehubah berkaitan diterangkan satu persatu. Bab ini juga menyentuh instrumen yang digunakan, kaedah pungutan data, populasi, saiz dan kaedah persampelan, proses kajian rintis dan analisis kebolehpercayaan serta kesahan data.

4.1 Kerangka Konseptual


Kegagalan pengimport mematuhi perundangan cukai merupakan salah satu penghalang kepada JKDM dalam memungut cukai sebenar ke atas barangan import. Pengelakan cukai berlaku dalam pelbagai situasi, antaranya: pengimport gagal mengikrar nilai sebenar barangan import, penyeludupan dan lain-lain yang melibatkan cukai kurang dibayar. Diakui beratus-ratus penulisan dan kajian mengenai ketidakpatuhan cukai langsung, tetapi amat jarang kajian dan penulisan mengenai masalah ketidakpatuhan cukai yang melibatkan cukai tidak langsung khususnya ke atas barangan import.

Dengan mengaplikasi model sendiri kewangan sebagai asas, kajian ini cuba mengembangkan pemikiran teoritis untuk membentuk suatu model konseptual berkaitan dengan pengelakan cukai untuk mengenalpasti faktor yang mendorong ketidakpatuhan cukai yang melibatkan pengimportan barangan. Beberapa kajian terdahulu telah menggunakan model ini untuk menyiasat gelagat pematuhan cukai langsung (Kirchler, 2007; Devos, 2008).

Oleh itu, pembolehubah yang terdapat dalam model ini, antaranya: pengetahuan cukai, kerumitan, agen penghantaran, undang-undang, penguatkuasaan dan rasuah diuji untuk melihat hubungannya dengan ketidakpatuhan cukai di kalangan pengimport di Malaysia. Di samping itu, pembolehubah rasuah turut diuji sebagai perantara untuk melihat peranannya ke atas lain-lain pembolehubah dalam mempengaruhi ketidakpatuhan cukai. Kerangka konseptual yang dibangunkan (seperti di gambar Rajah 4.1) memaparkan dengan lebih lanjut faktor yang mempengaruhi ketidakpatuhan cukai di kalangan pengimport.

Pengetahuan dan kerumitan dipilih sebagai pembolehubah pertama dan kedua, dengan alasan kedua-dua pembolehubah ini berkait rapat dengan faktor yang memberi impak kepada pengikraran import, terutamanya kepada pengimport yang tidak mempunyai niat untuk melakukan pengelakan cukai. Pengetahuan yang dimiliki membantu pengimport mengenalpasti dan memahami kehendak undang-undang dan peraturan yang ditetapkan seperti mengenalpasti status dan kadar cukai barangan. Tetapi, pengetahuan yang dimiliki masih belum membantu pengimport

membuat pengikraran sebenar sekiranya terdapat kerumitan dalam sistem percukaian.



Rajah 4.1: *Kerangka Ketidapatuhan Cukai Import.*

Sementara pembolehubah ketiga pula adalah agen penghantaran, dan faktor ini melibatkan pihak ketiga dan pengimport sendiri. Jika pengimport mempunyai pendirian yang kukuh, pengaruh atau pandangan negatif dari agen tidak akan menjejaskan sebarang keputusan yang akan dibuat oleh pengimport. Pembolehubah keempat dan kelima adalah undang-undang dan penguatkuasaan merupakan faktor luaran yang tidak boleh dikawal oleh pengimport, dan faktor ini bergantung kepada pihak berkuasa cukai.

Pembolehubah terakhir adalah pelakuan rasuah. Faktor ini berlaku setelah kedua-dua pihak, iaitu pengimport dan pegawai cukai bersetuju untuk memberi dan menerima habuan dengan tujuan untuk mengurangkan bayaran cukai sebenar atau untuk mengelakkan pengimport daripada dikenakan tindakan ke atas kesalahan yang telah dilakukannya. Selain dari itu, pembolehubah ini turut diuji bagi mengenalpasti peranannya dalam hubungan di antara lain-lain pembolehubah bebas dengan ketidakpatuhan cukai di kalangan pengimport. Untuk kajian ini individu seperti pengurus, pegawai kewangan atau sesiapa yang di lantik oleh syarikat bagi menguruskan pengimportan barangan bertanggungjawab sepenuhnya bagi pihak syarikat. Oleh itu setiap keputusan pegawai ini dianggap sebagai keputusan yang dibuat oleh pengimport termasuk kenyataan berkaitan dengan pengelakan cukai yang telah berlaku.

4.2 Ukuran Pembolehubah

Secara umumnya, bahagian ini turut menerangkan maksud dan ukuran pembolehubah bersandar dan pembolehubah bebas. Pembolehubah bersandar dalam kajian ini ialah ketidakpatuhan cukai di kalangan pengimport di Malaysia.

4.2.1 Pembolehubah Bersandar

Pembolehubah bersandar dalam kajian ini adalah ketidakpatuhan cukai di kalangan pengimport yang dikesan melalui auditan dalam tahun 2012. Ketidakpatuhan cukai ini merujuk kepada kurang bayar cukai, atau perbezaan cukai sebenar dengan

cukai dibayar (Andreoni et al., 1998). Bagi maksud kajian ini, ketidakpatuhan cukai merujuk kepada cukai yang kurang dibayar hasil dari perbezaan cukai yang dibayar dengan cukai sebenar kena dibayar ke atas barangan import. Cukai dibayar merujuk kepada amaun cukai ke atas barangan import yang dibayar oleh pengimport, sementara cukai sebenar adalah cukai yang sepatutnya dibayar oleh pengimport selaras dengan kehendak Peraturan-Peraturan Kastam (Kaedah Penilaian) 1999.

Untuk mengukur pembolehubah ini, sebanyak lima item telah dikemukakan dengan mengubahsuai item-item yang diguna oleh Zainol (2008). Terdapat lima soalan kesemuanya berkenyataan positif. Contoh soalnya adalah seperti “Syarikat saya mengikrar dan membayar cukai sebenar ke atas setiap pengimportan” dan “Syarikat saya tidak mengambil kesempatan untuk ikrar barangan import yang berkadar tinggi dengan kadar yang lebih rendah”.

Responden perlu memberi jawapan kepada setiap soalan yang dikemukakan. Memandangkan objektif kajian untuk mengenalpasti ketidakpatuhan cukai, maka setiap jawapan responden telah dikodkan semula. Dengan menggunakan skala likert lima mata, skor 5 menggambarkan tanda “sangat bersetuju” dan skor 1 “sangat tidak bersetuju”. Skor maksimum yang boleh dicapai sebanyak 25 mata yang memberi petunjuk bahawa pengimport mempunyai tahap ketidakpatuhan cukai yang amat tinggi, dan skor minimum 5 memberi gambaran responden mempunyai tahap ketidakpatuhan cukai yang amat amat rendah.

4.2.2 Pembolehkan Bebas

Pembolehkan bebas dalam kajian ini terdiri dari pengetahuan cukai, kerumitan, agen penghantaran, undang-undang, penguatkuasaan, dan rasuah.

4.2.2.1 Pengetahuan Cukai

Pengetahuan cukai dalam kajian ini merujuk kepada pengetahuan, maklumat atau kebolehan yang dimiliki oleh pengimport berkaitan dengan perundangan, peraturan dan lain-lain kehendak Akta Kastam, 1967 seperti penentuan nilai, kadar cukai, pengiraan cukai dan proses pelepasan barangan. Soal selidik bertujuan untuk mengukur tahap pengetahuan cukai yang dimiliki oleh responden. Untuk mengukur pembolehkan ini, empat item positif yang didiadaptasi daripada Zainol (2008) telah diubahsuai dengan persekitaran import dikemukakan. Antara item yang dikemukakan termasuklah mengenai kefahaman berkaitan pentadbiran cukai kastam secara umum, dan kemestian pengiklanan kuantiti dan nilai sebenar barangan import.

Responden perlu memberi jawapan kepada setiap soalan yang dikemukakan. Setiap jawapan responden telah dikodkan semula supaya selari dengan objektif kajian yang memberi fokus kepada ketidakpatuhan cukai. Dengan menggunakan skala likert lima mata, skor 5 menggambarkan tanda “sangat bersetuju” dan skor 1 “sangat tidak bersetuju”. Skor maksimum yang boleh dicapai sebanyak 20 mata yang memberi petunjuk bahawa pengimport mempunyai pengetahuan cukai yang amat rendah, dan skor minimum 4 memberi gambaran responden mempunyai pengetahuan cukai yang amat tinggi.

4.2.2.2 Kerumitan Sistem Cukai

Kerumitan dalam kajian ini merujuk kepada kerumitan di dalam sistem pentadbiran undang-undang dan peraturan percukaian yang melibatkan pelepasan barangan import dari kawalan JKDM. Kajian terdahulu telah merumuskan bahawa undang-undang percukaian di Malaysia amat rumit, mengelirukan, dan seringkali dipinda (Mohd-Hanefah, 1996). Pembolehubah ini mengukur sejauh mana kerumitan memberi impak ke atas ketidakpatuhan cukai. Mekanisme pengukuran merujuk kepada pandangan pakar-pakar pengimportan yang terdiri dari pegawai kastam, pengimport dan agen penghantaran yang telah lama terlibat dalam pengimportan. Kajian ini mengemukakan 4 item bagi mengukur sistem cukai yang merangkumi pemahaman terhadap peraturan pengimportan, maklumat proses pengimportan lengkap dan teratur, penyediaan carta aliran proses pengimportan, serta semakan dan rujukan dengan lain-lain agensi.

Dengan menggunakan skala likert lima mata, skor 5 menggambarkan tanda “sangat bersetuju” dan skor 1 sangat tidak bersetuju. Skor maksimum yang boleh dicapai sebanyak 20 mata yang memberi petunjuk bahawa pengimport mengesahkan sistem cukai yang ada sekarang amat merumitkan, sukar difahami serta sering memberi masalah kepada pengimport. Skor minimum 4 mata membawa maksud sistem cukai yang ada sekarang amat jelas dan mudah difahami.

4.2.2.3 Agen Penghantaran

Agensi penghantaran dalam kajian ini merujuk kepada dorongan dan pandangan negatif yang diberikan kepada pengimport berkaitan dengan pelepasan barangan import. Pembolehubah ini mengukur sejauh mana agensi penghantaran memberi impak kepada setiap keputusan yang dibuat oleh pengimport. Pengukuran dilakukan dengan mengadaptasikan instrumen yang digunakan oleh Zainol (2008). Sebanyak 4 item yang telah disesuaikan dengan persekitaran import dikemukakan untuk mengukur pembolehubah ini dengan menggunakan skala likert lima mata, di mana skor 5 "sangat bersetuju" dan skor 1 "sangat tidak setuju".

Di antara persoalan yang ditanya termasuklah nasihat dan maklumat berkaitan dengan pengiklanan kadar dan nilai sebenar barangan import. Jumlah skor maksimum yang boleh dicapai adalah 20 yang memberi gambaran bahawa agensi penghantaran telah memberi pengaruh negatif kepada pengimport dalam setiap keputusan pelepasan barangan import. Sementara skor minimum adalah 4 yang menunjukkan bahawa pengimport menerima pengaruh positif dari agensi penghantaran dalam setiap keputusan berkaitan dengan pelepasan barangan import.

4.2.2.4 Undang-Undang

Undang-undang di sini merujuk kepada keyakinan dan kebolehpercayaan pengimport terhadap undang-undang yang berkaitan dengan pengimportan barangan, terutamanya peruntukan kuasa dan hukuman ke atas pelaku kesalahan pengelakan cukai

sebagaimana yang ditetapkan dibawah Akta Kastam 1967. Pembolehkan ini diukur dengan menyesuaikan instrumen yang digunakan oleh Zainol (2008). Sebanyak 4 item positif dikemukakan dengan skala likert lima mata, di mana skor 5 “sangat bersetuju” dan skor 1 “sangat tidak setuju”.

Setiap jawapan telah dikod semula supaya selari dengan objektif kajian yang memberi fokus kepada ketidakpatuhan cukai. Jumlah skor minimum yang boleh dicapai adalah 4 yang memberi gambaran bahawa undang-undang sekarang amat jelas dan mencukupi, serta memperuntukan hukuman yang perlu dipikul jika terbukti melakukan ketidakpatuhan cukai. Sementara skor maksimum adalah 20 (4 item x 5 mata) menunjukkan bahawa undang-undang sekarang kurang segala-segalanya. Di antara persoalan yang ditanya kepada responden termasuklah berkaitan dengan kesalahan melakukan ketidakpatuhan cukai dan hukuman yang boleh dikenakan kepada pelaku pengelakan cukai.

4.2.2.5 Penguatkuasaan

Penguatkuasaan merujuk pada tahap pelaksanaan auditan, pendakwaan, dan tindakan yang diambil ke atas setiap pengimport yang melakukan ketidakpatuhan cukai. Pembolehkan ini diukur dengan menyesuaikan instrumen yang digunakan oleh Zainol (2008). Sebanyak 5 item positif dikemukakan dengan skala likert lima mata, di mana skor 5 “sangat bersetuju” dan skor 1 “sangat tidak setuju”. Setiap jawapan telah dikod semula supaya selari dengan objektif kajian yang memberi fokus kepada ketidakpatuhan cukai. Jumlah skor maksimum yang boleh dicapai adalah 25 yang

memberi gambaran bahawa pengimport tidak mempunyai keyakinan kepada JKDM dalam menjalankan kerja-kerja penguatkuasaan undang-undang. Sementara skor minimum adalah 5 (5 item x 1 mata) menunjukkan bahawa pengimport bimbang atau takut dengan penguatkuasaan serta hukuman yang mungkin ditanggung jika terbukti melakukan ketidakpatuhan cukai. Contoh soalan yang dikemukakan kepada responden adalah “Pegawai JKDM sangat tegas dalam menjalankan tugas pelepasan barangan import” dan “Pengimport yang dikesan melakukan ketidakpatuhan cukai akan dihadapkan ke mahkamah”.

4.2.2.6 Rasuah

Rasuah dalam kajian ini merujuk kepada pemberian wang ataupun apa-apa barangan atau perkhidmatan kepada pegawai JKDM oleh pengimport sebagai pertukaran untuk mengurangkan beban cukai. Pembolehubah ini mengukur sejauh mana tawaran dan pemberian rasuah atau habuan memberi impak ke atas pengiklanan import secara tidak benar seperti kuantiti dan kadar cukai barangan yang tidak betul, nilai barangan tidak mengikut kehendak yang ditetapkan, dan bayaran cukai di bawah amaun sebenar.

Memandangkan amat jarang ditemui kajian yang melibatkan rasuah percukaian, maka mekanisme pengukuran bergantung sepenuhnya kepada pandangan pakar-pakar berkaitan rasuah percukaian yang terdiri dari pegawai Suruhanjaya Pencegah Rasuah dan Kastam. Selian itu pandangan pengimport dan agen penghantaran yang terlibat secara langsung dengan pengimportan turut diambil perhatian.

Kajian ini mengemukakan dua item positif dan dua item negatif bagi mengukur impak rasuah kepada ketidakpatuhan cukai. Responden diberi 4 pilihan jawapan menggunakan skala likert lima mata sebagai mekanisme pengukuran, di mana skor 5 menggambarkan tanda “sangat bersetuju” dan skor 1 “sangat tidak bersetuju”. Skor maksimum yang boleh dicapai sebanyak 20 mata yang memberi petunjuk bahawa pengimport mengakui berlakunya amalan rasuah di antara pengimport dengan pegawai cukai dalam urusan pelepasan dan penguatkuasaan barangan import. Skor minimum pula hanya 4 mata yang memberi petunjuk bahawa tidak ada transaksi rasuah di antara pengimport dengan pegawai cukai dalam urusan pelepasan barangan import. Di antara soalan yang dikemukakan kepada pengimport adalah berkaitan dengan ketelusan dan kejujuran pegawai dalam menjalankan tugas pelepasan barangan import dan penguatkuasaan.

4.3 Reka Bentuk Kajian

Populasi kajian, pengumpulan data dan kaedah yang diaplikasi dalam kajian dibincang dalam bahagian ini. Menyedari kajian ini melibatkan populasi yang besar dan pelbagai tahap analisis dilakukan, adalah lebih sesuai kaedah kuantitatif berbentuk tinjauan telah diaplikasikan.

4.3.1 Populasi

Kajian ini tertumpu pada pengimport yang terbukti telah melakukan ketidakpatuhan cukai diseluruh Malaysia yang dikesan melalui pengauditan yang dilakukan dalam

tahun 2012 oleh Bahagian Pengurusan Pematuhan, JKDM seluruh Malaysia. Berpandukan laporan, 342 daripada 746 pengimport yang diaudit dalam tahun 2012 telah melakukan ketidakpatuhan cukai yang melibatkan pelbagai kesalahan seperti gagal mengistiharkan nilai import dan kadar cukai sebenar.

4.3.2 Pengumpulan Data

Hasil penemuan pengauditan oleh JKDM adalah sumber bagi mengenalpasti pengimport yang tidak mematuhi perundangan cukai. Walau bagaimanapun, data dan maklumat ini merupakan maklumat yang tidak didedahkan kepada orang awam. Oleh itu, maklumat ini diperolehi dari JKDM. Menurut Shackelford dan Shevlin (2001) yang menyatakan data dan maklumat sulit boleh diperolehi melalui pekerjaan, rujukan ataupun perbincangan dan pengaturan secara khusus dengan pihak berkuasa berkaitan.

Responden yang dipilih untuk kajian ini telah dikenalpasti alamat dan lokasinya. Berdasarkan alamat dan lokasi di dapati sebahagian responden berada di pusat bandar, dan ada antaranya berada dalam kawasan berhampiran antara satu sama lain. Oleh itu, adalah lebih mudah soal selidik diserahkan secara sendiri kepada responden dengan bantuan pegawai JKDM di seluruh negeri. Selain dari itu, serahan secara sendiri dilakukan untuk memastikan responden memberi kerjasama dengan harapan mendapat maklum balas secara langsung dari responden.

Bagi memudah dan memastikan semua persoalan dijawab dengan cepat dan relahati, responden diberi penerangan secara terperinci mengenai soalan kaji selidik yang dikemukakan (Cooper & Schindler, 2008). Responden yang tidak memberi kerjasama dianggap tidak berminat dengan kajian ini. Melalui pendekatan ini, lebih dari tiga perempat jawapan soal selidik telah dikembalikan dalam masa kurang dari tiga hari selepas soal selidik diserahkan. Sementara selebihnya dikembalikan dalam tempoh tiga hingga lima hari selepas soal selidik diserahkan. Bukan itu sahaja, selain dari melengkapkan soal jawab, kajian ini juga mendapati ada di kalangan responden memberi ulasan dan pandangan yang lebih jelas dan amat berguna kepada kajian ini.

4.3.3 Instrumen Kajian

Pembentukan item-item soal selidik kajian adalah berdasarkan kepada rujukan dengan pakar, buku rujukan, kajian-kajian dan pengalaman auditan. Instrumen soal selidik telah disemak dan disusuli kajian rintis untuk menghasilkan instrumen kajian bagi tujuan mengumpulkan data. Terdapat enam bahagian dalam instrumen soal selidik mengenai pandangan dan gambaran responden tentang enam pembolehubah bebas. Kesemua bahagian ini disertakan dengan empat hingga lima soalan untuk meninjau pandangan pengimport tentang punca-punca yang mendorong kepada berlakunya ketidakpatuhan cukai berdasarkan pengalaman sebenar yang dilalui oleh mereka.

4.3.4 Saiz Sampel

Berdasarkan rekod pengauditan tahun 2012 oleh Bahagian Pengurusan Pematuhan JKDM menunjukkan 342 pengimport telah melakukan ketidakpatuhan cukai. Tetapi mengambil kira kos serta masa untuk menjalankan kajian, hanya 185 responden sahaja dipilih untuk kajian ini. Jumlah responden ditetapkan ini melebihi saiz yang dicadangkan oleh Krejcie dan Morgan (1970), dan Cohen, Manion dan Morrison (2007) sebanyak 181 jika populasi berada di antara 341 sehingga 360 (pada aras kebolehpercayaan 95% dan ralat pensampelan 5%).

4.3.5 Teknik Pensampelan

Memandangkan populasi telah di kenalpasti, kajian ini menggunakan teknik pensampelan rawak mudah untuk memilih responden mengikut negeri. Pemilihan ini dimulai dengan menyenaraikan populasi mengikut negeri. Pemilihan responden bagi setiap negeri dibuat dengan menggunakan teknik pensampelan rawak mudah dengan bantuan perisian komputer. Pemilihan melalui pendekatan ini bertujuan bagi membolehkan semua sampel di setiap negeri, mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai responden (Chua, 2006b; Sekaran, 2003).

4.4 Analisis Kebolehpercayaan

Kebolehpercayaan adalah ketekalan sesuatu alat ukuran (Babbie, 1998; Chua, 2006b). Ianya bertujuan menentukan sejauh mana semua item bagi satu-satu konstruk berkait rapat antara satu sama lain (Churchill, 1979), dan menentukan

kestabilan dan konsistensi skor dari sesuatu instrumen yang sama ditadbir beberapa kali pada masa yang berlainan (Baker, 1999). Menurut Sekaran (2003) kestabilan merujuk kepada keupayaan untuk menghasilkan keputusan yang konsisten dalam setiap masa, apa bentuk ujian apa sekali pun termasuk ujian tanpa kawalan atau pun tahap keadaan responden. Sementara konsistensi pula merujuk kepada keseragaman item instrumen. Selain dari itu, analisis ini juga bertujuan bagi memastikan pembolehubah bebas dari kesilapan atau bias (Sekaran & Bougie, 2010).

Untuk kajian ini, ujian konsistensi dalaman akan dilakukan untuk mencari nilai kolerasi antara skor setiap item dalam ujian dengan jumlah skor bagi semua item dalam ujian (Chua, 2006b), dan darjah korelasi antara satu item dengan item yang lain yang mengukur konsep yang sama (Sekaran, 2003). Kaedah ujian ini yang memerlukan hanya satu pentadbiran pengukuran bagi satu instrumen menjadi pilihan berbanding dengan ujian kebolehpercayaan berbentuk sejajar (*parallel forms*) dan ujian kebolehpercayaan pemisahan separa (*split-half*). Kedua-dua ujian ini mempunyai terlalu banyak kelemahan dan tidak sesuai terutamanya dalam kajian lapangan (*field study*) (Churchill, 1979).

Item-item yang menghasilkan nilai kolerasi yang tinggi dengan item yang lain memberi gambaran item berkenaan mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi dan terdapat kesilapan yang minimum dalam pengukuran sesuatu ujian. Item-item yang menghasilkan nilai kolerasi yang rendah dengan item yang lain membawa maksud mempunyai tahap kebolehpercayaan yang rendah (Chua, 2006b), dan

memberi petunjuk terdapat kesilapan yang besar dalam pengukuran. Oleh itu, semakin tinggi tahap kebolehpercayaan, semakin tinggi tahap keyakinan terhadap instrumen yang akan diuji. Oleh itu, mana-mana item yang mempunyai kolerasi dengan item lain yang rendah akan disingkirkan kerana ianya tidak sesuai untuk sesuatu kajian (Chua, 2006b; Churchill, 1979).

Ujian kebolehpercayaan dijalankan bagi mengesahkan kestabilan alat kajian yang digunakan bagi menghasilkan dapatan yang tepat (Sekaran, 2003). Menurut Hair (2003), ujian yang menghasilkan nilai *cronbach alpha* kurang daripada 0.60 dianggap mempunyai hubungan yang lemah, nilai *cronbach alpha* di antara 0.60 hingga 0.70 dianggap sederhana, nilai *cronbach alpha* di antara 0.70 hingga 0.80 dianggap baik, nilai *cronbach alpha* di antara 0.80 hingga 0.90 dianggap sangat baik, dan 0.90 serta ke atas dianggap terbaik.

Walaupun Cooper dan Schindler (2008) menyatakan nilai ketekalan dalaman bagi setiap dimensi perlu berada antara 0.70 sehingga 0.90, tetapi Chua (2006b) menyarankan nilai *cronbach alpha* di antara 0.65 hingga 0.95 juga boleh diterima. Namun begitu, bagi kajian penerokaan (*exploratory*) nilai 0.60 dan ke atas boleh diterima (Hair *et. al*, 2006).

4.5 Analisis Kesahan

Kesahan (*validity*) merujuk kepada sesuatu ukuran yang dilakukan hendaklah mencukupi dan dapat memberi makna sebenar pada konsep yang

dipertimbangkan (Babbie, 1998), atau sejauh mana sesuatu pembolehubah yang berkaitan telah sebenar-benarnya diukur atau mengukur apa yang sepatutnya diukur (Ary, Jacobs, Razavieh & Sorensen, 2002). Dalam kata lain, ianya digunakan bagi memastikan setiap ukuran atau petunjuk mengandungi semua ciri yang sepatutnya ada dalam konsep yang diukur itu.

Sesuatu instrumen yang boleh dipercayai tetapi tidak sah memang tidak berguna kepada pengkaji kerana kajian tersebut hanya mengukur kebolehpercayaan instrumen dan bukan mengukur apa yang sepatutnya diukur (Sekaran, 2003). Ini menunjukkan, kebolehpercayaan dan kesahan pada instrumen kajian adalah sangat penting dan saling lengkap-melengkapi untuk menghasilkan data-data yang diperlukan bagi menjawab soalan-soalan kajian. Sehubungan dengan itu, semua pembolehubah yang berbentuk konstruk akan melalui ujian kesahan.

Kajian akan memastikan ukuran konsep-konsep di peringkat operasional adalah tepat sebagaimana yang dikehendaki, dan ukuran setiap pembolehubah adalah bebas antara satu sama lain (Chua, 2006b). Untuk kajian ini yang bercorak sains sosial, kesahan konstruk (*construct validity*) dan kesahan kandungan (*content validity*) akan digunakan (Babbie, 1998; Cooper & Schindler, 2008). Perkara yang sama turut dilakukan oleh Davidshofer dan Murphy (1998) yang meletakkan kedua-dua kesahan begitu penting dan perlu dilakukan terhadap instrumen ukuran dalam kajian jenis ini.

Kesahan konstruk adalah tahap sesuatu pengukur menilai konstruk yang patut dinilai (Sekaran, 2003), dan sejauh mana hipotesis yang dibuat adalah berdasarkan teori-teori yang diguna pakai (Chua, 2006b) yang melibatkan ujian terhadap cadangan teori atau hipotesis (Schmitt, Klimoski, Ferris & Rowland, 1991). Proses pengesahan konstruk bermula dengan menterjemahkan konstruk, membangunkan pengukur serta penilaian tahap kebolehpercayaan, dan mengkaji hubungan di antara pembolehubah dengan pembolehubah yang lain. Kesahan kandungan pula merujuk kepada sejauh mana ukuran dapat mewakili aspek kandungan yang diukur (Chua, 2006b), dan sesuatu instrumen yang digunakan mengandungi aspek yang cukup serta item-item yang digunakan dapat mewakili konsep tersebut (Sekaran, 2003). Kesahan ini memerlukan pertimbangan budi bicara dan penelitian rapi memandangkan ia tidak dapat ditentukan dengan analisis berangka (Cooper & Schindler, 2008).

Bagi memastikan kesahan kandungan dorongan yang mempengaruhi ketidakpatuhan cukai di kalangan pengimport, instrumen-instrumen akan dibangunkan berasaskan penelitian ulasan karya, para akademik, pengamal dalam bidang yang dikaji dan kajian rintis. Selain dari itu, kesahan muka (*face validity*) instrumen kajian dilakukan dengan mengemukakan borang kajian soal selidik kepada ahli akademik dan pengamal industri seperti pengimport dan agen penghantaran, serta pegawai JKDM untuk mendapat pandangan. Setiap pandangan yang diterima telah dipertimbangkan dengan tujuan penambahbaikan instrumen dan item-item bertujuan mengukur pemboleh ubah yang digunakan.

4.6 Analisis Regresi Berganda

Analisis regresi berganda digunakan untuk mengenal pasti hubungan antara satu pembolehubah bersandar dengan satu set pembolehubah bebas, dan melihat ciri-ciri kaitan kedua-duanya dari segi tahap, arah dan kekuatan hubung kait. Menurut Kerlinger dan Lee (2000), teknik regresi berganda merupakan satu pendekatan yang berkuasa, praktikal, dan realistik, terutamanya yang melibatkan kajian dalam bidang sains gelagat. Melalui analisis, dapat diramal sejauhmana pembolehubah bersandar dipengaruhi oleh kesemua pembolehubah bebas. Terdapat tiga kaedah dalam melakukan analisis regresi berganda (Chua, 2006b; Hair et al., 2006), antaranya regresi piawai (*standard regression*), regresi hirarkikal (*hierarchical regression*) dan prosedur regresi langkah demi langkah (*stepwise regression*). Dalam menentukan dan pemilihan kaedah analisis regresi bergantung pada objektif sesuatu kajian.

Objektif kajian adalah untuk mengenalpati faktor yang mempengaruhi ketidakpatuhan cukai, dan yang kedua untuk mengetahui sejauhmana faktor di atas mempengaruhi ketidakpatuhan cukai melalui pembolehubah perantara. Kajian ini mengaplikasikan kaedah regresi berganda piawai (*standard regression*) untuk menyelesaikan objektif pertama. Pemilihan kaedah ini berasaskan semua pembolehubah berkepentingan sama rata. Melalui kaedah ini, semua pembolehubah dimasukkan serentak untuk melihat hubungan antara pembolehubah bersandar dengan pembolehubah bebas terutamanya berkaitan dengan tahap, arah dan

kekuatan hubungan. Dapatan ujian juga dapat menerangkan tahap varian dan sumbangan pada pembolehubah bersandar oleh pembolehubah bebas.

Untuk objektif kedua, regresi berganda hirarkhikal (*multiple hierarchical regression*) diaplikasikan. Melalui kaedah ini, kesemua pembolehubah bebas dimasukkan secara serentak dan disusuli dengan memasukkan pembolehubah perantara dalam analisis. Hasil dari ujian dapat mengenalpasti kekuatan hubungan pembolehubah bebas dengan pembolehubah bersandar sebelum dan selepas pembolehubah perantara dimasukkan.

Pekali penentuan (R^2) digunakan untuk mengetahui varians dalam pembolehubah bersandar yang disumbangkan oleh pembolehubah bebas. Menurut Kerlinger dan Lee (2000), R^2 adalah anggaran sejumlah varians pembolehubah bersandar yang diterangkan oleh gabungan pembolehubah bebas. Untuk kajian ini yang mempunyai lebih dari dua pembolehubah bebas, nilai R^2 terlaras digunakan. Semakin besar nilai R^2 menggambarkan semakin besar pengaruh pembolehubah bebas terhadap pembolehubah bersandar. Sementara R pula menerangkan kolerasi antara pembolehubah bebas dengan pembolehubah bersandar.

Setiap penggunaan teknik statistik untuk menerima atau menolak hipotesis akan berhadapan dengan risiko adanya kesalahan pengambilan keputusan. Oleh itu, dalam membuat penelitian bersifat inferensial yang melibatkan analisis kuantitatif, satu ramalan atau aras signifikan mengenai jawapan perlu ditentukan. Menurut Sekaran (2003), aras signifikan $p < 0.05$ yang memberikan 95% darjah keyakinan untuk

menolak hipotesis nol dalam julat ralatnya 5% diterima pakai dalam kajian-kajian pendidikan dan sains sosial untuk membuat keputusan statistik.

Tetapi, Wagenmakers (2007) pula melaporkan ramai penyelidik telah memberi peraturan yang jelas dan nyata berkaitan dengan tafsiran bukti dan nilai aras signifikan atau nilai p . Menurutnya, Burdette dan Gehan (1970) serta Wasserman (2004) telah menentukan aras bukti nilai p seperti berikut. Nilai $p > 0.10$ ditafsirkan sebagai tidak ada bukti nyata, nilai $0.05 < p < 0.10$ diklasifikasikan sebagai mempunyai bukti, nilai $0.01 < p < 0.05$ dianggap mempunyai bukti yang sederhana, dan $p < 0.01$ menunjukkan bukti yang kuat. Sehubungan dengan pandangan Wagenmakers (2007), maka kajian ini telah mempertimbangkan aras signifikan atau nilai $p < 0.10$ dijadikan asas penerimaan atau menolak hipotesis. Selain dari itu, penetapan ini dibuat setelah mengambilkira kajian yang melibatkan ketidakpatuhan cukai di kalangan pengimport jarang ditemui.

4.7 Kajian Rintis

Kajian rintis telah dijalankan terhadap instrumen soal selidik bertujuan untuk memastikan soal selidik difahami, mengukur jumlah masa responden menjawab soal selidik, serta menentukan kebolehpercayaan dan kesahihan instrumen kajian. Melalui kajian rintis, peralatan dan prosedur ujian termasuk ukuran yang dipilih dan aspek-aspek penyelidikan lain dapat diuji dan diketahui keberkesanannya (Isaac & Michael, 1984). Di samping, itu kajian rintis juga turut melicinkan pentadbiran soal-selidik

serta mengubahsuaikan instrumen kajian, terutamanya berkaitan item dan istilah yang mempunyai keaburan maknanya dan sukar difahami.

Kajian rintis yang dijalankan tidak melibatkan sampel kajian sebenar. Ujian "*Cronbach's coefficient alpha*" digunakan untuk menganalisis data kajian rintis bagi menganggarkan kebolehpercayaan bagi setiap komponen soalan dalam soal selidik. Soalan-soalan yang tidak berkaitan, sukar difahami dan salah diterjemahkan oleh responden akan membawa kesan kepada kebolehpercayaan yang rendah. Dengan itu, pindaan dan pengubahsuaian akan dibuat terhadap item-item yang didapati kabur atau kurang difahami responden bertujuan mengelakkan wujudnya ketidakpastian kepada responden semasa menjawab soalan dalam kajian yang sebenar.

Kajian rintis telah dilakukan secara bersemuka dengan 30 responden yang terdiri dari pemilik perniagaan, pengurusan tertinggi dan eksekutif syarikat. Bilangan responden dalam kajian rintis ini adalah seiring dengan Chua (2006b), dan Cooper dan Schindler (2008) yang masing-masing mencadangkan sampel sebanyak 20 hingga 40 responden, dan antara 25 hingga 100 responden. Hasil daripada kajian rintis ini mendapati sebahagian besar dari responden memahami intipati persoalan soal selidik yang dikemukakan kepada mereka.

Namun begitu, ada segelintir dari mereka telah mencadangkan supaya perkataan rasuah digantikan dengan perkataan habuan. Menurut mereka lagi, walaupun perkataan rasuah dan habuan mempunyai makna yang sama, namun perkataan rasuah terlalu kasar bunyinya dan sukar diterima oleh sebahagian pengurusan

perniagaan. Tetapi setelah mengambil kira pandangan majoriti pengimport, mereka berpendapat perkataan rasuah dan perlu dikekalkan bagi menggambarkan bahawa rasuah sememangnya berlaku dalam aktiviti pengimport barangan.

4.8 Keputusan Kajian Rintis

Tujuh pembolehubah berbentuk konstruk telah diuji tahap kebolehpercayaan dan analisis faktor dengan menggunakan perisian SPSS versi 21. Hasil dari analisis yang dijalankan mendapati nilai *Cronbach alpha* berada antara 0.71 hingga 0.88 (rujuk Jadual: 4.1). Pembolehubah undang-undang mencapai tahap kebolehpercayaan yang paling rendah iaitu 0.71, dan pembolehubah ketidakpatuhan mencapai tahap kebolehpercayaan yang paling tinggi dengan nilai *Cronbach alpha* 0.88.

Jadual 4.1:

Hasil Ujian Kebolehpercayaan (N=30)

Konstruk	Bilangan Item	Cronbach Alpha
Pengetahuan	4	0.85
Kerumitan	4	0.84
Agen	4	0.82
Undang-undang	4	0.71
Kuasa	5	0.85
Rasuah	4	0.86
Ketidakpatuhan	5	0.88

Hasil ujian ini mengesahkan semua pembolehubah melepasi tahap minimum kebolehppercayaan dan boleh diterima seiring dengan pandangan Hair, et al. (2006), Muhamad Jantan dan Ramayah (2007), dan Palant (2011) yang menyatakan nilai sekecil 0.60 atau lebih adalah diterima bagi kajian penerokaan (*exploratory*).

Bagi memastikan ukuran yang dilakukan mencukupi dan pembolehubah yang berkaitan telah sebenar-benarnya diukur, ujian kesahan turut dilakukan. Antara panduan statistik yang dinilai dan digunakan bagi mendapatkan suatu bentuk konstruk yang sesuai adalah ujian *Kaiser-Meyer-Olkin (KMO)*, Ujian kesferaan Bartlett (*Bartlett's Test of Sphericity*), peratusan varians yang dijelaskan dan faktor muatan (*loading factor*). *Kaiser Meyer Olkin (KMO)* adalah indek perbandingan jarak antara koefisien korelasi dengan koefisien korelasi parsialnya.

Jadual 4.2:

Hasil analisis faktor (N=30)

Konstruk	Bil Item	KMO	Varians Diterang
Pengetahuan	4	0.79	70.39
Kerumitan	4	0.75	68.42
Agen	4	0.69	65.63
Undang-undang	4	0.62	54.23
Penguatkuasaan	5	0.75	70.59
Rasuah	4	0.68	70.58
Ketidapatuhan	5	0.76	67.62

Nota: KMO = *Kaiser Meyer-Olkin*

Ujian analisis faktor mendapati semua pembolehubah berdimensi tunggal, melepasi ujian matriks identiti pada kedudukan *Bartlett's Test of Sphericity* adalah signifikan, dan nilai *Kaiser Meyer-Olkin* (KMO) bagi setiap konstruk berjulat antara 0.62 hingga 0.79 (rujuk Jadual: 4.2). Dapatan ini menunjukkan bahawa setiap konstruk yang melalui analisis faktor adalah bersesuaian seiring dengan pandangan Coakes (2005), dan Muhamad Jantan dan Ramayah (2007) yang berpendapat bagi kajian peringkat penerokaan (*exploratory*) nilai *Kaiser Meyer-Olkin* (KMO) yang berkedudukan 0.50 dan lebih tinggi boleh diterima pakai.

4.9 Rumusan

Kerangka model dibangunkan berasaskan pada model sendiri kewangan dengan mengambilkira pembolehubah diperkenalkan melalui model peluasan beserta satu pembolehubah baru, iaitu perbuatan rasuah. Berasaskan teori dan ulasan karya terdahulu sebelas hipotesis telah dibangunkan. Dapatan kajian rintis menunjukkan semua konstruk dan pembolehubah yang dicadangkan melepasi ujian kebolehpercayaan dan kesahan, serta boleh diterima untuk ujian selanjutnya.

Untuk mengetahui tahap hubungan pembolehubah dengan ketidakpatuhan cukai di kalangan pengimport di Malaysia sama ada secara langsung atau melalui perantara rasuah, tatabara analisis regresi berganda turut disentuh. Disamping itu, tatabara awal penyelidikan, pembentukan dan pengukuran setiap instrumen pembolehubah, reka bentuk kajian, lokasi serta sampel kajian, dan instrumen kajian telah disentuh dengan panjang lebar.

BAB 5

PENEMUAN KAJIAN

5.0 Pengenalan

Secara khususnya bab ini memberi perhatian kepada proses analisis data dan pelaporan penemuan kajian. Bahagian pertama membincangkan tindakan berkaitan analisis awal yang telah dilakukan bertujuan mengesan sebarang kesilapan semasa memindahkan data soal selidik ke dalam sistem SPSS. Disusuli dengan statistik deskriptif mengenai jenis / kategori syarikat pengimport, jawatan responden dan mod pengangkutan barangan import.

Bahagian kedua menyentuh tentang proses penyaringan data dan hasil ujian andaian multivariate, analisis kebolehpercayaan dan kesahan setiap konstruk serta tafsiran keputusan analisis faktor terhadap semua pembolehubah. Akhir sekali membincangkan tentang analisis regresi berganda bagi melihat hubungan pembolehubah-pembolehubah bebas dengan pembolehubah bersandar, dan hubungan pembolehubah bebas dengan pembolehubah bersandar melalui pembolehubah perantara, seperti yang dinyatakan dalam hipotesis kajian.

5.1 Profil Sampel

Sebanyak 185 soal selidik telah diedarkan kepada pegawai dan individu yang dipertanggungjawabkan oleh pengimport bagi membuat keputusan tentang hal ehwal yang berkaitan dengan pengimportan dan pembayaran cukai ke atas barangan import

di syarikat terpilih. Untuk kajian ini, pengimport dari negeri Sarawak tidak disenaraikan untuk pemilihan sebagai responden memandangkan lokasi mereka bertaburan di seluruh negeri dan ianya memerlukan kos yang tinggi untuk serahan soal selidik. Daripada 185 soal selidik yang diedarkan, 156 atau 84 peratus telah dikembalikan, sementara selebihnya dianggap tidak berminat dengan kajian ini. Bilangan soal selidik yang diedar dan yang dikembalikan mengikut negeri adalah seperti di Jadual 5.1

Jadial 5.1:

Bilangan Responden yang Mengembalikan Soal Selidik Mengikut Negeri

Bil	Negeri	Bilangan Soal Selidik Diedar	Bilangan Soal Selidik Dikembalikan
1	Kuala Lumpur	40	36
2	Selangor	30	27
3	Johor	30	25
4	Pulau Pinang	25	22
5	Perak	15	12
6	Melaka	2	1
7	Negeri Sembilan	2	1
8	Terengganu	2	0
9	Kelantan	8	7
10	Sabah	28	25
12	Kedah	1	0
13	Perlis	1	0
14	Pahang	1	0
JUMLAH		185	156

Walaupun 156 soal selidik telah dikembalikan, hanya 151 soal selidik yang lengkap dan sempurna. Biarpun hanya 151 soal selidik yang layak untuk analisis selanjutnya, tetapi saiz sampel yang diperoleh ini mengatasi had yang dicadangkan bagi tujuan analisis. Untuk membolehkan analisis faktor dan regresi dilaksanakan dengan baik, bilangan responden haruslah melebihi 20 kali dari bilangan pembolehubah bebas yang diuji (Hair et al., 2006). Sementara Roscoe (1975 dalam nukilan Sekaran, 2003) pula mencadangkan bilangan responden perlu melebihi 10 kali atau lebih daripada bilangan pembolehubah bebas yang terlibat bagi analisis regresi yang baik. Memandangkan hanya enam pembolehubah bebas terlibat dalam analisis, saiz sampel 151 adalah sesuai untuk dibuat analisis.

Memandangkan kajian ini berkaitan dengan ketidakpatuhan cukai, dan sebahagian besar soalan soal selidik beritemkan positif (kepatuhan cukai), maka usaha telah dilakukan untuk memastikan skor bagi item positif dikod semula supaya selari dengan item-item negatif lain dalam soal selidik. Pengkod semula dilakukan dengan item yang bertanda 5, 4, 2, dan 1 dikod semula kepada 1, 2, 4, dan 5. Selesai pengkod semula semakan lanjut telah dilakukan kepada semua data dan didapati tidak berlaku sebarang kesilapan semasa kemasukan data.

Data yang dicerap (seperti di jadual 5.2) menunjukkan 50 peratus responden berjawatan pengurus, diikuti yang berjawatan eksekutif sebanyak 41 peratus. Sementara selebihnya berjawatan lain-lain dan pengarah masing-masing 5 peratus dan 3 peratus.

Jadual 5.2:

Statistik Deskriptif bagi Taburan Kekerapan Responden (N=151)

Demografi	Kekerapan	Peratus
Jawatan		
Pengarah	5	3.31
Pengurus	76	50.33
Eksekutif	62	41.06
Lain-lain	8	5.30
Jumlah	151	100.00
Jenis Perniagaan		
Syarikat Sdn. Bhd.	131	86.75
Perkongsian	4	2.65
Milikan Tunggal	16	10.60
Jumlah	151	100.00
Mod Pengangkutan		
Pelabuhan	109	72.19
Lapangan Terbang	22	14.57
Jalan Darat	20	13.24
Jumlah	151	100.00

Bagi kategori perniagaan pula, hampir 87 peratus adalah syarikat sendirian berhad, sementara selebihnya milikan tunggal 10 peratus dan perkongsian hampir 3 peratus. Selain dari itu, lebih dari 72 peratus barangan diimport melalui pelabuhan, dan

selebihnya melalui lapangan terbang dan jalan darat masing-masing 14 peratus dan jalan darat 13 peratus.

5.2 Ujian Maklum Balas Bias

Dalam kajian yang melibatkan penyertaan secara sukarela responden, jawapan yang diberi mungkin mempunyai perbezaan yang signifikan (Matteson, Ivancevich, & Smith, 1984). Walaupun setiap responden diandaikan mempunyai ciri-ciri yang sama, ujian maklum balas bias (*non-bias response*) dilakukan (Lindner, Murphy, & Briers, 200). Ujian dilakukan bertujuan bagi mengesahkan sama ada wujud perbezaan yang signifikan antara dua kumpulan responden yang paling akhir dan paling akhir awal memberikan maklum balas kepada setiap soal selidik.

Proses ujian dilakukan dengan membahagikan sampel kepada dua kumpulan, terdiri dari responden yang menghantar soal selidik lebih awal dan responden yang lewat mengembalikan soal selidik (Lindner et al., 2001). Kumpulan pertama yang ditanda dengan kod 1 terdiri dari 30 responden awal yang mengemukakan jawapan soal selidik dalam tempoh masa 3 hari pertama dari tarikh soal selidik diserahkan kepada mereka. Kumpulan kedua yang ditanda dengan kod 2 pula merupakan 30 responden paling lewat mengemukakan jawapan soal selidik.

Ujian maklum balas bias telah dijalankan dengan menggunakan ujian *t*. Menurut Lahaut, Jansen, Van de Mheen, dan Garretsen (2002) data yang diuji mempunyai bias maklum balas jika tahap signifikan pada $p < 0.05$. Hasil analisis mendapati nilai

t adalah tidak signifikan ($p > 0.50$), dan ini menunjukkan data kedua-dua kumpulan bebas dari masalah maklum balas bias (Rujuk Jadual 5.3).

Jadual 5.3:

Keputusan Ujian Maklum Balas Bias bagi Responden yang Awal dan Lewat Mengembalikan Soal Selidik

Kumpulan	Jumlah Responden	Nilai t	Signifikan
1	30	-0.534	0.595
2	30	-0.534	0.595

5.3 Analisis Kebolehpercayaan

Pembolehubah-pembolehubah dalam kajian ini kesemuanya berbentuk konstruk dan telah menjalani ujian kebolehpercayaan. Untuk kajian ini kaedah konsistensi dalaman (*internal consistency*) telah digunakan, dan penggunaan kaedah ini selaras dengan pandangan Churchill (1979) yang menyatakan kaedah ini amat mudah dan menjadi pilihan ramai pengkaji. Hasil ujian yang dilaksanakan menunjukkan nilai *Cronbach alpha* bagi setiap konstruk berada di antara 0.77 hingga 0.92 (seperti di Jadual 5.3). Pembolehubah kerumitan melepasi tahap kebolehpercayaan yang paling tinggi dengan nilai *Cronbach alpha* 0.92. Sementara pembolehubah undang-undang mencapai nilai *Cronbach alpha* yang terendah, iaitu 0.72. Menurut Sekaran (2003) tahap kebolehpercayaan pada kedudukan nilai *Cronbach alpha* yang kurang daripada 0.60 adalah lemah, nilai 0.60 hingga 0.79 adalah boleh diterima, dan nilai 0.80 ke atas adalah baik.

Jadual 5.4:

Ringkasan Keputusan Ujian Kebolehpercayaan (N=151)

Konstruk	Bilangan Item	Cronbach Alpha
Pengetahuan	4	0.84
Kerumitan	4	0.92
Agen	4	0.77
Undang-undang	4	0.72
Penguatkuasaan	5	0.83
Rasuah	4	0.88
Ketidakpatuhan	5	0.87

Hasil dari ujian mendapati semua item mempunyai kebolehpercayaan yang boleh diterima, dan mempunyai konsistensi dalaman yang kukuh apabila berada pada nilai *Cronbach alpha* melebihi tahap minimum 0.60 (Sekaran dan Bougie (2010)). Hasil ujian juga memberi gambaran soalan soal selidik dalam setiap pembolehubah yang diedarkan telah difahami dengan mudah tanpa memerlukan responden merujuk kepada lain-lain maklumat berkaitan dan sesuai dengan tahap kumpulan responden. Hasil analisis kebolehpercayaan secara lengkap bagi setiap pembolehubah adalah seperti di Lampiran (A1 – A7).

5.4 Analisis Kesahan

Analisis kesahan yang dijalankan mengesahkan kesesuaian item dalam konstruk, dan semua pembolehubah adalah berdimensi tunggal dengan nilai KMO berjulat antara 0.73 hingga 0.86. Pembolehubah kerumitan berada pada nilai KMO tertinggi (0.86), sementara konstruk undang-undang mempunyai nilai KMO terendah (0.73). Menurut Kaiser-Meyer-Olkin (1970) nilai ukuran yang melebihi 0.80 adalah yang terbaik dan nilai ukuran di bawah 0.50 tidak boleh diterima.

Jadual 5.5:

Ringkasan Keputusan Analisis Faktor (N=151)

Konstruk	Bilangan Item	Bilangan Faktor	KMO	Varians Diterang
Pengetahuan	4	1	0.75	68.19
Kerumitan	4	1	0.86	81.20
Agen	4	1	0.75	59.97
Undang-undang	4	1	0.73	55.58
Penguatkuasaan	5	1	0.79	59.56
Rasuah	4	1	0.83	73.30
Ketidakpatuhan	5	1	0.79	67.09

Nota: KMO = Kaiser-Meyer-Olkin

Ujian juga mendapati kedudukan *Bartlett's Test of Sphericity* adalah signifikan (Signifikan = 0.000) dan nilai ukuran kecekapan sampel (*measure of sampling adequacy*) melebihi 0.50. Beban faktor setiap item turut melepasi tahap minima 0.35 sebagaimana yang disarankan oleh Hair et al. (2006). Ujian ini juga menunjukkan bahawa semua konstruk melepasi ujian matriks identiti, dan setiap pembolehubah adalah bersesuaian dan mempunyai ciri-ciri kesahan konstruk (Hair et al., 2006). Keputusan ujian analisis faktor bagi setiap pembolehubah adalah seperti di Jadual 5.4 dan Lampiran B1 – B7.

5.4.1 Hasil Ujian Matriks Faktor Pengetahuan Cukai

Analisis menunjukkan pembolehubah ini berdimensi tunggal dengan nilai *eigenvalue* 2.73 yang diterangkan oleh 68.19 peratus varians, dan KMO berada pada 0.75 dengan ujian *Bartlett* adalah signifikan ($p = 0.000$). Beban faktor item yang tersenarai berjulat antara 0.75 hingga 0.87. Beban faktor tertinggi diwakili item yang berkaitan dengan penentuan kadar cukai dan tatacara penilaian mudah dirujuk, sementara item yang berkaitan dengan pengetahuan tentang keperluan mengemukakan dokumen sokongan dalam setiap pelepasan barangan import merekodkan beban faktor yang paling rendah.

5.4.2 Hasil Ujian Matriks Faktor Kerumitan

Pembolehubah ini adalah berdimensi tunggal, dengan nilai *eigenvalue* 3.25 dan sebanyak 81.19 peratus varians dapat menerangkan pemboleh ubah ini. Nilai KMO pula berada pada 0.86 dan ujian *Bartlett* adalah signifikan ($p = 0.000$). Ini

menunjukkan analisis faktor sesuai dijalankan bagi pembolehubah ini. Beban faktor item yang tersenarai berjulat antara 0.88 hingga 0.92, dengan item maklumat terkini proses pengimportan adalah lengkap merekodkan beban faktor paling tinggi dan item semakan serta rujukan dengan agensi lain merekodkan beban faktor yang paling rendah. Sehubungan itu, keempat-empat item yang dalam pembolehubah ini dikekalkan bagi analisis seterusnya.

5.4.3 Hasil Ujian Matriks Faktor Agen Penghantaran

Analisis faktor menunjukkan pembolehubah ini merupakan pembolehubah berdimensi tunggal. Nilai *eigenvalue* yang dicatatkan sebanyak 2.40 dan sebanyak 59.97 peratus varians dapat menerangkan kedudukan pembolehubah ini. Nilai KMO adalah 0.75 dan ujian *Bartlett* bagi faktor ini adalah signifikan ($p = 0.000$). Terdapat empat item dalam pembolehubah ini dan beban faktor item adalah berjulat antara 0.68 hingga 0.81. Beban faktor tertinggi diwakili item yang berkaitan nasihat pengiklanan nilai sebenar ke atas barangan import, sementara item berkaitan dengan kebergantungan sepenuhnya kepada agen penghantaran dalam membuat keputusan merekodkan beban faktor yang paling rendah. Sehubungan itu, keempat-empat item yang menjadi elemen pembolehubah ini dikekalkan bagi analisis seterusnya.

5.4.4 Hasil Ujian Matriks Faktor Undang-undang

Analisis faktor mendapati pembolehubah ini berdimensi tunggal. Analisis merekodkan beban faktor berjulat antara 0.74 hingga 0.77. Item yang merujuk kepada undang-undang menetapkan pelaku ketidakpatuhan cukai boleh dihadapkan

ke mahkamah mencatatkan nilai beban faktor yang tertinggi, sementara item yang merujuk pada undang-undang cukai amat jelas mencatatkan beban faktor terendah. Nilai *eigenvalue* yang dicatatkan adalah 2.22 dengan varians yang dapat diterangkan adalah 55.59 peratus. Nilai KMO adalah 0.73 dan ujian Bartlett adalah signifikan ($p = 0.000$). Ini menunjukkan analisis faktor sesuai dijalankan bagi pembolehubah ini, dan keempat-empat item yang menghuni pembolehubah ini dikekalkan bagi analisis seterusnya.

5.4.5 Hasil Ujian Matriks Faktor Penguatkuasaan

Analisis menunjukkan pembolehubah ini berdimensi tunggal. Nilai *eigenvalue* adalah 2.98 dan sebanyak 59.56 peratus varians dapat menerangkan kedudukannya. Nilai KMO adalah 0.79 dan ujian *Bartlett* adalah signifikan ($p = 0.000$). Ini menunjukkan analisis faktor sesuai dijalankan bagi pembolehubah ini. Beban faktor bagi item-item pembolehubah penguatkuasaan berjalat antara 0.69 hingga 0.85. Beban faktor tertinggi diwakili oleh item yang berkaitan dengan hukuman yang berat akan dikenakan kepada pelaku ketidapatuhan cukai, sementara item yang berkaitan dengan kebolehan pegawai mengesan ketidapatuhan cukai merekodkan beban faktor yang paling rendah. Sehubungan itu, kelima-lima item yang dalam pembolehubah ini dikekalkan bagi analisis seterusnya.

5.4.6 Hasil Ujian Matriks Faktor Rasuah

Pembolehubah ini berdimensi tunggal, dengan nilai *eigenvalue* yang dicatatkan adalah 2.93 dan sebanyak 73.30 peratus varians dapat menerangkan kedudukannya. Nilai KMO yang direkodkan adalah 0.83 dan ujian *Bartlett* adalah signifikan ($p = 0.000$). Pembolehubah yang mempunyai empat item merekodkan beban faktor berjulat antara 0.83 hingga 0.87. Oleh itu, semua item yang terdapat dalam pembolehubah ini dikekalkan. Item berkaitan dengan kejujuran dan ketelusan pegawai dalam melaksanakan tugas pelepasan barangan import dan item berkaitan dengan pemberian habuan bertujuan mengurangkan bayaran cukai masing-masing merekodkan nilai yang terendah dan tertinggi.

5.4.7 Hasil Ujian Matriks Ketidapatuhan Cukai

Pembolehubah ini berdimensi tunggal dengan nilai KMO yang direkodkan adalah 0.79 dan ujian *Bartlett* berada pada tahap signifikan ($p = 0.000$). Nilai *eigenvalue* yang dicatatkan adalah 3.36 dengan 67.09 peratus varians dapat menerangkan kedudukannya. Pembolehubah yang mempunyai lima item ini telah merekodkan beban faktor berjulat antara 0.72 hingga 0.91. Item pelbagai cukai yang dikenakan ke atas barangan import membebaskan pengimport merekodkan nilai beban faktor yang tertinggi, dan item yang merujuk pada mengikrarkan nilai import sebenar merekodkan nilai beban faktor terendah.

5.5 Analisis Statistik Deskriptif

Untuk kajian ini, kerangka teori mengandungi lima pembolehubah bebas, dan masing-masing satu pembolehubah perantara dan satu pembolehubah bersandar. Pembolehubah bebas terdiri dari pengetahuan, kerumitan, agen penghantaran, undang-undang, penguatkuasaan, dan rasuah. Dalam masa yang sama rasuah turut berperanan sebagai pembolehubah perantara, sementara ketidakpatuhan cukai merupakan pembolehubah tidak bersandar.

Jadual 5.6

Statistik Deskriptif bagi Setiap Pembolehubah (N=151)

Pembolehubah	Bil Item	Minimum	Maksimum	Purata	Sisihan Piawai
Pengetahuan	4	1.50	4.25	2.92	0.788
Kerumitan	4	1.50	5.00	3.05	0.997
Agen	4	1.75	4.50	3.21	0.666
Undang	4	1.50	4.00	2.83	0.602
Penguatkuasaan	5	2.40	4.80	3.70	0.543
Rasuah	4	2.00	4.50	3.01	0.718
Ketidakpatuhan	5	1.60	4.50	3.29	0.821

Statistik deskriptif (rujuk Jadual 5.6) menggunakan petunjuk minimum, maksimum, purata, dan sisihan piawai. Berdasarkan purata yang diperolehi, lima dari tujuh pembolehubah melebihi skor purata tiga. Kelima-lima pembolehubah ini terdiri dari

kerumitan sistem cukai, agen penghantaran, penguatkuasaan, rasuah dan ketidakpatuhan. Manakala purata pembolehubah pengetahuan dan undang-undang berada di bawah skor purata tiga. Dapatan ujian juga mendapati nilai sisihan piawai tertinggi dicatatkan oleh pembolehubah kerumitan dan nilai terendah dicatatkan oleh pembolehubah penguatkuasaan. Dapatan analisis ini menunjukkan pembolehubah kerumitan adalah lebih baik dari pembolehubah lain. Menurut Chua (2006b), nilai sisihan piawai yang tertinggi dan berada paling hampir dengan nilai purata dianggap baik, dan rumusan sebaliknya jika nilai sisihan piawainya adalah kecil dan berada jauh dari nilai purata.

5.6 Saringan Data dan Keputusan Andaian-andaian Multivariat

Data-data yang diperolehi telah disaring bagi tujuan menentukan kesempurnaan dan tahap kesesuaiannya. Sebanyak 5 soal selidik yang tidak lengkap telah digugurkan selaras dengan Hair et al. (2006) yang menyatakan soal selidik yang tidak lengkap dan tidak sempurna perlu digugurkan dari kajian. Sehubungan dengan pengguguran di atas, tinggal hanya 151 soal selidik yang digunakan untuk analisis selanjutnya.

Selanjutnya ujian maklum balas bias terhadap kedua-dua kumpulan (awal dan lewat) bagi profil responden (taraf jawatan, kategori syarikat dan mod pengangkutan) dilaksanakan. Menerusi ujian ini, didapati data bebas daripada masalah maklum balas bias. Data-data ini turut menjalani ujian kenormalan, kelinearan, dan kemultikolinearitan bertujuan untuk memastikan data yang dipungut disahkan mempunyai taburan normal.

Jadual 5.7:

Keputusan Analisis Kepencongan dan Kurtosis (N=151)

Pembolehubah	Kepencongan		Kurtosis	
	Statistik	Ralat Piawai	Statistik	Ralat Piawai
Pengetahuan	-0.103	0.197	-1.309	0.392
Kerumitan	0.329	0.197	-1.334	0.392
Agen	-0.309	0.197	-0.963	0.392
Undang-undang	0.024	0.197	-1.135	0.392
Penguatkuasaan	-0.142	0.197	-0.161	0.392
Rasuah	0.042	0.197	-1.155	0.392
Ketidakpatuhan	-0.158	0.197	-1.234	0.392

Ujian kenormalan digunakan untuk memastikan data yang dipungut adalah mempunyai taburan normal atau dekat dengan normal. Bagi kajian ini, analisis statistik kepencongan (*skewness*) dan kurtosis beserta Normal Q-Q Plot dijalankan. Dapatan ujian menunjukkan kepencongan berada pada nilai -0.309 hingga 0.329, manakala nilai kurtosis berada pada nilai -1.334 hingga -0.161 (rujuk Jadual 5.7). Walaupun nilai kepencongan dan nilai kurtosis bagi taburan normal adalah sifar, tetapi jika nilai kepencongan berada dalam julat -1 hingga +1, dan nilai kurtosis kurang daripada +3 atau lebih besar daripada -3 boleh dianggap bertaburan normal (Hair, Barry, Arthur & Philip, 2003).

Ujian normal Q-Q Plot pula menunjukkan semua plot serakan bagi setiap pembolehubah terletak berdekatan secara berselari dengan garis lurus. Menurut Hair et al. (2006), pembolehubah berkaitan dianggap bertaburan normal apabila rajah plot normal Q-Q menggambarkan semua plot serakan berada dekat secara selari dengan garis lurus. Sehubungan dengan hasil ujian di atas, dapat dirumuskan data-data penyelidikan setiap pembolehubah menepati ciri-ciri taburan normal dan mencapai tahap kenormalan (rujuk Lampiran C1-C7).

Bagi menentukan tahap kelinearan, ujian kaedah garis lurus yang dipadankan dengan data melalui plot serakan dijalankan antara pembolehubah bersandar dengan pembolehubah bebas telah dilakukan. Hasil ujian ini (rujuk lampiran D1-D6) mendapati tiada hubungan yang kuat antara residu dan nilai ramalan bagi pembolehubah bersandar dengan pembolehubah bebas, dan dapat dirumuskan bahawa andaian kelinearan tercapai.

Ujian korelasi adalah merupakan kajian di antara dua atau lebih pembolehubah (Cooper dan Schindler 2008). Ujian ini bertujuan mengetahui sama ada wujud hubungan dan tahap hubungannya antara pembolehubah. Ianya sesuai untuk menjelaskan kekuatan serta arah (positif atau negatif) hubungan dan kesignifikan hubungan antara pembolehubah dengan pembolehubah yang lain.

Jadual 5.8:

Hubungan Kolerasi Antara Pembolehubah (N=151)

	Pengetahuan	Kerumitan	Agen	Undang	Penguat kuasaan	Rasuah
Kerumitan	.743**					
Agen	.626**	.562**				
Undang	.468**	.396**	.651**			
Penguatkuasaan	.334**	.333**	.313**	.243**		
Rasuah	.500**	.542**	.616**	.593**	.445**	
Ketidakpatuhan	.735**	.644**	.607**	.332**	.442**	.572**

Berdasarkan Jadual 5.8, menunjukkan tahap hubungan di antara pembolehubah dengan lain-lain pembolehubah berada dalam unit positif atau mempunyai hubungan terus pada julat antara .243 hingga .743. Tahap hubungan paling kuat (.743) adalah antara pembolehubah kerumitan sistem cukai dengan pembolehubah pengetahuan cukai, sementara tahap hubungan paling lemah (.243) adalah antara pembolehubah penguatkuasaan dengan pembolehubah undang-undang.

Menurut Hinkle, Wiersma dan Jurs (1979), nilai kolerasi di antara $\pm .80$ atau lebih dianggap sangat kuat hubungannya, dan nilai di bawah $\pm .20$ dianggap sangat lemah hubungannya. Memandangkan nilai kolerasi antara pembolehubah bagi kajian ini yang berada di antara .243 hingga .743, maka dapat dirumuskan bahawa data yang dikumpulkan tidak menghadapi masalah multikolariti.

5.7 Analisis Regresi Berganda

Kajian ini mengaplikasi analisis regresi berganda piawai (*standard multiple regression*) dan regresi berganda hirakhikal (*hierarchical multiple regression*) bagi menguji peranan pembolehubah bebas dalam mempengaruhi ketidakpatuhan cukai import di Malaysia.

Jadual 5.9:

Analisis Regresi Berganda bagi Model Faktor Yang Mempengaruhi Ketidakpatuhan Cukai (N=151)

R	R ²	R ² Terlaras	Nilai Jangkaan Ralat Piawai	F	Sig
.813	.660	.646	2.442	46.621	.000

Hasil ujian, mendapati nilai R dan R² adalah 0.813 dan 0.646. Dapatan ini menunjukkan model yang telah dibentuk adalah baik (*goodness of fit*), dan signifikan pada $p= 0.00$ dengan $F = 46.621$ (seperti di Jadual 5.9). Dapatan ini menggambarkan pembolehubah bebas secara bersama menyumbang 64.6 peratus varian untuk menerangkan ramalan hubungan antara pembolehubah bersandar dengan pembolehubah bebas. Berdasarkan penemuan, dapat dirumuskan bahawa terdapat bukti-bukti yang kukuh bahawa pengetahuan cukai, agen penghantaran, undang-undang, penguatkuasaan dan rasuah merupakan peramal yang signifikan dalam mendorong berlakunya ketidakpatuhan cukai di kalangan pengimport di Malaysia.

Jadual 5.10:

Pekali Analisis Regresi Berganda bagi Model Faktor Yang Mempengaruhi Ketidakpatuhan Cukai

Model	Pekali			T	Sig
	Tidak Terpiawai		Terpiawai		
	Ralat				
	Beta	Piawai	Beta		
Pemalar	.401	1.540		.250	.795
Pengetahuan	.627	.103	.481	6.087	.000
Kerumitan	.084	.079	.082	1.067	.288
Agen	.371	.117	.241	3.167	.002
Undang-undang	-.427	.116	-.250	-3.675	.000
Penguatkuasaan	.210	.083	.139	2.526	.013
Rasuah	.322	.102	.226	3.150	.002

5.7.1 Pengetahuan Cukai Mempunyai Hubungan Dengan Ketidakpatuhan Cukai.

Pengetahuan cukai yang dimiliki oleh pengimport dijangka berhubung dengan ketidakpatuhan cukai. Dapatan hasil analisis regresi berganda menunjukkan pengetahuan cukai mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan ketidakpatuhan cukai (Beta = .481, $p < 0.01$). Dapatan ini boleh diterjemahkan sebagai sebarang peningkatan satu unit pengetahuan cukai akan meningkatkan sebanyak 0.481 ketidakpatuhan cukai. Melalui dapatan ini, hipotesis H1a diterima.

5.7.2 Kerumitan Sistem Cukai Mempunyai Hubungan Dengan Ketidapatuhan Cukai.

Kerumitan sistem cukai dijangka berhubung dengan ketidapatuhan cukai. Namun begitu, dapatan hasil analisis regresi berganda menunjukkan nilai signifikan adalah $p > 0.10$). Penemuan ini menunjukkan kerumitan sistem cukai tidak mempunyai hubungan secara signifikan dengan ketidapatuhan cukai. Memandangkan tidak ada keterangan yang mencukupi untuk mengaitkan hubungan di antara kerumitan sistem cukai dengan ketidapatuhan cukai, maka hipotesis H2a ditolak.

5.7.3 Agen Penghantaran Mempunyai Hubungan Dengan Ketidapatuhan Cukai.

Agen penghantaran dijangka berhubung dengan ketidapatuhan cukai. Dapatan hasil analisis regresi berganda menunjukkan pengaruh negatif agen penghantaran mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan ketidapatuhan cukai pada aras keyakinan ($\text{Beta} = .241, p < 0.01$). Dapatan ini boleh diterjemahkan sebagai sebarang peningkatan satu unit pengaruh negatif agen penghantaran akan meningkatkan sebanyak 0.241 ketidapatuhan cukai. Dengan dapatan ini, hipotesis H3a diterima.

5.7.4 Undang-undang Mempunyai Hubungan Dengan Ketidapatuhan Cukai.

Undang-undang yang dikuatkuasakan dijangka berhubung dengan ketidapatuhan cukai. Dapatan hasil analisis regresi berganda menunjukkan undang-undang mempunyai hubungan negatif yang signifikan dengan ketidapatuhan cukai ($\text{Beta} =$

-0.250, $p < 0.00$). Dapatan ini boleh digambarkan sebagai sebarang pengurangan satu unit undang-undang akan meningkatkan ketidakpatuhan cukai sebanyak 0.250. Dengan dapatan ini, hipotesis H4a diterima.

5.7.5 Penguatkuasaan Mempunyai Hubungan Dengan Ketidakpatuhan Cukai.

Penguatkuasaan undang-undang dijangka berhubung dengan ketidakpatuhan cukai. Dapatan hasil analisis menunjukkan peningkatan tahap penguatkuasaan mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan ketidakpatuhan cukai (Beta = .139, $p < 0.01$). Dapatan ini boleh diterjemahkan sebagai sebarang peningkatan satu unit penguatkuasaan akan meningkatkan ketidakpatuhan cukai sebanyak 0.139. Melalui dapatan ini, hipotesis H5a diterima.

5.7.6 Rasuah Mempunyai Hubungan Dengan Ketidakpatuhan Cukai.

Rasuah dijangka berhubung dengan ketidakpatuhan cukai. Dapatan hasil analisis regresi berganda menunjukkan rasuah mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan ketidakpatuhan cukai (Beta = 0.226, $p < 0.01$). Dapatan ini boleh digambarkan sebagai sebarang peningkatan satu unit rasuah akan meningkatkan ketidakpatuhan cukai sebanyak 0.226. Dengan dapatan ini, hipotesis H6 diterima.

5.8 Peranan Pembolehubah Perantara

Bagi menguji peranan pembolehubah perantara ke atas hubungan pembolehubah bebas dalam mempengaruhi ketidakpatuhan cukai, analisis regresi berganda serta pendekatan yang dicadangkan oleh Baron dan Kenny (1986) diaplikasikan. Melalui pendekatan ini, tiga langkah dilakukan termasuk melihat perbezaan pekali dalam setiap persamaan tersebut. Langkah pertama, meregresikan ketidakpatuhan cukai yang bertindak sebagai pembolehubah bersandar atas pembolehubah bebas. Langkah kedua adalah dengan melakukan regresi terhadap rasuah yang bertindak sebagai pembolehubah perantara atas pembolehubah bebas. Langkah ketiga adalah meregresikan kesemua pembolehubah bebas secara serentak dengan rasuah sebagai peramal terhadap ketidakpatuhan cukai. Mengikut pendekatan ini, pembolehubah perantara dianggap memberi kesan ke atas model apabila ketiga-tiga ujian di atas adalah signifikan.

Bagi melihat peranan pembolehubah perantara, perubahan tahap signifikan dan nilai beta yang direkodkan bagi setiap regresi perlu diambil kira (Baron & Kenny, 1986). Peranan pembolehubah perantara adalah sempurna jika pembolehubah bebas tidak memberi kesan pada pembolehubah bersandar apabila melalui perantara. Jika pembolehubah bebas masih memberi kesan pada pembolehubah bersandar apabila melalui pembolehubah perantara perubahan tahap signifikan dan nilai beta (**B**) yang direkodkan bagi setiap regresi perlu diambil kira (Baron & Kenny, 1986).

Dapatan ujian langkah pertama mendapati model ini signifikan pada $p= 0.00$ dengan nilai F 50.834 (rujuk Jadual 5.10), dan pengetahuan cukai, kerumitan sistem cukai, agen penghantaran, undang-undang, dan penguatkuasaan mempunyai signifikan dengan pembolehubah ketidakpatuhan cukai. Sehubungan dengan dapatan ini, dapat dirumuskan syarat pertama dipenuhi.

Jadual 5.11: *Analisis Regresi Berganda bagi Model Faktor Yang Mempengaruhi Ketidakpatuhan Cukai (Tanpa Perantara)*

R	R ²	R ² Terlaras	Nilai Jangkaan Ralat Piawai	F	Sig
.798	.637	.624	2.516	50.834	0.00

Jadual 5.12:

Pekali Analisis Regresi Berganda Pembolehubah Bebas Atas Pembolehubah Ketidakpatuhan Cukai (N=151)

Model	Pekali			T	Sig
	Tidak Terpiawai		Terpiawai		
	Ralat				
	Beta	Piawai	Beta		
Pemalar	-.090	1.579		-.057	.955
Pengetahuan	.610	.106	.469	5.759	0.000
Kerumitan	.143	.079	.139	1.809	0.072
Agen	.453	.118	.294	3.844	0.000
Undang-undang	-.308	.113	-.180	-2.719	0.007
Penguatkuasaan	.288	.082	.191	3.532	0.001

Hasil regresi pembolehubah rasuah dengan pembolehubah bebas mendapati ianya signifikan pada $p= 0.00$ dengan nilai $F= 34.00$ (rujuk Jadual 5.13), dan pembolehubah kerumitan sistem cukai, agen penghantaran, undang-undang, dan penguatkuasaan mempunyai hubungan yang signifikan dengan rasuah. Sementara pembolehubah pengetahuan cukai tidak mempunyai hubung kaitnya dengan rasuah (rujuk Jadual 5.14).

Jadual 5.13:

Analisis Regresi Berganda Pembolehubah Bebas dengan Pembolehubah Perantara

R	R ²	R ² Terlaras	Nilai Jangkaan Ralat Piawai	F	Sig
0.735	0.540	0.524	1.982	34.000	0.00

Jadual 5.14:

Pekali Analisis Regresi Berganda Pembolehubah Bebas atas Pembolehubah Rasuah Cukai (N=151)

Pembolehubah	Pekali			T	Sig.
	Pekali Tidak Terpiawai		Pekali Terpiawai		
	Beta	Ralat Piawai	Beta		
Pemalar	-1.522	1.244		-1.224	.223
Pengetahuan	-.051	.083	-.056	-.617	.538
Kerumitan	.182	.062	.253	2.929	.004
Agen	.253	.093	.235	2.729	.007
Undang-undang	.370	.089	.310	4.153	.000
Penguatkuasaan	.244	.064	.230	3.789	.000

Langkah ketiga adalah meregresikan pembolehubah bebas secara serentak dengan rasuah sebagai peramal terhadap ketidakpatuhan cukai. Hasil regresi menunjukkan pembolehubah bebas beserta pembolehubah perantara menyumbang 64.6 peratus dari jumlah varian dalam pembolehubah ketidakpatuhan cukai. Berdasarkan ujian ini mendapati pembolehubah pengetahuan cukai, agen penghantaran, undang-undang, penguatkuasaan dan rasuah mempunyai hubungan yang signifikan dengan ketidakpatuhan cukai. Sementara pembolehubah kerumitan sistem cukai berada pada aras tidak signifikan (rujuk Jadual 5.15).

Jadual 5.15:

Pekali Analisis Regresi Berganda Pembolehubahbebas (Beserta Perantara) Atas Pembolehubah Ketidakpatuhan Cukai (N=151)

Pembolehubah	Pekali			T	Sig
	Tidak Terpiawai		Terpiawai		
	Beta	Ralat			
		Piawai	Beta		
Pemalar	.401	1.540		.260	.795
Pengetahuan	.627	.103	.481	6.087	.000
Kerumitan	.084	.079	.082	1.067	.288
Agen	.371	.117	.241	3.167	.002
Undang-undang	-.427	.116	-.250	-3.675	.000
Penguatkuasaan	.210	.083	.139	2.526	.013
Rasuah	.322	.102	.226	3.150	.002

Hasil dari ketiga-tiga ujian regresi yang ditetapkan, mendapati tiga pembolehubah iaitu agen penghantaran, undang-undang dan penguatkuasaan memberi kesan yang signifikan kepada ketidakpatuhan cukai melalui rasuah. Sementara pembolehubah pengetahuan cukai dan kerumitan sistem cukai tidak mempunyai hubungan dengan ketidakpatuhan cukai melalui rasuah. Berikut adalah dapatan bagi setiap pembolehubah.

Jadual 5.16:

Ringkasan Hasil Ujian Analisis Regresi Berganda

(Pembolehubah bebas		Rasuah	Ketidakpatuhan cukai
Tanpa Perantara		Beserta Perantara	
Pembolehubah Bebas	Beta	Pembolehubah Bebas	Beta
Pengetahuan	.469*	Pengetahuan	.481*
Kerumitan	.139***	Kerumitan	.082
Agen	.294*	Agen	.241*
Undang-undang	-.180*	Undang-undang	-.250*
Penguatkuasaan	.191*	Penguatkuasaan	.139**
		Rasuah	.226*
R ²	.637		.660
Adj R ²	.624		.646
F	50.834		46.621
Sig.	0.000		0.000

Nota: * = p < 0.01, ** = p < 0.05, *** = p < 0.10

5.8.1 Pengetahuan Cukai Mempunyai Hubungan dengan Ketidakpatuhan Cukai Melalui Rasuah (H1b)

Hasil regresi mendapati pengetahuan cukai berhubungan secara signifikan dengan ketidakpatuhan cukai. Tetapi dapatan regresi juga menunjukkan pembolehubah pengetahuan cukai tidak mempunyai hubungan secara langsung yang signifikan dengan rasuah (rujuk Jadual 5.14). Sehubungan dengan hasil ini, dapat dirumuskan bahawa pengetahuan cukai tidak mempunyai hubungan dengan ketidakpatuhan cukai melalui rasuah. Oleh itu, hipotesis H1b ditolak.

5.8.2 Kerumitan Sistem Cukai Mempunyai Hubungan dengan Ketidakpatuhan Cukai Melalui Rasuah (H2b)

Keputusan ketiga-tiga regresi yang dilakukan mendapati pembolehubah kerumitan sistem cukai tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan ketidakpatuhan cukai sama ada secara langsung atau secara tidak langsung melalui rasuah. Walaupun hasil regresi kedua mendapati kerumitan sistem cukai berhubungan secara signifikan dengan rasuah (rujuk Jadual 5.14), tetapi dapatan regresi ketiga (rujuk Jadual 5.15) menunjukkan kerumitan sistem cukai tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan ketidakpatuhan cukai. Sehubungan dengan dapatan ini, dapat dirumuskan bahawa kerumitan sistem cukai tidak mempunyai hubungan dengan ketidakpatuhan cukai melalui rasuah. Oleh itu, hipotesis H2b ditolak.

5.8.3 Agen Penghantaran Mempunyai Hubungan dengan Ketidapatuhan Cukai Melalui Rasuah (H3b)

Keputusan regresi menunjukkan pembolehubah agen penghantaran mempunyai hubungan yang signifikan secara langsung dan tidak langsung melalui rasuah dengan ketidapatuhan cukai. Tahap hubungannya secara langsung dengan ketidapatuhan (B = .294) adalah lebih kuat berbanding dengan tahap hubungannya melalui rasuah (B = .241). Dapatan ini menunjukkan hubungan di antara agen penghantaran dengan ketidapatuhan cukai melalui rasuah hanya separa (*partial mediate*) susulan tahap kekuatan hubungan (nilai B) berkurangan setelah melalui rasuah. Namun begitu, hipotesis H3b diterima.

5.8.4 Undang-undang Mempunyai Hubungan dengan Ketidapatuhan Cukai Melalui Rasuah (H4b)

Keputusan ketiga-tiga regresi yang dilakukan mendapati undang-undang mempunyai hubungan yang signifikan dengan ketidapatuhan cukai sama ada secara langsung atau secara tidak langsung melalui rasuah. Keputusan regresi yang dilakukan mendapati pembolehubah undang-undang berhubung secara langsung dengan ketidapatuhan cukai (B = -.180), dan tidak langsung melalui rasuah ((B = -.250) secara signifikan. Berasaskan penemuan ini, dapat dirumuskan bahawa rasuah adalah perantara penuh (*fully mediate*) terhadap hubungan antara undang-undang dan ketidapatuhan cukai. Oleh itu hipotesis H4b diterima.

5.8.5 Penguatkuasaan Mempunyai Hubungan Dengan Ketidapatuhan Cukai Melalui Rasuah (H5b)

Keputusan ketiga-tiga regresi yang dilakukan mendapati penguatkuasaan mempunyai hubungan yang signifikan dengan ketidapatuhan cukai sama ada secara langsung atau secara tidak langsung melalui rasuah. Namun begitu, peranan rasuah dalam hubungan ini hanya separa (*partial mediate*) susulan tahap kekuatan hubungan (nilai B) di antara penguatkuasaan dan ketidapatuhan cukai berkurangan dari .191 kepada .139 setelah melalui pembolehubah rasuah. Namun begitu, hipotesis H5b diterima.

5.9 Ringkasan Keputusan Hipotesis

Lapan hipotesis diterima dan tiga ditolak. Hipotesis yang diterima terdiri dari lima bagi hubungan antara pembolehubah bebas dengan pembolehubah bersandar yang melibatkan pembolehubah pengetahuan cukai, agen penghantaran, undang-undang, penguatkuasaan, dan rasuah (rujuk Jadual 5.17). Rasuah yang bertindak sebagai pembolehubah perantara, memberi kesan sepenuhnya (*full mediation*) pada hubungan antara ketidapatuhan cukai dan undang-undang, dan kesan separa (*partial mediate*) pada hubungan antara ketidapatuhan cukai dengan agen pengetahuan dan penguatkuasaan. Berasaskan dapatan ini menunjukkan hipotesis yang menguji peranan perantara rasuah dengan ketidapatuhan cukai dengan ketiga-tiga pembolehubah di atas diterima. Ringkasan keputusan bagi semua hipotesis yang diuji dipaparkan pada Jadual 5.17.

Jadual 5.17:

Ringkasan Keputusan Ujian Hipotesis

Hipotesis	Pembolehubah Bebas	Signifikan / Tidak	Terima / Tolak
H1a	Pengetahuan cukai	Signifikan *	Terima
H1b	Pengetahuan cukai berhubung dengan ketidakpatuhan cukai melalui rasuah	Tidak	Tolak
H2a	Kerumitan sistem cukai	Tidak	Tolak
H2b	Kerumitan sistem cukai berhubung dengan ketidakpatuhan cukai melalui rasuah	Tidak	Tolak
H3a	Agen penghantaran	Signifikan *	Terima
H3b	Agen penghantaran berhubung dengan ketidakpatuhan cukai melalui rasuah	Separuh	Terima
H4a	Undang-undang cukai	Signifikan *	Terima
H4b	Undang-undang cukai berhubung dengan ketidakpatuhan cukai melalui rasuah	Penuh	Terima
H5a	Penguatkuasaan	Signifikan **	Terima
H5b	Penguatkuasaan berhubung dengan ketidakpatuhan cukai melalui rasuah	Separuh	Terima
H6a	Rasuah	Signifikan *	Terima

Nota * = $p < 0.01$, ** = $p < 0.05$

5.10 Rumusan

Sebanyak 151 daripada 185 soal selidik yang diedarkan telah dijawab dengan sempurna dan boleh digunakan bagi tujuan analisis. Melalui ujian kebolehpercayaan dan kesahan mendapati semua konstruk dan pembolehubah melepasi tahap ditetapkan. Ujian-t dan ujian analisis andaian-andaian multivariat yang dijalankan

juga mendapati tiada perbezaan signifikan terhadap profil sampel responden dari aspek ketidakpatuhan cukai di kalangan pengimport, dan kehendak andaian-andaian multivariat tersebut telah dipenuhi. Hasil analisis regresi berganda mendapati lima hipotesis berkaitan hubungan antara pengetahuan, agen, undang-undang, penguatkuasaan dan rasuah dengan ketidakpatuhan cukai telah diterima. Dalam masa yang sama, tiga hipotesis yang dibentuk tentang kaitan antara agen, undang-undang, dan penguatkuasaan dengan ketidakpatuhan cukai melalui rasuah telah diterima.

BAB 6

PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

6.0 Pengenalan

Bab ini merangkumi lima bahagian utama, terdiri dari perbincangan ringkasan kajian yang meliputi aspek latar belakang objektif, metodologi dan penemuan kajian. Bahagian kedua dan ketiga pula masing-masing menyentuh objektif kajian dan perbincangan berkaitan implikasi kajian terhadap teori sendiri kewangan serta perkaitannya dengan penemuan kajian-kajian yang pernah dijalankan. Sementara bahagian keempat membincangkan implikasi kepada JKDM, dan langkah-langkah yang boleh diambil bagi mengurangkan berlakunya ketidakpatuhan cukai di kalangan pengimport. Akhir sekali, kesimpulan kepada penemuan, beberapa cadangan telah dikemukakan termasuklah kajian lanjutan dan pendekatan dalam menangani ketidakpatuhan cukai.

6.1 Ringkasan Kajian

Cukai merupakan sumber utama hasil kerajaan yang disalurkan bagi menjaga kesejahteraan Negara serta kelangsungan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara. Sebagai sebuah jabatan kerajaan yang bertindak secara langsung dalam pungutan cukai tidak langsung, adalah menjadi tanggungjawab JKDM memungut cukai selaras dengan peruntukan undang-undang yang ditetapkan. Namun begitu, didapati tahap ketidakpatuhan cukai dikalangan pembayar cukai amat membimbangkan. Mengikut Laporan Tahunan JKDM tahun 2010 sehingga 2012

menampakkan ketidakpatuhan cukai di kalangan pengimport meningkat dari tahun ke tahun. Melalui laporan itu, secara puratanya lebih dari 40 peratus pengimport yang diaudit telah melakukan ketidakpatuhan cukai. Ditambah pula, penahanan pegawai JKDM secara besar-besaran oleh SPRM berkaitan dengan pengikraran cukai import di bawah nilai sebenar turut mengaitkannya dengan ketidakpatuhan cukai. Berdasarkan kepada hasil auditan dan penahanan ini timbul persoalan mengapa ianya berlaku, dan adakah pengimport tidak takut untuk melakukan ketidakpatuhan cukai.

Sesungguhnya belum ada kajian khusus berkaitan dengan ketidakpatuhan cukai yang melibatkan pengimportan di Malaysia. Sebahagian besar kajian terdahulu lebih memberi perhatian kepada cukai langsung. Menyedari ketidakpatuhan cukai memberi impak yang besar kepada pungutan hasil negara, kajian telah dijalankan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi ketidakpatuhan cukai di kalangan pengimport.

Kajian menggunakan model sendiri kewangan yang dipelopori oleh Becker (1968) sebagai panduan bagi memahami faktor yang mendorong berlaku ketidakpatuhan cukai ini. Model ini dijadikan asas kajian kerana ia merupakan perintis dalam kajian pematuhan cukai terutamanya yang melibatkan kajian terhadap cukai langsung. Memandangkan pengikraran cukai langsung dan tidak langsung ini mempraktikkan kaedah taksir sendiri, maka penggunaan model sendiri kewangan bagi maksud kajian ini amat sesuai sekali. Sehubungan itu, kajian ini mensasarkan

dua objektif utama. Pertama, untuk mengenal pasti faktor yang mendorong berlakunya ketidakpatuhan, dan yang kedua untuk menentukan sama ada faktor-faktor diatas mempunyai hubungan dengan ketidakpatuhan cukai melalui rasuah.

Soal selidik telah dikemukakan kepada 185 pengimport yang terbukti melakukan ketidakpatuhan cukai, dan 151 darinya telah mengembalikan soal selidik dengan lengkap dan sempurna. Sebelum analisis regresi berganda diaplikasikan, data telah disahkan melepasi tahap kebolehpercayaan dan kesahan, serta ujian-ujian andaian multivariat. Hasil ujian mendapati kedua-dua objektif kajian berjaya dicapai. Bagi objektif pertama, dapatan kajian berjaya mengenal pasti pengetahuan cukai, agen penghantaran, undang-undang, penguatkuasaan dan rasuah merupakan faktor yang mempengaruhi ketidakpatuhan cukai di kalangan pengimport di Malaysia. Disamping itu, kajian juga mendapati agen penghantaran, undang-undang dan penguatkuasaan mempunyai hubungan yang signifikan dengan ketidakpatuhan melalui rasuah.

6.2 Keputusan dan Objektif Kajian

Semua keputusan kajian telah disusun atur mengikut objektif yang telah di tetapkan bertujuan agar setiap persoalan, objektif dan hipotesis kajian digambarkan secara lebih terperinci.

6.2.1 Objektif Pertama: Mengenalpasti Faktor yang Mempengaruhi Ketidapatuhan Cukai Di Kalangan Pengimport Di Malaysia

Hasil analisis mengesahkan pengetahuan cukai, agen penghantaran, undang-undang, penguatkuasaan, dan rasuah telah mendorong berlakunya ketidapatuhan cukai di kalangan pengimport di Malaysia. Dapatan analisis memberi gambaran pembolehubah dalam model ini menyumbang hampir 65 peratus varian dalam ketidapatuhan cukai di kalangan pengimport. Dengan ini, jelas menunjukkan objektif pertama kajian berjaya dicapai, dan menjawab persoalan mengapa berlakunya ketidapatuhan cukai di kalangan pengimport.

6.2.1.1 Pengetahuan Cukai

Pengetahuan cukai mengenai peluang melakukan pengelakan cukai yang dimiliki akan mendorong pengimport mengambil kesempatan untuk manfaatnya. Pengimport dengan sedaya upaya akan mempertingkatkan pengetahuan ini supaya dapat mengesan ruang dan kelemahan proses pelepasan barangan import. Keupayaan ini membolehkan pengimport mengambil kesempatan untuk mengurangkan bayaran cukai bertujuan memaksimumkan keuntungan peribadi. Kajian yang dijalankan ini mendapati wujud hubungan positif yang signifikan antara pengetahuan cukai dengan ketidapatuhan cukai di kalangan pengimport.

Penemuan di atas selari dengan kajian Tan dan Chin Fatt, (2000), dan Lou dan Ho, (2005) yang mengesahkan ada hubungan negatif di antara tahap pengetahuan cukai dengan kepatuhan cukai, dimana tahap kompetensi pembayar cukai menjadi rendah

walaupun mereka berpendidikan. Begitu juga dengan kajian oleh Collin, Milliron dan Toy (1992) ke atas isi rumah di Amerika Syarikat mendapati pengetahuan cukai dan tahap pendidikan mempunyai hubungan negatif dengan gelagat pematuhan.

6.2.1.2 Kerumitan Sistem Cukai

Sistem ataupun struktur percukaian digubal bagi memastikan hasil cukai sebenar dapat dipungut mengikut masa yang ditetapkan. Tetapi jika tahap pematuhan di kalangan pembayar cukai masih rendah, struktur dan sistem itu dianggap kurang berkesan. Menurut Fisher (1992), kerumitan sistem cukai merupakan salah satu faktor yang menentukan kepatuhan dan keberkesanan sistem cukai.

Bagaimanapun, kajian ini mendapati tidak wujud hubungan yang signifikan antara kerumitan sistem cukai dengan ketidakpatuhan cukai. Keputusan ini tidak konsisten dengan penemuan terdahulu yang merumuskan kerumitan sistem cukai merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada berlakunya pengelakan cukai (Fisher, 1992; Richardson, 2008). Dapatan yang tidak konsisten ini mungkin disebabkan responden berpendapat sistem cukai tidak relevan kepada mereka memandangkan proses pelepasan akan diuruskan oleh agen penghantaran.

6.2.1.3 Agen Penghantaran

Agen penghantaran merupakan entiti yang terlibat secara langsung dalam proses pelepasan barangan import dari kawalan kastam. Oleh itu secara tidak langsung

agen penghantaran dianggap sebagai professional cukai yang dirujuk oleh pengimport. Kumpulan rujukan ini, memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pengimport melalui galakan dan sokongan tentang pembayaran cukai ke atas barangan import. Dalam realiti sebenar, agen penghantaran dianggap sebagai penasihat oleh pengimport terutamanya dalam menentukan kadar cukai, penilaian, dan cukai kena dibayar. Sebarang pandangan yang memberi manfaat seperti beban cukai dapat dikurangkan akan diterima oleh pengimport.

Kajian ini mendapati pengaruh negatif agen penghantaran mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan ketidapatuhan cukai di kalangan pengimport. Dapatan kajian ini selari dengan penemuan Togler, (2003) yang menyatakan bahawa agen penghantaran banyak membantu pembayar cukai dalam mengurangkan bayaran cukai. Terutamanya apabila kumpulan yang dijadikan rujukan membenarkan berlakunya pengelakan cukai (Vogel, 1974; Wallschutzky, 1984; Weigel, et.al., 1987). Sekiranya pembayar cukai merujuk kepada orang yang mempunyai tahap pematuhan tinggi, kemungkinan mereka melakukan pengelakan cukai adalah rendah, dan begitulah sebaliknya jika merujuk kepada mereka yang mempunyai tahap pematuhan rendah.

6.2.1.4 Undang-Undang

Peruntukan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan bukan sahaja sebagai hukuman kepada pelaku ketidakpatuhan cukai, malahan sebagai instrumen pengawalan bagi memastikan pembayar cukai memenuhi tanggungjawabnya

(Devos, 2007). Hukuman atau penalti yang dikenakan memainkan peranan dalam jangkaan ketidakpatuhan cukai (Buchner & Sleeking, 1987). Lebih tinggi penalti dikenakan menyebabkan pengelakan cukai lebih berisiko, yang secara tidak langsung dan memberi impak positif kepada pematuhan cukai (Wenzel 2004).

Mengikut teori cegahan jenayah yang diperkenalkan oleh Allingham dan Sandmo (1972), setiap keputusan rasional yang dibuat oleh seseorang individu bertujuan untuk memaksimumkan jangkaan manfaat pematuhan dengan mengambilkira bebanan yang perlu ditanggung. Dalam kajian ini, undang-undang cukai mempunyai hubungan negatif yang signifikan dengan ketidakpatuhan cukai. Makin tegas dan jelas perundangan yang ditetapkan akan mengurangkan berlakunya ketidakpatuhan cukai. Keputusan kajian ini konsisten dengan beberapa penemuan terdahulu yang berpandangan bahawa individu lazimnya memberi reaksi terhadap sesuatu perkara jika kepentingan dirinya terancam (Allingham & Sandmo, 1972). Jika pengimport yakin bahawa tindakan atau hukuman yang bakal dikenakan kepada pengelak cukai adalah berat, maka kecenderungannya untuk membayar cukai akan meningkat.

6.2.1.5 Penguatkuasaan

Penguatkuasaan merupakan salah satu elemen terpenting bagi memastikan serta mengawal pengimport atau agennya mematuhi setiap perundangan yang ditetapkan. Tetapi, kajian ini mendapati wujud hubungan positif yang signifikan antara penguatkuasaan dengan ketidakpatuhan cukai import. Dapatan ini selari dengan

penemuan beberapa kajian yang menyatakan penerapan penalti mempunyai hubungan positif dengan ketidakpatuhan cukai (Virmani, 1989), dan meningkatkan lagi pengelakan cukai (Baldry, 1987; Kirchler, 2007). Malahan peningkatan kerja-kerja pengauditan dan penalti juga meningkatkan lagi pengelakan cukai (Baldry, 1987). Pembayar cukai akan memilih untuk tidak mematuhi perundangan cukai walaupun mereka menyedari kerja-kerja pengauditan akan dilaksanakan dan penalti dikenakan sekiranya perbuatan pelarian cukai dapat dikesan oleh pihak berkuasa cukai. Keadaan ini akan berterusan selagi amaun denda atau penalti yang perlu ditanggung oleh pembayar cukai lebih kecil berbanding manfaat kewangan pengelakan cukai yang akan diterimanya (Devos, 2005).

Selain dari itu, peningkatan kerja-kerja penguatkuasaan yang tidak telus seperti kelakuan pegawai cukai yang tidak munasabah semasa menjalankan tugas turut mengakis keinginan pembayar cukai untuk patuh (Kagan & Scholz, 1984; Torgler, 2003d; Murphy, 2004). Keadaan ini berlaku apabila pengimport telah menyogok pegawai yang diketahuinya bertindak secara tidak telus dalam penguatkuasaan demi kepentingan peribadinya (Braguinsky, 1996; Habib & Zurawick, 2002). Sogokan ini bertujuan mempengaruhi pegawai cukai agar mengeneipkan perundangan yang ditetapkan bagi menghalalkan transaksi yang salah (Parayno, 1999; Fisman & Wei, 2004), dan menghindari denda dan penalti, serta mengelakkan bil cukai meningkat (Nielsen & Ballas, 2000).

6.2.1.6 Rasuah

Rasuah dalam pentadbiran kastam merupakan masalah utama yang dihadapi oleh Negara Mali dan Senegal (Stasavage & Daubree, 1998). Ianya berlaku apabila pengimport telah menyogok pegawai cukai sebagai pertukaran untuk mengurangkan beban cukai (Fisman & Wei, 2004). Walaupun sesetengah pengimport menyedari pemberian rasuah merupakan suatu kesalahan, namun pemberian rasuah akan terus diberi kepada pegawai cukai selagi pengimport mendapat manfaatnya atau cukai yang dapat dikurangkan.

Apabila amalan bayaran tidak rasmi oleh peniaga kepada pegawai cukai makin menjadi, kadar pematuhan cukai menjadi lebih rendah dan mengurangkan tahap pematuhan cukai (Joulfaian, 2009; Uslander, 2010). Dapatan kajian ini membuktikan rasuah mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan ketidakpatuhan cukai, makin banyak berlakunya rasuah makin banyak berlakunya ketidakpatuhan cukai. Penemuan ini selaras dengan kajian Shleifer dan Vishny (1993) yang menyatakan rasuah mempunyai hubungan negatif dengan pematuhan cukai.

6.2.2 Objektif Kedua: Menentukan Faktor yang Menyumbang Kepada Ketidakpatuhan Cukai melalui Perantara Rasuah

Pelbagai kajian telah menyentuh impak rasuah kepada ketidakpatuhan cukai, namun jarang ditemui kajian yang menyentuh peranannya sebagai pembolehubah perantara dalam mempengaruhi kepada ketidakpatuhan cukai. Hasil analisis,

menunjukkan bahawa rasuah sebagai pembolehubah perantara memberi kesan sepenuhnya (*fully mediate*) kepada pembolehubah undang-undang, dan memberi kesan separa (*partial mediation*) kepada pembolehubah agen dan penguatkuasaan. Berdasarkan hasil penemuan di atas, dapat dirumuskan bahawa objektif kedua kajian telah tercapai.

6.2.2.1 Agen Penghantaran

Sebagai orang yang paling dekat dengan pegawai kastam, agen penghantaran dianggap sebagai perantara di antara pengimport dan pegawai kastam dalam proses pelepasan barangan import. Sekiranya pengimport merujuk kepada agen penghantaran yang mempunyai tahap pematuhan tinggi, kemungkinan mereka melakukan pengelakan cukai adalah rendah, dan begitulah sebaliknya jika merujuk kepada agen penghantaran yang mempunyai tahap pematuhan rendah.

Agen penghantaran yang memahami proses pelepasan barangan import akan menggunakan kelebihan ini bagi tujuan manfaat pelanggannya seperti urusan penjimatan bayaran cukai. Bagi memenuhi hasrat ini, agen penghantaran akan mengemukakan cadangan kepada kedua-dua pihak sebagai jalan penyelesaian terhadap sesuatu masalah berkaitan bayaran cukai. Dalam situasi sebegini tawar menawar mungkin berlaku sekiranya melibatkan amaun cukai yang besar. Keputusan diambil setelah kedua-dua pihak bersetuju, di mana pengimport akan mendapat manfaat beban cukai dapat dikurangkan. Urusan pemberian rasuah melalui agen penghantaran akan berterusan selagi pengimport mendapat manfaat

pengurangan bayaran cukai. Situasi ini seiring dengan keputusan kajian ini yang menunjukkan bahawa pengaruh negatif agen penghantaran mempunyai hubungan yang signifikan dengan ketidakpatuhan cukai melalui rasuah.

6.2.2.2 Undang-Undang

Peruntukkan undang-undang diwujudkan sebagai garis panduan kepada pegawai cukai dan pembayar cukai. Melalui perundangan ini, dinyatakan dengan jelas perkara yang mesti dipatuhi oleh pembayar cukai, termasuk hukuman yang akan dikenakan jika terbukti melakukan ketidakpatuhan cukai. Beratnya hukuman dan akibat yang perlu ditanggung di atas kesalahan pelarian cukai, telah mendorong pembayar cukai menawarkan rasuah untuk mempengaruhi kata putus pegawai awam ke atas sesuatu tindakan yang tidak sepatutnya dilakukan (Bardhan, 2006; Mele, 2009). Tindakan ini termasuklah bertujuan mengelakkan pelaku ketidakpatuhan cukai dari dikenakan hukuman (Mookherjee & Ping, 1995).

Pengimport turut menawarkan habuan bertujuan mempengaruhi pegawai cukai agar mengenyepikan perundangan yang ditetapkan bagi memudah atau menghalalkan setiap transaksi yang salah pengikraran, salah klasifikasi kod cukai dan nilai import di bawah nilai sebenar (Parayno, 1999; Fisman & Wei, 2004), dan bagi menghindari denda dan penalti, serta mengelakkan bil cukai meningkat (Nielsen & Ballas, 2000).

6.2.3 Penguatkuasaan

Tindakan penguatkuasaan memainkan peranan penting dalam mempengaruhi gelagat pematuhan cukai. Pengaruhnya bukan sahaja meningkatkan pematuhan cukai (Sour, 2001), tetapi turut menukar gelagat pembayar cukai dari bersikap negatif kepada positif kepada pematuhan cukai (Butler, 1993). Kadang-kadang tindakan penguatkuasaan juga boleh mendorong berlakunya ketidakpatuhan cukai. Keadaan ini berlaku apabila pengimport mengambil kesempatan dengan menyogok pegawai cukai yang berkuasa dan tidak telus dalam penguatkuasaan (Braguinsky, 1996; Habib & Zurawick, 2002). Pengimport tetap bersedia memberi rasuah kepada pegawai cukai walaupun terpaksa bagi menghindari denda dan penalti, serta mengelakkan bil cukai meningkat (Nielsen & Ballas, 2000). Pembayaran ini akan terus dilakukan selagi ianya memberi keuntungan kepada pengimport.

Perbuatan rasuah ini akan terus berkembang selagi pengimport bersedia memberi rasuah dan penguatkuasaan undang-undang tidak mempunyai ketelusan. Menurut Mookherjee dan Png (1995) yang membuat kajian di India yang mendapati 68 peratus dari pembayar cukai telah memberi rasuah kepada pegawai cukai bertujuan untuk mengurangkan bayaran cukai.

6.3 Implikasi Terhadap Teori

Sorotan karya menyatakan dengan jelas penggunaan dan keberkesanan model sendiri kewangan dalam kajian yang melibatkan ketidakpatuhan cukai. Namun

begitu, sebahagian besar kajian tertumpu kepada kajian cukai langsung, sementara kajian cukai tidak langsung yang melibatkan cukai barangan import jarang di temui. Urutan dari situasi ini memberi ruang untuk kajian ini mengemukakan model ketidakpatuhan cukai import berasaskan model sendiri kewangan.

Melalui kajian ini pembolehubah-pembolehubah bebas yang digunakan dapat menerangkan hampir 65 peratus varians dalam pembolehubah bersandar. Bersandarkan kepada dapatan kajian ini dapat dirumuskan bahawa model sendiri kewangan boleh digunakan dalam pelbagai bidang yang melibatkan ketidakpatuhan undang-undang. Kajian ini telah memperkenalkan satu pembolehubah baru iaitu rasuah, dan mengkhususkan pembolehubah pengaruh luar kepada agen penghantaran bagi di sesuaikan dengan persekitaran pengimportan di Malaysia. Di samping itu, turut menguji rasuah sebagai perantara dalam hubungan antara pembolehubah bebas dengan ketidakpatuhan cukai.

Berdasarkan kepada analisis yang dibuat oleh Jackson dan Millron (1986), beliau telah mengenal pasti pengaruh dari luar merupakan antara 14 faktor yang mempengaruhi kepatuhan cukai. Begitu juga dengan Fisher (1992) melalui model peluasan sendiri kewangan telah menyenaraikan pengaruh dari luar merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi ketidakpatuhan cukai. Pada awalnya pengaruh dari luar ini diperkenalkan secara umum, dan terbuka kepada mana-mana pengaruh dari luar seperti pengaruh kawan atau keluarga. Beberapa pengkaji seperti Hite dan Hasseldine (2003), dan Spilker, Worsham dan Prawit (1999) telah

membuat kajian berkaitan hubungan pengaruh agen cukai dengan kepatuhan cukai. Namun begitu peranan agen penghantaran kurang diberi perhatian. Oleh itu, untuk kajian ini pembolehubah luar telah dikhususkan kepada agen penghantaran.

Begitu juga dengan pembolehubah rasuah, yang didapati jarang ditemui dalam kajian yang menggunakan teori sendiri kewangan sebagai asas kajian. Diakui beberapa pengkaji (contoh: Mele, 2009; Rose-Ackerman, 1997; Stasavage dan Daubree, 1998) telah membuktikan bahawa rasuah mempunyai hubungan yang signifikan dengan ketidakpatuhan cukai. Namun kajian mereka ini tidak melibatkan model sendiri kewangan.


Dapatan kajian jelas menunjukkan kedua-dua pembolehubah ini mempunyai hubungan yang signifikan dengan ketidakpatuhan cukai. Malahan pembolehubah rasuah yang dijadikan sebagai pembolehubah perantara turut membuktikan bahawa peranannya amat signifikan dalam mempengaruhi hubungan antara agen penghantaran, undang-undang dan penguatkuasaan dengan ketidakpatuhan cukai. Berasaskan kepada ujian, dapat dirumuskan bahawa kedua-dua pembolehubah ini boleh dianggap sebagai sumbangan kepada model sendiri kewangan dalam kajian ke atas faktor yang mempengaruhi ketidakpatuhan cukai.

6.4 Model Ketidapatuhan Cukai Import

Pelbagai kajian yang melibatkan ketidakpatuhan cukai telah menggunakan model sendiri kewangan. Walaupun penggunaannya dalam bidang cukai tidak langsung

terutamanya yang melibatkan pengimportan barangan jarang ditemui. Tetapi kajian ini telah membuktikan model sendiri kewangan amat sesuai dengan cukai tidak langsung dengan merekodkan nilai R^2 hampir 65 peratus.

Dapatan ini menggambarkan model ketidakpatuhan cukai di kalangan pengimport di Malaysia telah mencapai tahap kebagusuaian padanan model yang baik. Gambar Rajah 6.2 menunjukkan model ketidakpatuhan cukai di kalangan pengimport yang dibentuk melalui kajian ini. Model ini merumuskan bahawa pembolehubah pengetahuan cukai, agen penghantaran, undang-undang, penguatkuasaan, dan rasuah mempunyai hubungan dengan ketidakpatuhan cukai. Disamping itu, rasuah juga memainkan peranan perantara di antara ketidakpatuhan cukai dengan agen penghantaran, undang-undang dan penguatkuasaan.



Rajah 6.2: Model Ketidakpatuhan Cukai Import

6.5. Implikasi Terhadap Pembuat Dasar

Hampir saban tahun pengurusan tertinggi JKDM secara tegas mengingatkan warganya agar hasil kerajaan dapat dipungut tanpa ada kebocoran. Susulan ingatan ini, pelbagai strategi telah dirangka bagi memastikan hasil sebenar dapat dipungut tanpa ada ruang pengelakan cukai. Namun begitu, masih terdapat pengimport yang gagal membayar cukai sebenar mengikut kehendak perundangan yang ditetapkan.

Kajian ini dijangka boleh membantu JKDM memahami dan mengenal pasti faktor yang mendorong berlakunya ketidakpatuhan cukai, dan seterusnya merangka pelan strategi dan pelaksanaan dalam mengurangkan ketidakpatuhan cukai. Di antara faktor-faktor yang dikenalpasti mempengaruhi ketidakpatuhan cukai adalah pengetahuan cukai, agen penghantaran, undang-undang, penguatkuasaan, dan rasuah. Berikut dikemukakan cadangan ke arah membendung atau mengurangkan berlakunya ketidakpatuhan cukai:

6.5.1 Pengetahuan Cukai

Kajian mendapati pengetahuan cukai memberi kesan yang signifikan kepada berlakunya ketidakpatuhan cukai. Oleh itu, amat wajar JKDM mempertingkatkan pengetahuan berkaitan dengan pelepasan barangan import dan perundangan yang perlu dipatuhi. Dipercayai dengan meningkatkan pengetahuan cukai sahaja belum mencukupi untuk menghalang pengimport yang sentiasa mencari ruang dan kesempatan untuk kepentingan diri sendiri. Oleh itu, amat perlu mempertingkatkan

pengetahuan berkaitan dengan perundangan jenayah seperti kesalahan atau risiko yang perlu ditanggung oleh pengimport jika melakukan ketidakpatuhan cukai.

Dengan peningkatan pengetahuan undang-undang jenayah sekurang-kurangnya boleh menyedar pengimport mengenai risiko yang perlu ditanggungnya jika melakukan ketidakpatuhan cukai. Pengetahuan ini bukan sahaja boleh menyedarkan pengimport dengan kehendak yang ditetapkan, malahan boleh mengelakkan pengimport dari diperdayai oleh agen penghantaran terutamanya berkaitan dengan pengurangan bayaran cukai.

6.5.2 Agen Penghantaran

Kajian ini mendapati agen penghantaran memberi kesan yang signifikan kepada ketidakpatuhan cukai. Tujuan kehadiran agen penghantaran adalah untuk membantu pengimport dalam pengiklanan import. Tetapi ada di antaranya tidak mematuhi peraturan dengan sepenuhnya, termasuklah berurusan dengan pengelakan cukai. Oleh itu, untuk mengurangkan ketidakpatuhan cukai, dicadangkan JKDM menguatkuasakan sepenuhnya peraturan sedia ada dan mengambil tindakan khusus ke atas agen-agen penghantaran yang melanggar peraturan sehingga kepada tahap pembatalan lesen. Selama ini agen penghantaran tidak pernah dikenakan sebarang tindakan di atas kesalahan yang dilakukan.

6.5.3 Undang-Undang

Kajian ini mendapati undang-undang memberi kesan yang signifikan kepada ketidakpatuhan cukai. Makin jelas perundangan yang ditetapkan akan mengurangkan berlakunya ketidakpatuhan cukai. Oleh itu, JKDM perlu memastikan peruntukan undang-undang yang ditetapkan bukan sahaja sebagai hukuman kepada pelaku ketidakpatuhan cukai, tetapi juga sebagai instrumen pengawalan bagi memastikan pembayar cukai memenuhi tanggungjawabnya.

Hukuman atau penalti yang dikenakan memainkan peranan dalam jangkaan ketidakpatuhan cukai. Lebih tinggi penalti atau penganan penjara yang akan dikenakan menyebabkan perbuatan pengelakan cukai menjadi lebih berisiko kepada pembayar cukai, dan boleh mendorong pembayar cukai menjauhi perbuatan pengelakan cukai.

6.5.4 Penguatkuasaan

Kajian ini mendapati penguatkuasaan memberi kesan yang signifikan kepada ketidakpatuhan cukai. Makin tinggi tindakan penguatkuasaan akan meningkatkan ketidakpatuhan cukai. Diakui, membenteras pengelakan cukai bukanlah suatu perkara yang mudah, tetapi bukan suatu perkara mustahil untuk mengatasinya. Oleh itu menjadi satu kemestian kepada JKDM memperkasakan tindakan penguatkuasaan bagi memastikan pengimport mematuhi perundangan yang ditetapkan. Kombinasi penguatkuasaan seperti memperkasakan pengauditan,

meningkatkan integriti pegawai, dan pendakwaan secara serentak ke atas pelaku dan orang yang bersubahat dengan pengelakan cukai boleh menyedarkan pengimport bahawa JKDM adalah tegas dalam melaksanakan penguatkuasaan.

6.5.5 Rasuah

Kajian ini mendapati rasuah merupakan satu faktor yang mendorong berlakunya ketidakpatuhan cukai di kalangan pengimport. Bukan itu sahaja, agen penghantaran, undang-undang, dan penguatkuasaan mempunyai hubungan yang signifikan dengan ketidakpatuhan cukai melalui rasuah. Penemuan ini secara tidak langsung menggambarkan rasuah sememangnya memainkan peranan yang penting terhadap ketidakpatuhan cukai di kalangan pengimport.

Penemuan ini seiring dengan pendedahan media yang sering melaungkan penyelewengan cukai mempunyai hubungan yang kukuh dengan rasuah. Media sebelum ini dengan tegas meminta pengurusan JKDM supaya melakukan sesuatu bagi menghapuskan gejala rasuah dan penyalahgunaan kuasa yang di lihat tidak ada penghujungnya. Gejala ini jika dibiarkan berterusan akan memberi ruang yang lebih terbuka kepada pengimport yang sentiasa mencari peluang untuk melakukan ketidakpatuhan cukai. Bagi pengimport, selagi rasuah yang dibayar memberi manfaat dan keuntungan kepadanya, perbuatan rasuah ini akan tetap dilakukan.

Tiba masanya bagi JKDM mencari penawar bagi membendung gejala ini dari berleluasa. Oleh itu, amat perlu kepada JKDM bertindak lebih agresif dan professional dalam menangani permasalahan ini. Antara tindakan ini termasuklah

menghadkan tempoh masa pegawai di satu-satu tempat bertugas. Apabila seseorang pegawai terlalu lama berada di satu-satu bahagian atau tempat maka tidak mustahil seseorang pegawai boleh terlibat dalam penyalahgunaan kuasa dan rasuah. Diakui ianya mendatangkan pelbagai masalah terutamanya yang perlu berpindah dari satu tempat ke satu tempat lain, tetapi adalah lebih baik daripada membiar rasuah terus melata dalam jabatan.

Memperkemaskan mekanisme kawalan dalaman agar ianya tidak longgar seperti mengurangkan kuasa budi bicara agar tidak ada pengimport dan pegawai yang mengambil kesempatan ke atas keaburan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan untuk kepentingan diri. Prosedur yang sukar difahami perlu dipermudahkan agar senang difahami oleh semua pihak termasuk pelanggan jabatan. Proses yang telus dan mudah difahami sudah tentu akan dapat menghindari bahaya rasuah.

6.6 Cadangan Kajian Lanjutan

Hasil kajian ini secara tidak langsung dapat mengenal pasti faktor yang mendorong berlakunya ketidakpatuhan cukai dalam persekitaran import barangan di Malaysia. Namun begitu, diakui masih terdapat lain-lain faktor dan persoalan yang perlu dilihat yang memerlukan kajian lanjutan. Sehubungan dengan itu, dicadangkan kajian masa hadapan memberi perhatian berikut:

- i. Kajian yang serupa dilakukan dengan mengemukakan pembolehubah persepsi pengimport kepada JKDM, dan sistem penyampaian perkhidmatan. Kedua-dua faktor ini dijangka memberi kesan kepada ketidakpatuhan cukai. Ini kerana persepsi dan cara penyampaian perkhidmatan turut memberi kesan kepada keyakinan pembayar cukai terhadap kerajaan.
- ii. Agen penghantaran merupakan orang yang dirujuk oleh pengimport. Sebagai perantara antara pengimport dengan pegawai JKDM sudah tentu peranannya amat besar dalam mempengaruhi kedua-dua pihak. Sehubungan itu, dicadangkan kajian akan datang menjadikannya sebagai pembolehubah perantara untuk mengetahui sejauhmana pengaruhnya dalam hubungan antara pembolehubah bebas dengan ketidakpatuhan cukai.
- iii. Disyorkan kajian akan datang memberi perhatian kepada pintu masuk barangan iaitu pelabuhan, lapangan terbang dan jalan darat. Tujuan utamanya adalah untuk mengenalpasti pintu masuk manakah yang paling tinggi berlakunya ketidakpatuhan cukai.

RUJUKAN

- Ades, Alberto and Rafael Di Tella (1999). "Rents, Competition, and Corruption" *American Economic Review*, Vol. 89, No. 4, 982-993.
- Aguilera, R.V. and A. K. Vadera (2008) "The Dark Side of Authority: Antecedents, Mechanisms, and Outcomes of Organizational Corruption." *Journal of Business Ethics*, 77 (4): 431-449.
- Ahmad, M. A. R., Mohd-Hanefah, H. M., & Mohd-Noor, M. A. (2007). The effect of knowledge on tax compliance behaviours among Malaysians taxpayers. *Proceedings of International Conference on Business and Information (BAI), Tokyo, Japan, July 11-13*. Retrieved January 11, 2010, from <http://ibacnet>.
- Aidt, T. 2009, "Corruption, Institutions, and Economic Development", *Oxford Review of Economic Policy*, vol. 25, no. 2, pp. 271-291.
- Aidt, T., Dutta, J. and Sena, V. (2008), *Governance Regimes, Corruption and Growth: Theory and Evidence*. *Journal of Comparative Economics*, Vol. 36(2), pp. 195-220.
